

**IMPLIKASI GEJALA BULI TERHADAP EMOSI DAN TINGKAH LAKU  
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH  
DI LUAR BANDAR**

**MOHD RODZI BIN AKOB**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
PSIKOLOGI PENDIDIKAN**

**(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti implikasi buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar di dua buah sekolah menengah di luar bandar. Kajian ini berbentuk kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Peserta kajian terdiri daripada lima orang pelajar iaitu tiga orang lelaki dan dua orang perempuan yang berumur di antara 13 hingga 17 tahun. Selain itu, peserta kajian tambahan terdiri daripada dua orang guru disiplin dan dua orang guru kaunseling dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Instrumen kajian adalah berasaskan protokol temu bual yang mendalam dan menyeluruh secara tidak berstruktur. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif dan naratif untuk mengenal pasti tema-tema yang muncul. Teknik triangulasi data daripada hasil temu bual pelajar dan guru, analisis dokumen seperti rekod disiplin, rekod kehadiran, dan rekod pencapaian akademik serta pemerhatian telah dilakukan bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan. Dapatan kajian menunjukkan berlakunya kes buli dalam kalangan pelajar di sekolah menengah di luar bandar berdasarkan tema-tema utama yang muncul seperti kesan buli dari aspek emosi dan kesan buli ke atas tingkah laku. Dapatan kajian juga mendapati jenis buli yang lazim berlaku ialah buli emosi yang menyebabkan konflik dan krisis dari aspek perlakuan, pemikiran, dan perasaan pelajar yang menjadi mangsa buli. Kesimpulan kajian mendapati buli buli terhadap emosi lebih banyak berlaku berbanding buli tingkah laku. Implikasi kajian menunjukkan bahawa buli telah meninggalkan kesan negatif terhadap mangsa dari aspek emosi dan tingkah laku pelajar serta persepsi negatif mangsa buli terhadap dunia sebenar mereka.





## **IMPLICATIONS OF THE BULLY'S SYMPTOMS AGAINST EMOTIONAL AND BEHAVIOURAL PROBLEMS AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN RURAL AREA.**

### **ABSTRACT**

This study aimed to identify bullying implications on emotions and behaviors problem among students in two secondary school in rural areas. This was a case study using a qualitative approach. The study participants consist of five students; three male and two female between age of 13 to 17. In addition two discipline teachers and two counseling teachers were selected using a purposive sampling technique. Research instruments used to collect data-depth and through unstructured interview protocols. The data analyzed descriptively and narratively in order to identify the themes. The data triangulated from student and teacher interviews, document analysis such as disciplinary records, attendance, academic achievement records and observations to determine the validity and reliability. Finding showed the occurrence of bullying cases among students in rural secondary school based on themes such as bullying effects on emotional aspects and bullying effects on behavior. The study also found that the most common type of bullying was emotional bullying that caused conflicts and crisis in the aspects of the behavior, thinking and feelings of the students who became the victims of bullying. The study concluded that bullying on emotions were more likely than physical bullying. This implications of the study showed that bullying had a negative impact on the victim from the emotional and behavioral aspects as well as their negative perception towards the real world.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN PENYERAHAN TESIS / DISERTASI</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii

### SENARAI SINGKATAN

## BAB 1 PENGENALAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	14
1.4	Persoalan Kajian	14
1.5	Kerangka Kajian	16
1.6	Kepentingan Kajian	17
1.7	Batasan Kajian	19
1.8	Definisi Operasional	19
1.8.1	Buli	19
1.8.2	Mangsa Buli	20

1.8.3	Emosi	20
1.8.4	Tingkah laku	21
1.8.5	Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar	21
1.9	Kesimpulan	22

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	23
2.2	Faktor yang Mempengaruhi Tingkah Laku Buli Pelajar Sekolah Luar Bandar	24
2.2.1	Aspek Kognitif Mangsa Buli	24
2.2.2	Tingkah Laku Mangsa Buli	27
2.2.3	Persekitaran Sosial Mangsa Buli Sekolah	29
2.2.4	Krisis Identiti Mangsa Buli	34
2.2.5	Konflik Jiwa Mangsa Buli	34
2.3	Jenis-jenis Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar	36
2.4	Jenis-jenis Emosi Mangsa Buli Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar	39
2.5	Teori yang Berkaitan	42
2.5.1	Teori Pembelajaran Sosial Bandura	42
2.5.2	Teori Psikososial Erikson	47
2.5.3	Teori Berkaitan Tingkah Laku Mangsa Buli dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar	49
2.5.3.1	Mangsa Buli Pasif	49
2.5.3.2	Mangsa Buli Reaktif	50
2.6	Implikasi Buli Terhadap Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar	51
2.6.1	Implikasi Terhadap Emosi Pelajar Sekolah Menengah Di Luar Bandar	52
2.6.1.1	Kajian Luar Negara	52

2.6.1.2	Kajian dalam Negara	58
2.6.2	Implikasi Terhadap Tingkah Laku Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar	68
2.6.2.1	Kajian Luar Negara	68
2.6.2.2	Kajian dalam Negara	73
2.7	Kesimpulan	78

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	80
3.2	Reka Bentuk Kajian	81
3.3	Lokasi Kajian	82
3.4	Populasi dan Persampelan Kajian	83
3.5	Teknik Pengumpulan Data	85
3.5.1	Temu Bual	86
3.5.2	Analisis Dokumen	88
3.6	Teknik Penganalisisan Data	89
3.6.1	Analisis Temu Bual	90
3.6.2	Penyaringan dan Pengekodan Data	91
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	93
3.8	Kajian Rintis	97
3.9	Rumusan	98

### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	100
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	100
4.3	Dapatan Kajian	101
4.3.1	Dapatan Kajian kepada Persoalan Kajian 1	102
4.3.1.1	Faktor Pelajar dibuli	102

4.3.1.2	Kurang Pengawasan	107
4.3.1.3	Pengaruh Media Massa	112
4.3.1.4	Rumusan Dapatan Kajian Kepada Persoalan Kajian 1	115
4.3.2	Dapatan Kajian Kepada Persoalan Kajian 2	117
4.3.2.1	Buli Secara Verbal	
4.3.2.2	Buli Secara Penderaan	124
4.3.2.3	Rumusan Dapatan Kajian Kepada Persoalan Kajian 2	131
4.3.3	Dapatan Kajian Kepada Persoalan Kajian 3	132
4.3.3.1	Sentuhan Fizikal	132
4.3.3.2	Penderaan Fizikal	138
4.3.3.3	Rumusan Dapatan Kajian Kepada Persoalan Kajian 3	142
4.3.4	Dapatan Kajian Kepada Persoalan Kajian 4	143
4.3.4.1	Efikasi Kendiri Rendah	143
4.3.4.2	Kesukaran Akademik	152
4.3.4.3	Tekanan dan Ancaman	155
4.3.4.4	Tingkah Laku Destruktif	161
4.3.4.5	Tingkah Laku Disruptif	163
4.3.4.6	Kebergantungan Berlebihan	171
4.3.4.7	Rumusan Dapatan Kajian Kepada Persoalan Kajian 4	175
4.3.5	Rumusan Dapatan Kajian	181
4.3.6	Dapatan Analisis Dokumen	184
4.3.6.1	Peserta Kajian Pertama	184

4.3.6.2 Peserta Kajian Kedua	185
4.3.6.3 Peserta Kajian Ketiga	185
4.3.6.4 Peserta Kajian Keempat	186
4.3.6.5 Peserta Kajian Kelima	186
4.3.6.6 Ulasan Analisis Dokumen	186
4.4 Rumusan	187

## **BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN**

5.1	Pendahuluan	189
5.2	Ringkasan Kajian	190
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	192
5.3.1	Faktor Menyebabkan Pelajar Dibuli	195
5.3.2	Kajian Terhadap Aspek Jenis Buli Emosi	201
5.3.3	Kajian Terhadap Jenis Buli Tingkah Laku	204
5.3.4	Implikasi Buli Terhadap Emosi dan Tingkah Laku	206
5.4	Implikasi Kajian	212
5.4.1	Implikasi Kajian Secara Teoritikal	213
5.4.2	Implikasi Kajian dari Perspektif Pengkaji Terhadap Mangsa Buli dalam Dunia Sebenar	217
5.5	Sumbangan Kajian	222
5.6	Cadangan Tentang Kajian Lanjutan	224
5.7	Penutup	224

<b>RUJUKAN</b>	226
----------------	-----

<b>LAMPIRAN</b>	241
-----------------	-----

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Contoh Kod-kod Terhadap Tema Dapatan Kajian	92
3.2 Skala Persetujuan Cohen Kappa	95

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Kajian	16
3.2 Proses Analisis Dokumen	89
4.1 Sub Tema Faktor Pelajar Dibuli	107
4.2 Sub Tema Kurang Pengawasan	112
4.3 Sub Tema Pengaruh Media Massa	114
4.4 Faktor Mangsa Buli	116
4.5 Sub Jenis Buli Verbal	123
4.6 Sub Jenis Penderaan	130
4.7 Sub Jenis Buli Secara Penderaan	131
4.8 Sub Tema Sentuhan Fizikal	137
4.9 Sub Tema Penderaan Fizikal	141
4.10 Jenis Buli Tingkah Laku	142
4.11 Implikasi Buli Terhadap Efikasi Kendiri	151
4.12 Sub Implikasi Buli Terhadap Aspek Kesukaran Akademik	155
4.13 Sub Implikasi Buli Terhadap Aspek Tekanan dan Ancaman	160
4.14 Sub Implikasi Buli Terhadap Tingkah Laku Distruktif	163
4.15 Sub Implikasi Buli Terhadap Tingkah Laku Disruptif	170
4.16 Sub Implikasi Buli Terhadap Tingkah Laku Keberbantuan Berlebihan	175

4.17	Implikasi Buli	176
4.18	Implikasi Buli Terhadap Emosi dan Tingkah Laku	181
5.1	Dapatan Keseluruhan Dari Aspek Faktor Dibuli, Jenis-jenis Buli Dan Implikasi Buli Terhadap Pelajar Sekolah Luar Bandar	195
5.2	Faktor Menyebabkan Pelajar Dibuli	200
5.3	Jenis-jenis Buli Emosi yang Lazim	204
5.4	Jenis-jenis Tingkah Laku yang Lazim	206
5.5	Implikasi Gejala Buli Terhadap Emosi dan Tingkah Laku Mangsa Buli	212

## SENARAI SINGKATAN

WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
HEM	Hal Ehwal Murid
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LPPKN	Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga
PDPC	Pengajaran dan Pemudah Caraan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Sekolah merupakan sebuah institusi pendidikan formal yang amat penting dalam membekalkan ilmu dan mendidik keperibadian remaja dalam sesebuah negara. Ianya merupakan sumber yang membekalkan aset utama negara dari segi modal insan yang bakal mencorakkan masa hadapan negara. Sekolah bukan sahaja sebagai tempat untuk mendapatkan pendidikan akademik dan kemahiran, sekolah merupakan tempat untuk mendidik, mengasuh, membentuk dan membentuk jati diri serta semangat patriotisme dalam diri pelajar. Namun, apa yang berlaku dengan berleluasa dewasa ini ialah gejala buli yang sering mendapat liputan di media massa. Isu gejala buli dan masalah disiplin dilaporkan semakin menjadi-jadi baik di sekolah-sekolah rendah dan juga sekolah menengah (Azizi, 2011). Oleh yang demikian, kerjasama semua pihak dalam memikul



tanggungjawab yang besar dalam menentukan kemenjadian dalam kalangan generasi muda ini pada masa hadapan.

Pelbagai isu kes buli dapat dilihat melalui pembacaan dan siaran televisyen yang memaparkan kejadian-kejadian buli yang sering berlaku dalam persekitaran sekolah. Terdapat juga kes yang menyebabkan kematian hanya kerana dibuli dan dibelash dengan teruk oleh golongan yang tidak bertanggungjawab ini. Sikap suka membuli ini telah menjadi semakin kronik dan mangsa buli pula semakin tiada tempat untuk mengadu terutamanya di sekolah. Gejala buli merupakan masalah disiplin yang serius dalam kalangan pelajar di negara kita bukanlah perkara asing. Ini berdasarkan laporan media terhadap beberapa kes buli. Baru-baru ini terdapat beberapa kes membabitkan sebilangan pelajar di beberapa sekolah asrama penuh. Kes sebegini juga tidak terhad berlaku di sekolah asrama penuh, malah juga sangat popular di sekolah harian (Berita Harian, Julai 2017). Buli merupakan sejenis tingkah laku dominasi yang dilakukan berulang kali secara psikologi atau fizikal daripada seorang atau kumpulan yang lebih berkuasa kepada seseorang yang kurang kuasa. Mangsa buli selalunya mempunyai ciri-ciri tertentu yang menyebabkan pembuli mudah mengesan dan bertindak membuli mereka (Wolke & Lereya, 2014).

Oleh yang demikian, perkembangan kes buli ini seiring dengan kemajuan dan pembangunan negara. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Pusat Informatik Kesihatan, Kementerian Kesihatan untuk tempoh lima tahun (2010-2014), memperlihatkan sejumlah 338 kematian di hospital-hospital akibat daripada perbuatan mencederakan diri atau '*intentional self-harm*'. Kementerian Kesihatan Malaysia (2015). Menurut laporan ini lagi, tingkah laku bunuh diri boleh berlaku akibat pelbagai





faktor kompleks yang saling berkait antaranya gangguan mental terutamanya kemurungan akibat tekanan perasaan. Beberapa kajian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Bank Dunia mengenal pasti kemurungan adalah penyakit keempat paling serius dalam melumpuhkan jiwa seseorang di dunia (Christopher, Armitage, Maria Panagiotti, Wirda Abdul Rahim & Richard Rowe, 2015).

Persoalannya, di manakah nilai kemanusiaan yang ada pada masyarakat kita yang hanya menuding jari bagi pihak yang terlibat. Mereka hanya diam membisu tidak mengambil langkah bagi membendung kes buli ini sehingga ke akar umbi. Kejadian buli di sekolah luar bandar merupakan masalah disiplin yang sukar dibanteras dan ianya telah memberikan kesan negatif kepada emosi dan tingkah laku mangsa buli dalam kalangan pelajar sekolah (Khadijah, 2013).



Jika dilihat kepada statistik peningkatan kadar masalah sosial dan peningkatan kadar jenayah dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar dewasa ini, telah menimbulkan keraguan dan membimbangkan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bersekolah. Perkara ini turut memberi impak negatif terhadap kredibiliti dan peranan sekolah sebagai agen kawalan sosial yang seharusnya berperanan dalam membentuk moral (emosi) dan tingkah laku generasi muda. Oleh yang demikian, tidak adil sekiranya masyarakat sekeliling hanya menuding jari kepada ibu bapa ataupun guru sekolah apabila berlakunya perlakuan buli dalam kalangan pelajar sekolah (Zulfikri, Yohan & Haris, 2014).



Walaupun pelbagai peraturan, undang-undang dan peningkatan tahap disiplin telah dilakukan oleh pihak sekolah, namun perbuatan salah laku pelajar tetap berlaku dan semakin meningkat dari tahun ke tahun lantas membimbangkan semua pihak. Menurut laporan oleh Sektor Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid, sepuluh jenis tingkah laku jenayah dalam kalangan murid sekolah menengah ialah berunsur jenayah, berunsur kelucahan, kekemasan diri, tidak pentingkan masa, kurang sopan, vandalisme, ponteng sekolah, kenakalan, buli dan menghisap rokok (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Justeru, perlakuan buli pada asasnya adalah sejenis tingkah laku penyalahgunaan kuasa. Tingkah laku buli merupakan perbuatan yang berulang kali dilakukan terhadap individu mangsa buli. Mangsa buli ini tidak mempunyai keupayaan untuk mempertahankan dirinya dalam situasi yang sebenar. Oleh yang demikian, mangsa buli akan sentiasa berada dalam keadaan ketakutan dan kesakitan semasa dibuli. Lantaran itu, mereka juga diserang perasaan fobia terhadap ancaman akan dibuli lagi pada masa hadapan. Oleh sebab itu, mangsa buli akan mengalami kemerosotan dalam perhubungan dengan orang lain, menghadapi masalah dari segi nilai diri, kesan aspek psikologi, pencapaian akademik yang rendah dan efikasi diri yang rendah dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar (Fathilah Akmal, Mohd Mahzan & Abdul Razaq, 2016).

Oleh hal yang demikian, kajian berbentuk kualitatif ini dijalankan untuk melihat perlakuan buli boleh mendatangkan kesan yang sangat besar terhadap emosi dan tingkah laku pelajar dan keselamatan di sekolah. Perlakuan buli dikenal pasti sebagai situasi serangan oleh satu pihak kepada satu pihak lain di mana, penyerang kelihatan



lebih berkuasa daripada mangsa yang biasanya jarang membalas atau tidak membalas semula. Bentuk perlakuan buli yang wujud secara langsung atau tidak langsung telah memberikan implikasi negatif kepada perkembangan dan pertumbuhan pelajar sama ada yang menjadi mangsa buli atau mereka yang terlibat dengan perlakuan buli ini. Apa yang membimbangkan menurut Azlina (2010), kesan psikologi terhadap mangsa buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar yang boleh mendorong kepada perkara yang tidak diinginkan seperti bunuh diri, terbabit dalam aktiviti kurang sihat dan masalah sosial. Mangsa yang tidak berkelakuan agresif terhadap orang lain akan berubah menjadi cepat cemas dan tertekan. Ia juga boleh mendorong mangsa untuk membunuh diri.



Berdasarkan perkembangan semasa, bilangan kes buli yang dilaporkan adalah rendah berbanding seramai lima juta orang pelajar di seluruh negara. Statistik ini hanya berdasarkan fakta kes yang dilaporkan. Menurut hasil Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada tahun 2015 menunjukkan kira-kira 4.2 juta rakyat Malaysia yang berumur 16 tahun ke atas atau 29.2 peratus daripada jumlah penduduk mengalami masalah emosi. Jumlah tersebut menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak kerana telah menunjukkan peningkatan sebanyak 11.2 peratus berbanding tahun 2006. Menurut kajian ini juga telah memperlihatkan masalah yang lebih serius dalam kalangan pelajar apabila nisbah mereka yang menghadapi masalah emosi telah meningkat daripada satu dalam sepuluh orang pada tahun 2011 kepada satu dalam lima individu pada 2016 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2016).





Menurut laporan media massa, kes-kes disiplin itu termasuklah kes berat seperti kelakuan berunsur jenayah, buli, kelucahan, ponteng sekolah serta kes-kes disiplin ringan. Bagi kes buli sehingga Jun 2017, rekod menunjukkan sebanyak 872 kes dicatatkan. Walaupun sesetengahnya dianggap terpencil dan bukan berterusan sepanjang tahun, pihak Kementerian Pendidikan tetap memandang serius kes berkaitan buli (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013).

Selaras dengan itu, menurut Siti Hajar Mohamad dan Yahya Don (2016) institusi sekolah dilihat sebagai satu sumber utama modal insan untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dan berdaya tahan dalam pelbagai aspek, sama ada dari segi kepimpinan, akademik, sukan dan kemahiran yang pelbagai. Oleh yang demikian, dengan peningkatan isu gejala buli yang melibatkan pelajar sekolah menengah di luar bandar

semakin mendapat liputan luas dalam kalangan media massa telah menyebabkan masyarakat menganggap golongan pelajar sekolah sebagai liabiliti berbanding aset kepada negara. Insiden buli yang berlaku sejak kebelakangan ini dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar juga sering dilaporkan oleh media-media tempatan yang mana rata-rata hanya membabitkan pelajar lelaki. Namun insiden buli ini juga wujud dalam kalangan pelajar wanita di sekolah. Sebenarnya, adalah tidak mustahil untuk kes buli ini berlaku dalam kalangan pelajar perempuan pada masa kini.

Berdasarkan kepada kajian oleh Fatimah (2015), pelajar yang berusia 18 tahun ke bawah mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi. Justeru, mereka mencuba dan melakukan kegiatan seperti buli. Selaras dengan kepesatan dunia kini, pelajar sekolah menengah di luar bandar yang hidup dalam keadaan yang kurang kondusif dan sifat keperibadian yang kurang baik boleh mengakibatkan timbulnya berbagai-bagai





penyimpangan tingkah laku dan emosi dan perbuatan-perbuatan negatif yang melanggar aturan dan norma-norma masyarakat. Sebagai contoh, mereka terbabit dalam aktiviti kurang sihat, masalah sosial serta cubaan membunuh diri apabila mengalami kemurungan yang teruk.

Menurut laporan oleh Sektor Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid (HEM), sepuluh jenis tingkah laku jenayah dalam kalangan murid menengah ialah berunsur jenayah, berunsur kelucahan, kekemasan diri, tidak pentingkan masa, kurang sopan, laku musnah, ponteng sekolah, kenakalan, buli dan menghisap rokok. Statistik menunjukkan gejala buli (3.88%) melibatkan 4159 orang pelajar merupakan tingkah laku delinkuen terendah diikuti perlakuan gegsterisme jenayah (13.36%) membabitkan 14321 orang pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).



Berdasarkan kepada statistik oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2014) pula telah mendapati 11.7 peratus remaja merokok setiap hari, 3.9 peratus pergi ke pusat snuker sekali dalam beberapa bulan, 1.5 peratus yang pergi ke kelab malam sekali dalam beberapa bulan, 6.7 peratus remaja bersosial hingga larut malam sekali dalam seminggu dan 12.5 peratus pergi ke pusat karaoke sekali dalam beberapa bulan. Ternyata tempat hiburan seperti ini telah tumbuh seperti ceendawan selepas hujan di kawasan luar bandar. Namun begitu, peratusan yang sangat rendah dicatatkan bagi kes menyertai dan meminum minuman keras/beralkohol, kegiatan lumba haram, penagihan dadah dan ketagihan menghidu gam. Jika dilihat kepada permasalahan kajian ini, pengaruh aktiviti sosial melampau dalam kalangan rakan sebaya pelajar sekolah menengah luar bandar boleh menyebabkan remaja mudah terlibat dengan perkara-perkara negatif seperti bersosial hingga larut malam dengan





mengunjungi kelab malam, pusat snuker, pusat karaoke, menyertai kegiatan lumba haram, merokok, menggunakan dadah, menghidu gam dan meminum minuman keras. Akibat daripada faktor kebebasan berdasarkan tingkah laku di atas menyebabkan golongan pelajar ini tidak dapat berfikir secara rasional lantas mendorong mereka menjadi pembuli dalam kalangan mereka sendiri terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar.

Menurut Amin Al Haadi (2013) dalam kajiannya telah menjelaskan bahawa terdapat juga kesan fizikal dilihat dalam jangka masa pendek kepada mangsa buli. Kesan ini menyebabkan pelbagai kesukaran dihadapi oleh mangsa buli. Pendapat ini menyokong dapatan oleh Omoteso (2010) yang menyatakan tentang sifat seorang mangsa buli biasanya seorang yang pasif, pendiam, berhati-hati, sensitif dan mudah menangis. Tahap keyakinan diri mereka juga rendah dan imej diri yang kurang menarik. Mangsa buli juga mempunyai sikap tidak suka melawan dan mempunyai fizikal yang lemah berbanding rakan sekelas mereka. Mereka juga tidak mempunyai kawan. Mangsa yang sedang dibuli mengalami satu atau lebih daripada perkara berikut iaitu ketidak hadiran ke sekolah yang kronik, kemerosotan prestasi akademik, peningkatan perasaan untuk menentang, kesunyian serta rasa disingkirkan dan timbul rasa ingin membunuh diri. Perkara ini juga disokong oleh pandangan Lereya, Winsper, dan Heron (2013) bahawa mangsa buli juga menunjukkan peningkatan perbuatan mencederakan diri sendiri (*self harm*) dan kecenderungan untuk membunuh diri.

Oleh yang demikian, sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan sebaiknya pelbagai isu tingkah laku negatif ini, mungkin akan mendorong kepada tingkah laku devian dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar yang mendatangkan





masalah besar kepada masyarakat dan negara di masa hadapan. Misalnya, beberapa kes jenayah yang membabitkan pelajar seperti buli, peras ugut, seks bebas, rogol, ketagihan dadah dan membunuh telah cukup mendatangkan kegusaran kepada seluruh masyarakat Malaysia (Mazlili, 2013). Maka, pelbagai masalah yang kian membimbangkan ini perlu ditangani segera dengan pendekatan terbaik agar tidak terus menular dan menambah kebimbangan sedia ada dalam kalangan masyarakat.

Umum mengetahui bahawa tingkah laku buli boleh meninggalkan kesan negatif sepanjang hayat terhadap mangsa. Tingkah laku buli telah menimbulkan masalah kepada golongan pelajar dan kesan buli ini akan memberikan impak negatif dalam kehidupan seharian mereka. Mangsa buli juga akan mengalami situasi sukar seperti tekanan, kebimbangan, rendah diri, masalah hubungan sosial, menjadi cemas, tertekan, bersifat agresif, kecederaan fizikal, psikologi, sosial, atau mengasingkan diri dari masyarakat dan kesan yang paling teruk sehingga ada yang melakukan perubahan membunuh diri (Schneider, Smith, dan O'Donnell, 2013). Dapatan tersebut menyokong pendapat Azlina (2010), yang menyatakan kesan psikologi terhadap mangsa buli apabila ia boleh mendorong kepada perkara yang tidak diingini seperti bunuh diri, terbabit dalam aktiviti kurang sihat dan masalah sosial. Mangsa yang tidak berkelakuan agresif terhadap orang lain akan berubah menjadi cepat cemas dan tertekan. Ia juga boleh mendorong mangsa untuk membunuh diri seperti mana yang dilaporkan di dalam negara dan negara lain seperti Jepun, Korea Selatan, Kanada, Norway, England, Hong Kong dan Amerika Syarikat.





Menurut Jamal Safri, Faridah dan Zuria (2010), mangsa buli ialah seseorang yang menjadi sasaran bagi berbagai tingkah laku agresif. Dengan kata lain, mangsa buli ialah orang yang dibuli atau sasaran pembuli. Pelajar yang sering menjadi mangsa buli biasanya menonjolkan ciri-ciri tingkah laku internal seperti bersikap pasif, sensitif, pendiam, lemah dan tidak akan membalas sekiranya diserang atau diganggu. Secara umum, pelajar-pelajar yang menjadi mangsa buli kerana mereka memiliki kepercayaan diri dan penghargaan diri (*self esteem*) yang rendah.

Menurut Aslina (2013), mangsa buli mengalami lebih banyak kesan-kesan dalaman seperti tidak gembira, tertekan, keliru, kebimbangan dan tahap kendiri yang rendah berbanding pembuli. Oleh yang demikian, kita mendapati mangsa buli mengalami pengalaman yang memalukan dan menyakitkan dan lebih menunjukkan tanda-tanda kemahiran sosial yang negatif berbanding pelajar yang tidak terlibat langsung. Oleh yang demikian, hal ini akan memberi kesan terhadap pencapaian akademik mereka terutamanya kepada mangsa buli pasif yang kronik. Ianya juga akan mendatangkan kesan secara tidak langsung kepada hubungan sosial dari aspek emosi dan tingkah laku mereka dengan ahli keluarga dan kawan-kawan apabila mereka dewasa.

Menurut hasil kajian oleh Harlow & Roberts (2010), mendapati buli di sekolah telah memberikan pelbagai implikasi negatif terhadap pelajar seperti tahap kepercayaan kendiri rendah, kesunyian, tekanan perasaan, kebimbangan, tidak hadir ke sekolah dan kesukaran dalam akademik. Menurut Lieberman dan Cowan (2011), mangsa buli siber mengalami tekanan sehingga hampir dua kali ganda lebih berkemungkinan untuk cuba membunuh diri dan keadaan ini terjadi kepada mangsa yang baru mengalami kes buli





dalam talian terutama golongan pelajar sekolah menengah di luar bandar. Ada juga dalam kalangan mangsa buli ini menggunakan dadah atau minuman keras untuk meredakan ketegangan akibat dibuli. (Department for Children, Schools and Families, 2013).

Berdasarkan kepada dapatan Vaillancourt, Mc Dougall, Hymel, dan Sunderani (2010), di dalam kajiannya telah menjelaskan bahawa stress akibat dibuli akan memberi tekanan kepada fungsi sistem imunisasi dan kajian mendapati bahawa hormon Cortisol akan menjadi penghubung antara dibuli dan kesihatan fizikal dan adalah menjadi kesukaran untuk mengasingkan antara otak dan tingkah laku.

Mangsa pasif selalu berada dalam kebimbangan dan rasa tidak selamat. Mereka juga mempunyai pandangan negatif terhadap diri mereka, pemalu, selalu bersendirian dan biasanya tidak mempunyai kawan yang rapat. Keadaan ini berlaku kerana mereka telah sedia dipinggirkan dalam kumpulan rakan sebaya Salmivalli (2010) dan kekurangan dalam kemahiran mengawal emosi (Sanchez, Ortega, & Menesini, 2012). Selain dari itu, tindakan mangsa buli yang pasrah membiarkan diri mereka dibuli tanpa mengetahui sebab mereka dibuli. Perkara ini menyebabkan mereka cenderung untuk menyalahkan diri sendiri, rasa malu, membentuk perasaan tidak berdaya dan menarik diri dari kumpulan rakan-rakan untuk bersendirian (Seligman 1975; Raja Azrul Hisham (2017).

Azyyati, Fariza & Salasiah (2013) dalam kajiannya telah memperlihatkan banyak sekolah yang berhadapan dengan masalah disiplin iaitu gejala salah laku pelajar yang serius terutama kes buli. Kemerostan disiplin pelajar terutamanya pelajar sekolah





menengah perlu dipandang serius serta ditangani dengan segera oleh semua pihak agar ianya tidak berpanjangan. Sikap terbuka sesetengah sekolah yang mendedahkan kes salah laku pelajar mereka, perlu dipuji dan dicontohi. Namun terdapat banyak lagi pihak sekolah yang menyembunyikan kes ini demi menjaga nama baik mereka.

Mangsa buli menghadapi masalah dalam tabiat makan dan berat badan. Hal ini mungkin kerana mereka berasa susah hati atau risau tentang kejadian buli akan mendatangkan kecederaan fizikal, kecederaan kekal termasuk maut. Mangsa buli juga melalui fasa pengasingan daripada sosialisasi. Mereka sering menghadapi masalah dalam membina hubungan sosial dengan komuniti sekolah. Selain itu, kualiti akademik mangsa buli juga turut terjejas. Hal ini kerana mereka sukar untuk fokus dalam pelajaran kerana bimbang dengan ancaman buli yang mungkin akan berulang. Mangsa buli juga berisiko mengalami masalah kesihatan mental akibat daripada sentiasa berasa bimbang dan takut, akhirnya mereka akan mengalami tekanan perasaan yang mendorong kepada berlakunya kemurungan. Perbuatan buli di khalayak ramai juga menyebabkan ketidakselesaan dan menjatuhkan air muka atau memalukan mangsa buli (Mohd Salim, Noor Hasmayuzee, Aney Marinda, Hanifah, Mohd Azmi & Nurhafizah, 2016).

Berdasarkan permasalahan kajian ini, pengkaji menemui sejumlah murid yang terbabit dalam permasalahan disiplin di seluruh negara adalah pada kadar 2.03 peratus setahun dalam tempoh lima tahun bermula 2012 hingga 2016. Menurutnya, kes disiplin yang direkodkan termasuk kelakuan berunsur jenayah, buli, kelucahan, ponteng sekolah dan kes disiplin ringan seperti kekemasan diri, tidak pentingkan masa dan kurang sopan. Pada 2016, seramai 111 895 murid terbabit dengan salah laku disiplin





iaitu 95 046 orang membabitkan pelajar sekolah menengah dan 16 849 orang adalah murid sekolah rendah. Statistik menunjukkan gejala ponteng sekolah (16.18%) melibatkan 17 343 orang pelajar merupakan tingkah laku delinkuen tertinggi berdasarkan statistik kementerian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Sorotan daripada pernyataan masalah ini juga mendapati gejala buli ini sangat mempengaruhi emosi dan tingkah laku mangsa. Buli fizikal dapat disimpulkan merangkumi perbuatan seperti memukul, menumbuk, menyepak, mengugut, menampar, menarik, menolak, atau mencubit untuk menyebabkan kecederaan kepada mangsa. Perlakuan buli secara ganas mungkin membawa kematian kepada mangsa. Buli mental meliputi kata-kata menghina dan usik-usik yang menjejaskan psikologi dan emosi mangsa. Kedua-dua kategori buli sangat berbahaya memandangkan ianya memberi kesan kepada emosi serta pembangunan sosial seseorang pelajar (Fathilah Akmal et al., 2016).

Oleh sebab yang demikian, kita dapat melihat perlakuan buli telah memberikan implikasi yang sangat besar terhadap emosi dan tingkah laku pelajar dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar. Tingkah laku buli telah dikenal pasti sebagai tindakan menyerang oleh satu pihak kepada pihak yang lain di mana, pembuli kelihatan lebih berkuasa dan berkeupayaan daripada mangsa yang dibuli. Mangsa buli biasanya jarang atau tidak akan membalas semula tindakan tersebut mungkin kerana takut. Mangsa buli mengalami pengalaman yang memalukan dan menyakitkan dan lebih menunjukkan tanda-tanda kemahiran sosial yang negatif berbanding pelajar yang tidak terlibat langsung Hasil daripada perlakuan tingkah laku buli ini akan meninggalkan implikasi negatif terhadap perkembangan dan pertumbuhan pelajar sama ada yang



menjadi mangsa buli atau mereka yang terlibat dengan perlakuan buli ini (Amin Al Haadi, Azad Athahiri, Norsayyidatina, Wan Ahmad Zakry & Musa, 2017).

### 1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian kajian kes ini secara khusus untuk:

- i. Mengenal pasti faktor -faktor yang mendorong pelajar sekolah menengah di luar bandar dibuli.
- ii. Mengenal pasti jenis-jenis buli yang mempengaruhi emosi pelajar sekolah menengah di luar bandar.
- iii. Mengenal pasti jenis-jenis buli yang mempengaruhi tingkah laku pelajar sekolah menengah di luar bandar.
- iv. Mengenal pasti implikasi jenis buli terhadap emosi dan tingkah laku pelajar sekolah menengah di luar bandar.


### 1.4 Persoalan Kajian

Berikutan daripada persoalan kajian ini, satu kajian telah dijalankan terhadap pelajar sekolah di kawasan luar bandar dengan memfokuskan kepada empat persoalan utama yang ingin diterokai iaitu:

- i. Apakah faktor-faktor yang mendorong pelajar sekolah menengah di luar bandar dibuli?

- ii. Apakah jenis jenis buli yang lazim mempengaruhi emosi pelajar sekolah menengah di luar bandar?
- iii. Apakah jenis buli yang lazim mempengaruhi tingkah laku pelajar sekolah menengah di luar bandar?
- iv. Apakah implikasi jenis buli yang lazim terhadap emosi dan tingkah laku pelajar sekolah menengah di luar bandar?

### 1.5 Kerangka Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Kajian



## 1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian adalah penting bagi melihat senario tingkah laku buli di kalangan pelajar luar bandar dengan mengenal pasti kekerapan aktiviti, lokasi, siapa yang terlibat dan jenis perlakuan serta implikasinya. Selain itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat menunjukkan jalan kepada kaunselor dalam menyediakan program kaunseling yang bersesuaian terhadap pembuli dan mangsa buli. Selain dari itu, hasil kajian ini juga dapat memberikan ruang kepada mana-mana institusi dan organisasi pendidikan untuk membina modul dan kempen yang bersesuaian dengan persekitaran sekolah luar bandar dalam meningkatkan kesedaran diri dan mencegah aktiviti buli. Ianya akan dapat membantu guru dan pihak pentadbiran sekolah dalam mereka bentuk program yang bersesuaian untuk memberikan dan meningkatkan kesedaran terhadap implikasi budaya buli dalam kalangan pelajar. Ini adalah kerana program yang sedia ada tidak menampakkan keberkesanan dalam menangani kes buli yang semakin berleluasa dan masih di pandang sepi oleh pihak-pihak berkenaan.

Kajian ini penting untuk menimbulkan kesedaran kepada semua pihak yang terlibat dalam institusi pendidikan dan kemasyarakatan seperti pihak kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaaan, pentadbir, guru, ibu bapa dan murid memikul tanggungjawab yang besar dalam menentukan kejayaan generasi anak bangsa di masa hadapan serta bagi membantu pelajar yang terlibat dalam gejala buli. Gejala buli biarpun dilaporkan dalam nisbah yang kecil berbanding keseluruhan pelajar, namun kesannya amat serius. Gejala ini boleh menyebabkan kematian, trauma dan dorongan perlakuan jenayah dalam kalangan pelajar apabila mereka meniti ke alam dewasa.





Selain itu, kajian ini juga membolehkan tingkah laku buli lebih difahami daripada perspektif Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977) dan Teori Psikososial Erickson (1986). Hasil daripada kajian ini juga diharapkan akan dapat menjelaskan sejauh manakah faktor dalam kerangka Teori Pembelajaran Sosial mempengaruhi tingkah laku pelajar remaja, iaitu tingkah laku pelajar itu sendiri, pengaruh persekitaran dan interaksi kognitif. Bandura (1977) juga menjelaskan bahawa tingkah laku manusia sebagai timbal balik iaitu tingkah laku manusia adalah dikawal oleh individu melalui proses kognisi dan juga persekitaran melalui kejadian-kejadian yang berbentuk rangsangan sosial. Manakala Teori Psikososial Erickson (1986) berlaku pada usia antara 13 hingga 19 tahun ataupun dikenali sebagai alam remaja. Alam remaja merupakan satu proses transisi yang amat rumit terhadap remaja. Pada usia para pelajar berada pada peringkat sekolah menengah. Pada tahap ini para pelajar akan kerap mengalami krisis identiti. Oleh yang demikian, pemilihan peserta kajian adalah bersesuaian dengan Teori Psikososial Erickson (1986) yang membahaskan tentang perkembangan pelajar remaja. Memandangkan kes buli semakin menjadi-jadi, satu kajian tentang perkembangan kes buli akan dilakukan dalam persekitaran luar bandar berdasarkan persoalan kajian berkisar tentang faktor-faktor buli, jenis-jenis aktiviti buli dan implikasi buli terhadap pelajar luar bandar.

Hasil yang diperoleh daripada kajian ini juga diharapkan dapat membuka minda penyelidik lain bagi mengkaji isu ini secara lebih mendalam. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memainkan peranan penting dalam mengkaji implikasi buli terhadap tingkah laku dan emosi dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar. Perspektif yang lebih khusus dan mendalam mungkin boleh dijadikan landasan dalam kajian-kajian mendatang.





## 1.7 Batasan Kajian

Kajian kualitatif ini hanya melibatkan lima orang pelajar yang berusia di antara 13 hingga 17 tahun iaitu dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima, dua orang guru disiplin dan dua orang guru kaunseling dari dua buah sekolah menengah di luar bandar dalam daerah Bentong. Peserta kajian yang terpilih adalah terdiri dalam kalangan pelajar yang pernah terlibat dan menjadi mangsa buli.

Faktor kejujuran dan ketepatan peserta kajian dalam menjawab protokol temu bual akan menghasilkan sebuah dapatan kajian yang berkualiti. Peserta kajian juga diberikan jaminan bahawa segala maklumat temu bual mereka dalam kajian ini adalah rahsia. Kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian sangat bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan jawapan yang diberikan.



## 1.8 Definisi Operasional

Definisi istilah berikut adalah berdasarkan konteks kajian ini sahaja.

### 1.8.1 Buli

Definisi 'buli' secara lebih jelas merujuk kepada seseorang murid yang lemah itu terdedah kepada tindakan yang negatif secara berulang kali oleh seorang pelajar atau kumpulan yang lebih dominan. Buli boleh berlaku dalam bentuk sentuhan fizikal, verbal atau beberapa jenis yang lain (Jamalsafri 2010). Dalam kajian ini buli merujuk kepada faktor-faktor penyebab berlakunya gejala buli, jenis-jenis buli dan implikasi





terhadap tingkah laku dan emosi mangsa buli dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar. Kajian ini akan meneliti dari aspek perubahan emosi dan perubahan tingkah mangsa buli.

### 1.8.2 Mangsa Buli

Mangsa buli biasanya terdiri dalam kalangan orang yang lemah, penakut, mempunyai kekurangan dari segi fizikal seperti gemuk, dengan tujuan untuk menggentak, mencederakan, menakutkan oleh pembuli terhadap orang lain. Amin Al Haadi (2013) dalam kajiannya mendapati, mangsa buli merasakan dirinya dibuli disebabkan penampilan diri mereka yang tidak menarik, perhubungan dengan pelajar lain yang tidak baik, dan latar belakang keluarga yang miskin atau mempunyai nama yang ganjil.

Perbuatan buli yang berlaku dalam kalangan pelajar boleh mendatangkan kesan sehingga menjejaskan kesihatan seperti menghadapi masalah dalam tabiat makan dan berat badan, mendatangkan kecederaan fizikal, kecederaan kekal termasuk maut, pengasingan daripada sosialisi, menjejaskan kualiti akademik dan menghadapi masalah dalam membina hubungan sosialisasi dengan komuniti sekolah serta mendatangkan masalah kesihatan mental (Junainor Hassan, Salleh Abd Rashid, Suliadi Firdaus Sufahani & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, 2016).

### 1.8.3 Emosi

Schneider, Smith, dan O'Donnell (2013) menjelaskan bahawa emosi dalam konteks kajian ini merujuk kepada bentuk perasaan yang dialami oleh mangsa buli seperti





menghadapi kesukaran seperti rendah diri, perasaan cemas, tekanan dan kebimbangan, masalah hubungan sosial, mengasingkan diri dari masyarakat, bersifat agresif, dan kesan yang paling teruk sehingga ada yang membunuh diri. Dalam kajian ini akan menghuraikan secara mendalam tentang implikasi buli dari aspek tahap emosi dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar.

#### 1.8.4 Tingkah Laku

Menurut Buerah Tunggak, Shanah Ngadi, Hamimah Abu Naim (2015), perlakuan buli merupakan tingkah laku yang agresif dilakukan secara berulang kali terhadap orang lain secara individu atau berkumpulan. Dalam konteks kajian ini tingkah laku buli adalah merujuk kepada tingkah laku mangsa yang telah dibuli secara fizikal dan mental. Tingkah laku buli ini boleh berlaku dalam berbagai-bagai bentuk sama ada fizikal ataupun mental. Terdapat tingkah laku buli yang mendatangkan kecederaan ataupun kematian terhadap mangsa buli. Terdapat berbagai-bagai tingkah laku buli seperti seperti mengejek, pemulauan, ugutan, penderaaan dan memukul. Amin Al Haadi (2013) pula merumuskan buli ialah tingkah laku ganas yang membawa kesan negatif yang mendalam kepada mangsa yang lemah dan tidak sama pengaruh atau kuasa berbanding pembuli.

#### 1.8.5 Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2013), pelajar bermaksud murid seseorang atau anak yang sedang belajar atau berguru di sesebuah sekolah. Manakala sekolah





menengah luar bandar pula ditakrifkan sebagai terletak di kawasan yang bersempadan dengan kawasan yang diwartakan (bandar) dan terlibat dengan aktiviti ekonomi berasaskan pertanian dengan jumlah penduduk yang kurang dari 10000 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000). Dalam kajian ini kawasan luar bandar adalah berdasarkan takrifan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2005).

## 1.9 Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor pelajar dibuli, jenis-jenis buli yang lazim berlaku dalam kalangan pelajar dan implikasi buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar. Latar belakang masalah buli di sekolah pada masa kini telah dibincangkan, bagi mengenal pasti objektif, persoalan dan hipotesis kajian. Kerangka model kajian juga telah dibincangkan dalam bab ini, dan bab seterusnya akan melihat dan memaparkan beberapa hasil kajian lepas tentang tingkah laku buli sama ada dari dalam negeri atau luar negeri.



## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

Bahagian ini menjelaskan beberapa literatur berkaitan dengan kajian-kajian berkaitan yang pernah dibuat oleh beberapa penyelidik dan beberapa contoh kes buli yang berlaku di Malaysia. Berikutnya, dikemukakan kajian literatur merangkumi kajian-kajian lepas mengenai masalah yang ingin dikaji, membuat bacaan dan rujukan daripada pelbagai sumber buku dan jurnal. Pemboleh ubah tak bersandar adalah gejala buli manakala pemboleh ubah bersandar adalah implikasi terhadap tingkah laku dan emosi mangsa buli. Tinjauan literatur penting kerana membantu pengkaji mendapatkan idea dan maklumat tentang pemboleh ubah yang ingin dikaji dijadikan sebagai rujukan untuk melengkapkan kajian ini.



## 2.2 Faktor yang Mempengaruhi Tingkah Laku Buli Pelajar Sekolah Luar Bandar

Bab ini membincangkan tentang kajian lepas berkaitan dengan faktor-faktor penyebab tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah di luar bandar.

### 2.2.1 Aspek Kognitif Mangsa Buli

Sebagaimana yang diketahui, sekolah merupakan institusi penting yang dikehendaki pada generasi akan datang (Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim, 2015). Manakala pelajar remaja yang datang dari pelbagai kategori keluarga mengalami perasaan tidak berdaya dan perasaan terasing disebabkan pengabaian oleh keluarga seperti ibu bapa di rumah dan guru-guru di sekolah yang dilihat lebih cenderung terhadap pelajar yang cemerlang dan beketrampilan sahaja. Pengabaian ini membawa kepada situasi golongan pelajar terbabit berasa kecewa dan tegang lalu mendorong kepada usaha mendapatkan sokongan di luar institusi kekeluargaan atau pun sekolah. Maka pelajar akan mencari jalan keluar dengan menyertai kumpulan haram atau kongsi gelap. Mereka mencari kasih sayang, struktur dan disiplin berasaskan kefahaman mereka, perasaan komitmen dan "*sense of belonging*". Menurut Zainudin (2014), golongan pelajar ini mahu dikagumi dan mempunyai kekuasaan, persahabatan, latihan, keseronokan dan aktiviti, dan tempat di mana diri dirasakan diterima dan dihargai serta keperluan kepada keselamatan fizikal dan perlindungan.





Manakala, buli secara tidak langsung atau buli sosial pula mempunyai kaitan dengan kesan psikologi emosi mangsa buli. Hasil kajian Richard, Schneider dan Mallet, (2012) di Perancis mendapati kesan akibat dari buli fizikal akan memberi kesan kepada aspek pencapaian akademik para pelajarinya. Manakala, buli jenis secara tidak langsung atau buli sosial biasanya dilakukan oleh pembuli dalam kalangan pelajar yang tinggi dalam pencapaian akademiknya (Richard et al., 2012). Kewujudan kumpulan atau klik dalam kalangan pelajar sekolah menimbulkan kebimbangan yang akan memberi kesan yang buruk kepada para pelajar khususnya dan kepada pihak sekolah. Hal ini kerana kumpulan atau klik ini sentiasa melakukan salah laku buli yang boleh mengganggu emosi pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran (pdpc) di sekolah malahan ada yang berlagak seperti gengster. Proses pdpc tidak dapat dijalankan dengan sempurna kerana sentiasa diganggu oleh pelajar yang terlibat dengan kumpulan gengster termasuklah mengganggu guru semasa proses pdpc sedang berjalan. Anggota kumpulan atau klik ini juga tidak berminat untuk belajar menurut Azizi Yahaya, Shahrin Hashim dan Mascilla Hamzah (2012) dalam kajiannya yang melibatkan 130 orang pelajar di pinggir bandar daerah Johor Bahru.

Tingkah laku buli lazimnya berlaku berikutan kegagalan pelajar dalam memahami konsep ajaran agama yang menekankan keseimbangan antara nafsu dengan pertimbangan akal dan jati diri. Melihat kepada kemunculan pelbagai pusat hiburan dan kebebasan media yang tidak dikawal ketat, unsur-unsur budaya hedonisme merebak dengan pantas tanpa disedari oleh mereka dan merosakkan masa depan pelajar (Mohd Nawawi Abd Ghapar, Fakhrul Adabi Abdul Kadir & Nurul Husna Mansor, 2017). Media massa juga menjadi pemangkin kepada peningkatan pengaruh negatif dalam kalangan pelajar sekolah. Semua perbuatan dan cara berpakaian cuba diikuti oleh



peminat-peminat mereka yang majoritinya terdiri daripada para remaja. Mereka terlalu meminati artis tersebut dan meletakkan artis sebagai idola mereka.

Perlakuan negatif oleh golongan pelajar yang menjadi pembuli semata-mata ingin mendapat perhatian. Terdapat dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli adalah kerana ingin menjadi popular dan ingin mengawal persekitaran mereka agar mereka akan memperoleh apa yang dihajati dengan mudah. Kebiasaannya pembuli ini ingin mereka dikenali, mempunyai pengaruh dan menjadi individu penting dalam kumpulan mereka (Azizi Yahya et al., 2012). Hal ini adalah kerana pembuli ini mengalami situasi buruk di rumah apabila berhadapan dengan ahli keluarga yang suka marah-marah, menjerit dan memanggil panggilan yang buruk dalam ahli keluarga mendorong mereka mencari sesuatu di luar rumah. Sesetengah pembuli tahu tindakan mereka boleh memalukan perasaan seseorang tetapi mereka suka berbuat begitu untuk mencapai kepuasan hati mereka (Norhayati & Suriati, 2015).

Sungguhpun media sosial berfungsi menghubungkan manusia di seluruh dunia tanpa mengira sempadan geografi, Sawyer (2011) telah menjelaskan bahawa kemudahan para pelajar mengakses maklumat dan pelbagai keseronokan boleh didapati di hujung jari mereka sahaja. Mereka boleh melayari pelbagai jenis media sosial dengan mudah dan pantas. Namun, di sebalik keseronokan melayari media sosial tersebut, dengan tanpa disedari telah wujud banyak gejala negatif akibat daripada penyebaran maklumat atau minat remaja terhadap perkara yang bernilai negatif dalam masyarakat, khususnya kes buli.



Oleh yang demikian, kita dapat melihat perlakuan buli dari aspek kognitif para pelajar yang ingin mencari identiti sendiri, mahu dihormati, dikagumi dan dalam masa yang sama mereka mahu berada dalam keadaan yang selamat. Justeru, dalam mencapai apa yang dihajati, mereka telah melakukan perbuatan yang mendatangkan akibat buruk kepada orang lain asalkan hati mereka puas.

### 2.2.2 Tingkah Laku Mangsa Buli

Dewasa ini memperlihatkan pengaruh media massa telah menjadi penyumbang utama kepada penularan gejala buli dalam kalangan pelajar remaja di negara ini (Mohd Nawawi, Fakhrul Adabi Abdul Kadir & Nurul Husna Mansor, 2017). Dapatan ini disokong oleh pandangan Erikson seorang ahli psikologi terkemuka telah mendapati bahawa faktor rakan sebaya sangat mempengaruhi golongan pelajar dalam lingkungan usia 13 dan 18 tahun sangat dipengaruhi oleh rakan sebaya. Walaupun ibu bapa menjaga mereka dalam persekitaran yang ideal, berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang baik, lemah lembut dan bertoleransi, bertakwa dan berkasih sayang, golongan pelajar akan mengalami satu kejutan budaya apabila keluar daripada persekitaran keluarga di rumah.

Khairun Nizar (2012), dalam kajiannya melibatkan seramai 242 orang sampel yang terlibat dalam kajian yang terdiri daripada pelajar yang beragama Islam di empat buah sekolah menengah di pinggir bandar Daerah Johor Bahru. Tujuan kajian ini adalah mengenal pasti pola sahsiah remaja dan faktor yang mempengaruhi sahsiah remaja dalam kalangan pelajar Islam di sekolah menengah di pinggir Daerah Johor



Bahru. Seterusnya kajian beliau juga melihat hubungan antara pola sahsiah remaja dengan faktor yang mempengaruhi tingkah laku devian secara khususnya dan gejala buli amnya.

Menurut dapatan kajian oleh Husmiati Yusuf dan Adi Fahrudin (2012), kelebihan dari aspek fizikal yang bersaiz besar dan tegap telah memberikan kelebihan kepada pembuli untuk membuli pelajar lain yang mempunyai saiz tubuh lebih kecil. Selain dari itu, keinginan untuk menunjukkan kuasa dan kekuatan fizikal mendorong pembuli untuk membuli mangsa. Menurut dapatan kajian ini juga, pelajar membuli adalah kerana berasa tidak selamat dan untuk melindungi dirinya daripada dibuli oleh orang lain. Mereka sering merasa curiga dengan persekitaran dan tidak selamat ketika berada di kawasan sekolah.

Oleh yang demikian, tindakan membuli adalah tindakan membuli orang lain merupakan satu cara untuk memastikan keselamatan diri. Hal ini kerana masa remaja adalah merupakan zaman peralihan antara alam kanak-kanak ke alam dewasa dalam kehidupan seseorang. Justeru, rakan sebaya menjadi pengaruh paling kuat dalam mengubah nilai dan sikap, sementara pengaruh keluarga semakin berkurang. Selain dari itu, tekanan dan pengaruh rakan sebaya yang sangat kuat juga telah mendorong pelajar terpengaruh untuk mengikut segala tingkah laku negatif rakan mereka (Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan, 2011).

Faktor kekeluargaan juga dikenal pasti menjadi punca kepada penularan gejala buli. Sikap ketua keluarga terutama ayah dan ibu yang sentiasa sibuk dan lebih menumpukan perhatian menghabiskan tenaga untuk mencari rezeki dan tidak



mengambil berat tentang anak-anak telah menyebabkan anak-anak pelajar akan lebih cenderung terhadap rakan sebaya. Kumpulan pelajar seperti ini merasakan bahawa diri mereka mengalami kekosongan hidup yang mesti dipenuhi, yang wujud pada diri setiap orang, iaitu kasih sayang. Sikap ibu bapa yang enggan mengetahui perkembangan semasa terutamanya perkara yang melibatkan aspek disiplin anak-anak mereka di sekolah telah menyebabkan berlakunya gejala negatif dalam kalangan anak-anak (Junainor Hassan, Salleh Abd Rashid, Suliadi Firdaus Sufahani & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, 2016). Perkara sebegini mengakibatkan perlakuan buli dalam kalangan pelajar berlaku kerana ibu bapa tidak peka mengenai keadaan anak mereka ketika di sekolah.

Daripada dapatan kajian lepas, tingkah laku diri pelajar merupakan penyumbang besar kepada tingkah laku buli ini. Rakan sebaya menjadi sumber paling kuat dalam mengubah nilai dan sikap, sementara pengaruh keluarga semakin berkurang apabila pelajar meningkat remaja. Faktor pengaruh dan tekanan rakan sebaya adalah pendorong kepada pelajar untuk bertingkah laku rakan mereka yang negatif seperti rakan mereka. Sikap kecuai dan tidak berdisiplin dalam kalangan masyarakat dan ibu bapa sehingga mengabaikan penerapan nilai-nilai murni dalam diri pelajar juga menjadi penyumbang kepada kecelaruan identiti diri pelajar.

### **2.2.3 Persekitaran Sosial Mangsa Buli Sekolah**

Tekanan dan hambatan daripada pelbagai pihak sama ada sekolah atau pihak lain dalam melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan menghimpun deretan A dalam setiap





kali keputusan peperiksaan diumumkan sehingga aspek pendidikan sosial kurang diberikan penekanan Sitti Riadil Janna (2013) telah melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik tetapi dalam masa yang sama mereka menjadi pembuli di sekolah. Sebagai contoh, dapat dilihat pelajar sekolah berasrama penuh mendapat keputusan peperiksaan yang amat baik tetapi menjadi pembuli di sekolah. Oleh yang demikian, fungsi sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan haruslah seimbang. Di samping aktiviti akademik, sekolah juga seharusnya menjadi tempat untuk pelajar mendalami hal-hal sosial agar dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Pada peringkat umur pelajar remaja, rakan sebaya menjadi pengaruh penting dalam kehidupan seseorang pelajar. Mereka sangat dominan dalam proses pembentukan akhlak dan peribadi pelajar. Faktor rakan sebaya merupakan penyumbang besar dan paling berpengaruh dalam perubahan tingkah laku pelajar. Lazimnya dalam kejadian buli ini sering melibatkan kumpulan pelajar yang mempunyai umur sebaya atau junior dari mereka (Fatimah, 2015). Perasaan keinginan yang tinggi telah mempengaruhi diri dan mendorong mereka untuk meniru tingkah laku rakan sebaya mereka.

Sikap guru sama ada di dalam kelas atau di luar kelas yang suka memuji pelajar tertentu pandai juga menjadi punca kepada gejala negatif ini (Suresh Kumar & N Vellymalay, 2016). Sikap cemburu dalam kalangan pelajar akan timbul akibat daripada tingkah laku guru ini kerana mereka tidak puas hati dengan cara layanan guru terhadap mereka. Tekanan kerja dan kesibukan para guru juga merupakan penyebab kepada kegiatan buli berlaku dengan berleluasa di sekolah termasuklah sekolah-sekolah





berasrama penuh. Guru-guru dan pengetua mengalami kekangan masa dalam kesibukan tugas dengan tugas-tugas sampingan yang banyak menyebabkan mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk mengawasi dan mendisiplinkan pelajar kerana dibebani.

Gejala buli sebagai satu budaya hidup di asrama merupakan tanggapan yang salah dan membawa kepada tindakan yang tidak ambil berat mereka terhadap masalah buli yang berlaku di asrama. Hal ini akan menyemarakkan lagi budaya buli terutamanya antara murid senior dengan junior di asrama sekolah (Jamalsafri, 2014). Kurangnya pengawasan memudahkan tingkah laku buli berlaku di sekolah atau institut pengajian tinggi. Kebanyakan kes tidak dilaporkan kerana mangsa percaya ia merupakan sebahagian budaya yang telah diamalkan sekian lama dengan restu guru, pensyarah atau warden. Mereka juga takut diejek, dipulau atau dipukul jika melaporkan kejadian buli tersebut.

Berdasarkan dapatan Siti Hajar Mohamad dan Yusoff Yahya Don (2016), faktor penyebab kepada berlakunya gejala negatif dalam kalangan pelajar berpunca daripada faktor dalaman keluarga itu sendiri. Sikap ibu bapa yang jahil dan kurang menerapkan nilai-nilai keagamaan, kepincangan keluarga akibat ibu atau bapa kaki judi, perceraian ibu bapa, jurang komunikasi, kecuaiian tanggungjawab terhadap keluarga, dan kebebasan tanpa kawalan terhadap anak. Oleh itu, pelajar yang dari latar belakang keluarga seperti ini akan masalah di luar di rumah. Golongan pelajar ini juga melakukan kegiatan negatif seperti peras ugut dan mencuri untuk mendapatkan wang dan juga melepaskan tekanan diri mereka (Norshidah & Khalim, 2014).





Faktor pengaruh media massa hasil kajian oleh Mohd Nawawi et al., (2017) sangat memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat. Terdapat pelbagai bentuk media massa, iaitu radio, televisyen, video, pawagam, majalah, akhbar dan internet telah memberikan ilmu pengetahuan secara tidak langsung tetapi dalam masa yang sama telah meninggalkan impak yang negatif terhadap masyarakat. Umum mengetahui bahawa media massa seperti televisyen dan internet sangat dominan dan meluas terutama terhadap golongan pelajar yang sedang menginjak remaja. Buerah Tunggak, Shanah Ngadi dan Hamimah Abu Naim (2015) telah menjelaskan bahawa golongan pelajar sangat menyukai konsep hidup '*happy go lucky*', melepak, mengunjungi pusat hiburan, dan sebagainya adalah termasuk dalam istilah budaya hedonism yang lebih mementingkan memuaskan nafsu dan keseronokan tanpa batasan ajaran agama.



Dewasa ini memperlihatkan bahawa perkembangan media sosial melalui teknologi komunikasi yang semakin canggih. Segala bentuk ilmu pengetahuan dan kebudayaan sama ada positif atau negatif dikongsi bersama. Segala-galanya menjadi mudah dan ringkas dan menjimatkan masa serta berlaku dengan pantas. Dengan sokongan kewujudan penggunaan internet, telefon, televisyen, radio, surat khabar, majalah dan media yang lain (Suriati Ghazali, Azilah Mohamad Nor & Jabil Mapjabil, 2013). Pemerolehan maklumat melalui media massa banyak memberikan nilai baik terhadap pengguna tetapi dalam kajian ini, lebih memfokuskan kepada persoalan kajian ini tentang gejala tingkah laku buli yang melibatkan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar. Dunia tanpa sempaddan merujuk kepada perkembangan teknologi komunikasi membolehkan segala media sosial diakses dengan mudah telah membentuk beberapa corak jenayah dan memberi impak dalam





tingkah laku pelajar masa kini. Yar (2012) di dalam NM Ghani dan S Ghazali (2015) menjelaskan, jenayah dalam kalangan pelajar sekolah semakin menjadi-jadi berdasarkan rakaman video, gambar-gambar di media sosial yang pelbagai pada masa kini telah menyebabkan golongan pelajar sangat mudah terdedah kepada kejadian jenayah.

Merujuk kepada kajian lain juga, pengaruh persekitaran lebih banyak mempengaruhi pelajar remaja secara luaran (Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf, 2012). Umum mengetahui bahawa institusi kejiwaan dalam kalangan masyarakat kita hari ini sedang mengalami kemerosotan yang semakin serius. Melihat kepada keadaan persekitaran kini telah jauh berubah, tidak seperti dahulu lagi. Masyarakat kita sudah tidak mempunyai semangat kekitaan dan tolong menolong sesama jiran tetangga seperti tidak lagi mengambil tahu hal anak jiran mereka kerana bimbang dikatakan menjaga tepi kain orang. Masyarakat kini hanya memandang memandang sebelah mata sahaja tidak seperti pada zaman dahulu di mana jiran tetangga turut memberi nasihat dan teguran kepada anak-anak muda yang tinggal berjiran dengan rumah mereka sekiranya terdapat perkara yang tidak baik dilakukan.

Persekitaran sosial yang penuh dengan pelbagai anasir positif mahupun negatif sangat mempengaruhi tingkah laku pelajar. Berdasarkan kepada dapatan hasil kajian di atas, telah menunjukkan peningkatan tingkah laku negatif dengan disokong oleh kemajuan teknologi komunikasi telah mendorong pelajar dalam perlakuan buli terutama di sekolah-sekolah telah mendorong kajian terhadap isu ini.





#### 2.2.4 Krisis Identiti Mangsa Buli

Menurut Erik Erikson dalam N Hidayah, H Huriati dan Sulesana (2017), krisis identiti ini berlaku apabila tahap membuat keputusan terhadap permasalahan-permasalahan penting yang berlarutan dengan pertanyaan-pertanyaan tentang identiti diri sendiri. Krisis identiti yang dialami oleh seseorang pelajar merupakan fenomena biasa dan berjalan dengan baik, namun ada yang tidak berjalan dengan baik. Dalam pembentukan identiti diri, terdapat para pelajar ini yang melalui fasa tersebut dengan cepat dan ada yang terlewat, malahan ada yang gagal.

Oleh yang demikian, krisis identiti bukanlah suatu perkara yang mendatangkan masalah kepada masyarakat jika terdapat pelajar yang melakukan perlakuan yang menyimpang norma-norma dalam masyarakat. Ini adalah kerana faktor krisis identiti yang dialami oleh pelajar dalam fasa remaja. Tidak dinafikan juga bahawa terdapat pelajar yang berperilaku baik dalam kalangan masyarakat.

#### 2.2.5 Konflik Jiwa Mangsa Buli

Menurut Emily dan Anuar (2016), konflik yang berlaku akan membentuk tingkah laku yang negatif di dalam keluarga dan mengundang banyak masalah keluarga seperti perceraian ibu bapa (kes paling tinggi), anak luar nikah, keganasan rumah tangga, keganasan personal penganiayaan dan penderaan kanak-kanak, konflik kewangan. Kesemua permasalahan ini akan mengakibatkan pelajar anak-anak terabai dan mendorong mereka melakukan perkara-perkara negatif berbanding dengan perkara





positif. Lumrah dalam diri manusia melakukan perkara negatif merupakan perkara yang menyeronokkan.

Selain dari itu, hubungan kekeluargaan yang rapuh dan penceraian dalam keluarga menyebabkan pelajar mendapat kurang didikan serta kasih sayang daripada keluarga, malahan ada yang tidak mendapat didikan agama yang sewajarnya sehingga menyebabkan mereka mudah terdedah dengan gejala negatif di luar rumah terutamanya apabila berada bersama-sama dengan rakan mereka (Noor Hafizah, 2016). Keadaan kucar-kacir yang berlaku dalam keluarga menjadikan remaja akan mencari keseronokan bersama dengan rakan mereka dan membuka ruang yang luas untuk mereka berkelakuan negatif.



dalam diri merupakan suatu keadaan kekacauan jiwa kerana sesuatu masalah. Konflik akan wujud dalam situasi apabila terdapat pertelingkahan akibat tidak ada persefahaman antara dua pihak dari segi pendapat. Mereka mempunyai pendapat yang bertentangan antara satu sama lain walaupun pada hakikatnya tujuan mereka adalah sama. Dalam bidang psikologi, ibu bapa merupakan model kepada anak-anak atau objek ikutan, anak-anak akan meniru setiap perlakuan ibu bapanya.

Maka dapat dilihat di sini, ibu bapa merupakan model penting dalam sistem kekeluargaan. Ibu bapa memainkan peranan utama dalam menentukan arah dan corak masa depan anak mereka. Anak-anak diumpamakan sebagai sehelai kain putih, maka terpulanglah kepada ibu bapanya membentuk dan mencorak masa hadapan anak-anak mereka untuk menjadi insan yang berguna kelak. Oleh yang demikian, dapatlah





dikatakan bahawa konflik yang wujud dalam diri seseorang dan merupakan persoalan-persoalan yang berlaku dalam pemikirannya yang bertentangan dengan naluri kemahuan diri dan sering menimbulkan masalah.

### **2.3 Jenis-Jenis Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar**

Fenomena buli dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia telah mencapai tahap yang serius sehingga melibatkan kecederaan mangsa, malah kini tingkah laku membuli menjadi lebih tragis sehingga mengakibatkan kematian (Jamal Safri Saibon, Faridah Karim & Zuria Mahmud, 2010). Ramai pembuli yang wujud di sekolah mempunyai tahap kecerdasan emosi dan kesihatan mental yang rendah telah mendorong mereka menjadikan murid yang lemah sebagai mangsa (Nur Syahirah, 2017). Tingkah laku buli fizikal dan verbal merujuk kepada tingkah laku buli secara langsung. Remaja sekolah yang melakukan perbuatan buli atau membuli mempunyai kelebihan seperti faktor umur, ukuran badan, sokongan rakan sebaya atau mempunyai status yang lebih tinggi.

Tingkah laku buli merupakan aktiviti yang berulang, iaitu seorang remaja itu disisihkan lebih dari sekali dan lazimnya dalam keadaan yang kronik. Tingkah laku buli dilakukan dengan tujuan untuk memudaratkan mangsa. Tingkah laku buli ini termasuk perbuatan secara fizikal, penghinaan verbal, penyebaran fitnah atau gossip, dan ancaman pemuluan dari kelompok sebaya. Perkara ini turut disebut oleh Jamalsafri (2016) dalam kajiannya telah mendapati antara faktor pelajar lelaki membuli adalah untuk menjadi popular dalam kalangan rakan sebaya sebagai faktor utama di samping





untuk kelihatan maskulin serta untuk memperoleh keseronokan. Bagaimanapun terdapat perlakuan buli yang dilakukan tanpa disedari oleh pembuli itu sendiri.

Menurut Junainor Hassan, Salleh Abd Rashid, Suliadi Firdaus Sufahani, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2016), masalah buli memberi implikasi yang sangat besar terhadap emosi pelajar dan keselamatan di sekolah dalam kajian melibatkan 110 orang pelajar sekolah FELDA di kawasan utara Semenanjung Malaysia iaitu di negeri Kedah dan Perlis. Pendapat ini menyokong hasil dapatan oleh Sapora dan Ruhaya (2012) menjelaskan tentang beberapa ciri pemikiran tidak rasional yang dinyatakan ialah rasa malu yang teramat, terlalu menuntut, merendah diri yang teramat, mempunyai daya toleransi yang rendah, lemah semangat, merajuk, mengalah dan menyalahkan. Selain itu, pelajar yang terlibat dengan tingkah laku buli kelihatannya menyalahgunakan ciri-ciri dan kelebihan yang ada dalam diri mereka masing-masing untuk bertingkah laku buli.

Pembuli pada lazimnya mempunyai kelebihan dari aspek fizikal yang kuat dan memiliki konsep penghargaan sendiri yang baik. Mereka berkebolehan untuk mengawal dan mendominasi rakan sebaya. Kelemahan yang ada pada mereka ialah tidak mampu memahami dan menghargai rakan sebaya (Anuar & Norhaidawati, 2016). Ini adalah antara penyebab utama tingkah laku buli ini semakin berleluasa. Hal ini juga didorong oleh sifat mangsa buli yang pasif, takut untuk bertindak balas dan mempunyai penghargaan sendiri yang rendah telah membuka ruang untuk mereka dibuli. Dalam erti kata sebenarnya, situasi pembuli dan mangsa buli berada dalam keadaan bawah sedar. Mereka tidak menyedari bahawa kelebihan dan kekurangan masing-masing boleh menjadi penambah baik sesama mereka sendiri.





Oleh yang demikian, faktor kelebihan dan kekurangan itu telah menjadi penyebab kepada mereka terbabit sebagai pembuli dan mangsa buli. Kenyataan ini disokong oleh Husmiati Yusuf dan Adi Fahrudin (2012), yang menjelaskan tentang jenis tingkah laku buli merupakan satu daripada pelbagai masalah tingkah laku dan disiplin di kalangan murid sekolah dewasa ini. Tingkah laku buli secara langsung atau tidak langsung merupakan sebahagian daripada tingkah laku agresif. Tingkah laku buli termasuklah antaranya melalui sebutan, menyakiti orang lain secara verbal ataupun melalui tulisan, aktiviti sosial, menyakiti secara fizikal atau melakukan paksaan. Jenis buli di sekolah apabila sekumpulan murid yang mengambil kesempatan dari murid lainnya, melakukan pengasingan murid tertentu dan mendapatkan penghormatan dari murid lainnya sebagai usaha untuk mengelakkan diri dari menjadi mangsa buli.



Sebagai contoh, pelajar yang mempunyai paras rupa tidak menarik atau berkulit gelap akan menjadi mangsa hinaan. Media jarang mendedahkan salah laku buli sebegini kerana beranggapan ianya masalah kecil sahaja. Namun ia sebenarnya sangat serius berlaku di sekolah berbanding kes buli secara fizikal. Perlakuan ejek-mengejek pada pandangan orang dewasa merupakan perkara biasa di kalangan kanak-kanak atau remaja, namun ianya sebenarnya boleh membawa kepada akibat yang lebih buruk seperti pergaduhan yang melibatkan aksi memukul sehingga ada yang melibatkan kecederaan. Namun tiada aduan yang dibuat oleh mangsa akibat daripada beberapa ciri pemikiran tidak rasional yang dinyatakan oleh Sapora dan Ruhaya (2012), ialah rasa merendah diri yang teramat, malu yang teramat, lemah semangat, merajuk, menyalahkan diri sendiri, mengalah, terlalu menuntut, dan mempunyai daya toleransi yang rendah.





## 2.4 Jenis- Jenis Emosi Mangsa Buli Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar

Kajian tentang implikasi buli terutama dari aspek psikologi terhadap mangsa buli dalam kalangan pelajar di Malaysia sangat kurang dilakukan kerana tumpuannya lebih kepada implikasi terhadap fizikal luaran akibat dibuli dan hal ini telah menjadi tumpuan umum dan sering dipaparkan oleh media massa. Melihat kepada dapatan oleh Wolke, Copeland, Angold dan Costello (2013), mendapati pelajar yang dibuli akan mengalami masalah kesihatan dan hubungan sosial. Oleh itu, masalah ini akan bertambah apabila mereka dewasa terutamanya apabila terdapatnya masalah psikaitrik dan kesusahan keluarga semasa mereka kecil. Walau bagaimanapun, pengkaji menegaskan bahawa apabila mereka dibuli di sekolah, ianya bukanlah merupakan faktor utama yang menentukan kesan emosi dan tingkah laku mereka apabila menjadi dewasa tetapi lebih kepada petanda kepada pelajar yang dibuli terhadap masalah psikopatologi (masalah emosi atau mental) apabila mereka dewasa kelak.

Dapatan kajian Hansen, Bitsch, Steenberg, Majlund, Palic S dan Elklit (2012), menunjukkan antara punca individu menjadi mangsa buli ialah faktor konsep diri yang rendah, iaitu individu yang memiliki rasa rendah diri dan mempunyai imej sendiri yang negatif. Keyakinan diri dan imej sendiri ini merupakan sebahagian daripada ciri konsep diri. Boleh juga dikatakan bahawa mangsa buli ialah orang yang dibuli atau sasaran pembuli. Pelajar yang sering menjadi mangsa buli kebiasannya menonjolkan ciri-ciri tingkah laku internal seperti bersikap pasif, sensitif, pendiam, lemah dan tidak akan membalas sekiranya diserang atau diganggu.





Secara umum, pelajar-pelajar yang menjadi mangsa buli kerana mereka memiliki kepercayaan diri dan penghargaan diri (*self esteem*) yang rendah. Pelajar yang dibuli juga dikatakan selalunya pelajar baharu di sesebuah sekolah dan ada juga pelajar yang disayangi oleh guru. Amin Al Haadi (2013) dalam kajiannya mendapati, mangsa buli merasakan dirinya dibuli disebabkan penampilan diri mereka yang tidak menarik, perhubungan dengan pelajar lain yang tidak baik dan latar belakang keluarga yang miskin atau mempunyai nama yang ganjil. Hal ini menjurus kepada gangguan emosi dan hubungan sosial yang tidak sihat dalam kalangan mangsa buli.

Berdasarkan kajian oleh (Huang, 2012; Marsh & Adrew, 2011; Erten & Burden, 2014; Asma, Manzoor & Muhammad, 2010; Ssu-Kuang, Yu-Chen, Fang-Ming & Sunny, 2013) telah menjelaskan bahawa konsep kendiri positif sangat penting kerana berperanan dalam menyemarakkan motivasi, meningkatkan pencapaian yang lebih baik termasuk kecemerlangan dalam akademik dan dapat menghindarkan pelajar daripada tingkah laku delinkuen.

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati mangsa buli reaktif lebih mengalami kesan negatif berbanding mangsa buli pasif. Wolke et al., (2013) berpendapat, mereka juga didapati lebih cenderung mengalami masalah dalam kegagalan akademik dan pencapaian yang rendah dalam bidang pekerjaan apabila mereka dewasa. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Harlow & Roberts (2010) yang menunjukkan mangsa buli reaktif memiliki sifat-sifat pembuli dan mangsa dalam masa yang sama dan keadaan ini berlanjutan sehingga mereka menginjak ke alam dewasa.





Berdasarkan dapatan oleh Murray, Harvey dan Slee (2010) pula, mereka telah membuktikan bahawa pembuli, mangsa buli pasif dan reaktif menerima kesan yang sama terhadap emosi dan tingkah laku. Walau bagaimanapun, pembuli reaktif mendapat kesan tingkah laku manakala mangsa buli pasif tinggi dalam menerima kesan emosi dan mangsa buli reaktif merupakan tingkah laku yang paling berisiko kerana kajian membuktikan mereka tinggi dalam menerima kedua-dua kesan emosi dan tingkah laku. Kajian mengenai fenomena ini dikuatkan lagi oleh Lam, Law, Chan, Wong dan Zhang (2014), di Hong Kong mendapati kesan emosi dan kesan tingkah laku memberi kesan yang tinggi kepada mangsa buli pasif dan mangsa buli reaktif dan tidak kepada pembuli. Turner, Reynolds, Lee, Subasic dan Bromhead (2014) menyatakan kesan kepada mangsa buli reaktif adalah yang tertinggi antara kedua-duanya menyamai dengan dapatan kajian.



Oleh yang demikian, maka sangat sesuai apabila Vaillancourt, Mcdougall, Hymel dan Sunderani (2010) di dalam kajiannya berpendapat bahawa stress akibat dibuli akan memberi tekanan kepada fungsi sistem imunisasi dan kajian mendapati bahawa hormon Cortisol akan menjadi penghubung antara dibuli dan kesihatan fizikal dan adalah menjadi kesukaran untuk mengasingkan antara otak dan tingkah laku. Dapatan ini telah menyokong hasil kajian Rueger dan Jenkins (2013) yang menjalankan kajian untuk mengenal pasti kesan psikologi dan akademik ke atas mangsa buli di sekolah menengah luar bandar di Amerika.





## 2.5 Teori yang Berkaitan

Dalam kajian bidang psikologi memerlukan kita melihat kepada pendekatan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh terdahulu dan mempunyai berkaitan dengan teori-teori asas berkaitan perkara yang dikaji. Untuk memahami faktor-faktor penglibatan remaja dalam gejala buli ini, terdapat beberapa teori mampu memberi penjelasan tentang fenomena ini antaranya teori pembelajaran sosial dan teori personaliti.

Pada pertengahan abad ke-19, bidang psikologi merupakan salah satu cabang disiplin ilmu yang berdiri dengan sendiri. Bidang psikologi merupakan kajian saintifik tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia dan haiwan, pola pemikiran dan perlakuan seseorang atau sesuatu kumpulan tertentu dan kebijaksanaan memahami sifat manusia. Oleh itu, secara jelasnya bidang psikologi berkaitan dengan perasaan, pemikiran, ramalan atau tindak balas manusia terhadap sesuatu sama ada dalam sedar atau tidak sedar. Di bawah konsep-konsep asas untuk menerangkan keadaan psikologi tertentu, maka muncullah pelbagai teori-teori yang dikemukakan oleh para sarjana dan sebagai contohnya teori psikoanalisis .

### 2.5.1 Teori Pembelajaran Sosial Bandura

Pemilihan Teori Pembelajaran Bandura (1977) sebagai model kajian kerana teori ini melihat tingkah laku buli sebagai tingkah laku yang dipelajari. Teori ini menekankan bahawa sebarang bentuk tingkah laku adalah dipelajari melalui pemerhatian dan dan dirakamkan di dalam kognitif. Tingkah laku ini tidak wujud dengan sendirinya dalam diri pelajar. Kajian ini akan melihat faktor penyebab buli dari beberapa aspek seperti





faktor yang mempengaruhi tingkah laku pelajar remaja, iaitu kelakuan pelajar itu sendiri, pengaruh persekitaran dan interaksi kognitif.

Bandura (1977) telah memperkenalkan teori pembelajaran sosial ini untuk menerangkan tentang tingkah laku manusia. Menurut beliau, tingkah laku manusia sebagai merupakan satu bentuk interaksi hubungan yang berbeza dengan peneguhan yang berbeza. Beliau menjelaskan bahawa interaksi individu dengan orang lain melalui peneguhan telah menghasilkan pembelajaran tingkah laku devian dan bukan devian. Selain itu, Bandura (1977) juga menerangkan bahawa tingkah laku manusia adalah sebagai satu proses timbal balik, iaitu tingkah laku manusia adalah dikawal oleh individu melalui proses kognisi dan juga persekitaran melalui kejadian-kejadian yang berbentuk rangsangan sosial.



Teori ini memberikan penekanan bahawa proses pembelajaran berlaku melalui pemerhatian. Beliau turut menekankan bahawa manusia belajar melalui peneguhan vikarious iaitu pembelajaran sesuatu tingkah laku manusia yang dihasilkan daripada pemerhatian tingkah laku individu lain dan juga akibat daripada bertingkah laku sedemikian. Walau bagaimanapun, proses kognitif sangat dominan dan mempengaruhi pembelajaran sesuatu tingkah laku pelajar. Menurutnya, manusia tidak akan meniru tingkah laku individu lain secara automatik sebaliknya akan membuat jangkaan terhadap implikasi tindakan demikian sebelum membuat keputusan untuk meniru.

Keberkesanan diri dijelaskan dalam rangka kerja teori-teori kognitif sosial oleh Bandura (1986) yang menyatakan bahawa pencapaian manusia bergantung kepada interaksi antara tingkah laku seseorang pelajar, faktor peribadi dan keadaan





persekitaran. Tingkah laku individu bergantung kepada pengalaman awal di rumah. Persekitaran rumah yang merangsang rasa ingin tahu akan membantu membina keupayaan diri seperti menunjukkan rasa ingin tahu yang tinggi dan aktiviti itu akan menyebabkan wujud timbal balik aktif dan positif untuk meneroka dalam diri pelajar. Rangsangan ini meningkatkan struktur kognitif dan afektif individu termasuk keupayaannya untuk bersimpati, belajar daripada orang lain, merancang strategi alternatif dan mengawal tingkah laku sendiri dan melibatkan diri dalam refleksi sendiri (keberkesanan diri) (Bandura 1986).

Oleh yang demikian, menurut Bandura (1986), sistem diri seperti menyediakan individu berkeupayaan untuk mengubah persekitaran dan mempengaruhi prestasi berikutnya. Oleh itu, kepercayaan bahawa seseorang pelajar mempunyai dirinya sendiri adalah unsur utama dalam menjalankan kawalan dan keberkesanan peribadi. Ini memberi kesan kepada tingkah laku dalam dua cara sama ada dia mengambil bahagian dalam tugas-tugas apabila dia merasakan cekap dan yakin atau mengelakkan orang-orang tertentu apabila dia merasakan sebaliknya. Keberkesanan diri membantu untuk menentukan berapa banyak usaha, ketabahan dan daya tahan diletakkan pada tugas.

Dalam erti kata lain, kita melihat bahawa semakin tinggi rasa keberkesanan, lebih besar usaha, kegigihan dan daya tahan dalam diri pelajar. Kepercayaan keberkesanan juga mencetuskan tindak balas emosi. Sebagai contoh, individu yang mempunyai keberkesanan rendah percaya bahawa tugas adalah sukar dan dengan itu membina tekanan, kemurungan dan visi yang sempit mengenai cara untuk menyelesaikan masalah. Sebaliknya, mereka yang mempunyai keberkesanan yang tinggi akan lebih tenang dalam menyelesaikan tugas-tugas sukar. Oleh itu, pengaruh ini



adalah penentu yang kuat terhadap tahap pencapaian individu berdasarkan kepada Teori Pembelajaran Sosial Bandura dan Mischel (1986), beliau menyatakan bahawa terdapat beberapa perbezaan dalam kalangan manusia atau 'pemboleh ubah individu' yang berinteraksi dengan persekitaran dan mempengaruhi tingkah laku mereka pada masa hadapan. Pemboleh ubah individu itu terdiri daripada tahap keupayaan diri seseorang itu seperti kecerdasan, kebolehan fizikal dan lain-lain.

Seterusnya ialah cara manusia mendapat sesuatu maklumat melalui kaedah pengkodan. Seseorang akan memilih dan menumpukan perhatian kepada rangsangan dari luaran kemudian membentuk kod dan membentuk kategori-kategori yang bermakna kepadanya. Kemudianny adalah apa yang diharapkan terhasil daripada sesuatu tingkah laku yang ditunjukkan oleh individu berkenaan. Selanjutnya pula nilai terhadap tingkah laku seseorang berbanding individu lain yang sangat subjektif. Akhir sekali adalah kaedah pengendalian atau perancangan seseorang untuk mencapai matlamat.

Bandura (1973) telah memperkenalkan konsep "determinisme timbal balik" dalam pembelajaran tingkah laku manusia. Beliau menjelaskan bahawa manusia menentukan untung nasib dirinya melalui pengawalan kuasa-kuasa di sekitarnya namun mereka juga sangat dipengaruhi oleh kuasa-kuasa persekitaran ini. Inilah yang dipanggil proses interaktif iaitu tingkah laku manusia saling berkaitan dan timbal balik antara persekitaran dan proses kognisi serta persepsi. Ini menunjukkan bahawa manusia dapat mengawal tingkah laku dan kehendak mereka, sementara persekitaran pula dapat mengawal serta mempengaruhi apa yang dilakukan oleh individu pelajar dengan bantuan proses kognitif.



Menurut Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1973), beliau berpendapat bahawa pelajar dengan mudah akan belajar atau meniru sesuatu tingkah laku melalui pemerhatian terhadap tingkah laku individu lain yang signifikan dengan mereka. Pembelajaran secara peniruan tingkah laku ini berlaku sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui peniruan tingkah laku ibu bapa, rakan sebaya, dan guru yang ada dalam persekitaran mereka. Proses ini menjadi memori dan kemudiannya disimpan di dalam kognitif secara kekal dan pelajar sukar untuk mengelakkan diri dari bertingkah laku negatif dalam kehidupan mereka.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji berpendapat penggunaan Teori Pembelajaran Sosial sangat diyakini sesuai kerana teori ini mengambil kira peranan kognitif dalam pembentukan tingkah laku seseorang pelajar. Teori Pembelajaran Sosial merupakan gabungan teori pengukuhan (rangsangan dan tindak balas) Muhammed Sharif dan Suria (2012) dan teori kognitif. Teori ini menjelaskan bahawa tingkah laku buli dalam kalangan pelajar terhasil akibat daripada pengaruh kognitif, persekitaran dan perlakuan individu lain dalam persekitaran mereka. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa teori ini menekankan kepentingan penilaian kognitif dan emosi serta pengaruh-pengaruh sedar dan penentu-penentu sosial ke atas personaliti.

Di samping itu juga, dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan teori pembelajaran sosial sebagai rujukan. Teori ini menekankan peranan model dalam pembentukan tingkah laku seseorang pelajar. Menurut Bandura (1977), latihan pemerhatian atau model adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku agresif. Oleh sebab itu, segala tingkah laku pelajar yang terhasil adalah akibat daripada pemerhatian mereka terhadap persekitaran ibu bapa, rakan sebaya dan guru di sekolah.





Pemilihan teori ini adalah juga kerana dalam teori pembelajaran sosial menekankan aspek interaksi antara manusia dengan persekitaran. Oleh yang demikian, pendekatan yang dihuraikan di atas boleh menunjukkan sejauh mana seseorang individu itu boleh terlibat dalam gejala buli.

## 2.5.2 Teori Psikososial Erikson

Berdasarkan kepada Teori Perkembangan Psikososial Erikson (1986) pula, setiap individu akan melalui lapan peringkat perkembangan iaitu Peringkat Oral-Sensori (tahun pertama kelahiran), Peringkat Muskular-Anal (2 hingga 3 tahun), Peringkat Lokomotor-Genital (4 hingga 5 tahun), Peringkat Latency (6 hingga 12 tahun), Peringkat Remaja (13 hingga 19 tahun), Peringkat Awal Dewasa (20 hingga 24 tahun), Peringkat Pertengahan Dewasa (25 hingga 64 tahun) dan Peringkat Tua (65 tahun hingga meninggal dunia). (Salkind & Neil, 2004)

Setiap peringkat ditentukan oleh pelbagai krisis psikososial yang mana perlu diselesaikan oleh individu sebelum bergerak ke peringkat yang seterusnya. Sekiranya individu tersebut tidak berjaya menangani krisis-krisis yang wujud dalam diri mereka sendiri, sudah tentu mereka akan mengalami kesukaran untuk menanganinya pada masa akan datang. Dengan merujuk kepada teori ini juga, peringkat perkembangan yang menjadi rujukan ialah peringkat kelima iaitu zaman remaja yang berlaku pada usia antara 13 hingga 19 tahun. Pada usia ini golongan pelajar berada pada peringkat sekolah menengah. Alam remaja merupakan keadaan yang sangat kritikal kerana pada peringkat ini, krisis identiti kerap berlaku akibat daripada kekeliruan peranan. Pelajar





sering keliru tentang peranan dan diri mereka yang sebenar dan masa hadapan mereka sendiri. Pelajar akan berusaha untuk menyelesaikan krisis identiti ini dengan menguji pelbagai peranan, nilai dan perhubungan. (Salkind & Neil, 2004)

Pada peringkat inilah pelajar sangat mudah menyerap berbagai ideologi yang inginkan tanpa berfikir sama ada ianya positif atau negatif seperti menganggotai kumpulan tertentu, tidak bertoleransi dan membuli pelajar yang berlainan identiti untuk mempertahankan identiti sendiri daripada lenyap. Konflik akan mewujudkan perasaan kebimbangan. Menurut hasil kajian Fathilah Akmal Ismail, Mohd Mahzan Awang dan Abdul Razaq Ahmad (2016) yang menyatakan bahawa mangsa buli lazimnya menggunakan mekanisme bela diri untuk menghadapi perasaan bimbang dibuli. Lazimnya kewujudan pembuli adalah dalam kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang bermasalah seperti mempunyai ibu yang garang, bapa yang bersifat bengis dan adik beradik yang sering bergaduh.

Oleh yang demikian, ibu bapa perlulah memberikan penekanan sejak peringkat awal perkembangan kanak-kanak dengan mengamalkan sikap bertoleransi, menyemaikan perasan kasih sayang dan menunjukkan persekitaran yang positif dalam keluarga dan agar dapat mendidik golongan pelajar ini. Hubungan kekeluargaan yang pasif dan dingin, kurang berinteraksi, tahap hubungan sosial yang lemah, tahap disiplin yang rendah telah memberi peneguhan terhadap tingkah laku agresif, mendorong kanak-kanak untuk menjadi pembuli. Pengalaman lampau mereka sebagai mangsa buli telah menyebabkan pelajar tersebut bertindak untuk membuli orang lain sebagai mekanisme bela dirinya untuk merasai dirinya adalah individu yang berkuasa. Oleh sebab itulah, keseimbangan di antara id, ego dan superego penting kepada individu



terutama remaja kerana peringkat keremajaan merupakan satu tahap yang penuh dengan konflik, tekanan dan cabaran. Hal ini nyata berbeza dengan pandangan oleh Erickson yang berpendapat, kegagalan dan keraguan dalam diri pelajar bukan salah mereka tetapi faktor persekitaran seperti pengaruh teknologi, perkembangan politik dan sosiobudaya. Untuk mengatasi krisis ini dan supaya para pelajar tidak menjadi keliru, sekolah merupakan pencerahan terhadap para pelajar mendalami hal-hal sosial selain akademik.

### **2.5.3 Teori Berkaitan Tingkah Laku Mangsa Buli dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar**

Berdasarkan kepada Olweus, di sekitar tahun 1970-an telah mengenal pasti dua jenis mangsa buli iaitu mangsa pasif dan mangsa provokatif (Olweus, 1993). Kedua-dua ini berbeza di antara satu sama lain dari segi tingkah laku mereka. Mangsa buli pasif adalah mangsa yang sering menjadi sasaran pembuli dan mereka ini tidak bertindak balas dalam apa keadaanpun. Sementara, mangsa provokatif dibuli dan dalam masa yang sama mereka menjadi pembuli dalam kalangan mereka juga (Menesini et al., 2009). Kes buli yang melibatkan pelajar di sekolah sememangnya telah mendapat perhatian yang serius dalam perkembangan kajian psikopatologi, pendidikan dan kriminologi.

#### **2.5.3.1 Mangsa Buli Pasif**

Mangsa buli pasif atau yang asli menurut teori ini akan memberi respon yang lemah atau tidak berdaya terhadap buli, mempamerkan tingkah laku asertif yang lemah, tahap



kendiri dan sifat dominan yang rendah (Cook, Williams, Guerra, Kim, & Sadek, 2010). Bagi mangsa buli jenis ini, mereka dibuli berulang kali mereka tidak berdaya mempertahankan lagi diri mereka dan akhirnya menyerah sahaja kepada pembuli.

Mangsa buli pasif selalu berada dalam kebimbangan dan rasa tidak selamat. Mereka sentiasa berserah kepada keadaan dan merelakan diri mereka untuk dibuli kerana takut kepada pembuli sehingga tidak tahu mengapa mereka dibuli. Golongan ini akan cenderung untuk menyalahkan diri sendiri, rasa malu, membentuk perasaan tidak berdaya dan bertindak menarik diri dari kumpulan rakan-rakan (Raja Azrul Hisham, 2017). Mereka juga mempunyai pandangan negatif terhadap diri mereka, pemalu, selalu bersendirian dan biasanya tidak mempunyai kawan yang rapat. Keadaan ini berlaku kerana mereka telah sedia dipinggirkan dalam kumpulan rakan sebaya (Salmivalli, 2010) dan kekurangan dalam kemahiran mengawal emosi (Sanchez, Ortega, & Menesini, 2012).

### 2.5.3.2 Mangsa Buli Reaktif

Mangsa buli reaktif dianggap sebagai kumpulan yang paling bermasalah. Mereka ini paling berisiko menerima kesan psikologi akibat buli berbanding yang hanya pembuli dan yang hanya mangsa serta mempunyai pelbagai masalah. Selain mempunyai tingkah laku eksternal dan hiperaktiviti dalam masa yang sama, mangsa buli reaktif juga mempunyai ciri-ciri internal seperti depresi, kebimbangan, ketidakaturan - psikomatik dan ketidakaturan pemakanan pada tahap yang tinggi (Raja Azrul Hisham, 2017).



Mangsa jenis ini selalu bertingkah laku yang menimbulkan kemarahan dan tidak senang dalam kalangan orang lain. Mereka bukan sahaja menjadi mangsa buli tetapi juga membuli orang lain dalam masa yang sama. Walau bagaimanapun, mangsa hanya mempunyai agresi reaktif dan menurut kajian terhadap pelajar yang menjadi mangsa buli reaktif, paras agresif proaktif mereka adalah rendah berbanding pelajar yang tidak terlibat dan dikawal (Raja Azrul Hisham, 2017).

## 2.6 Implikasi Buli Terhadap Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar

Maria Vlachou, Eleni Andreou, Kafenia Botsoglou dan Eleni Didaskalou, (2011) menjelaskan, buli merupakan satu bentuk perbuatan disengajakan dengan niat buruk.

Perlakuan buli bertujuan mendatangkan kecederaan, ketidakselesaan dan menjatuhkan air muka atau memalukan pelajar yang selalunya lebih lemah daripada pelajar yang lebih 'berkuasa'. Terdapat tiga jenis buli iaitu buli secara fizikal, buli secara verbal dan buli secara *relational*. Menurut Elizabeth Allan dan Mary Madden (2016) memetik sebagai berkata purata bilangan tingkah laku buli yang dialami oleh kanak-kanak lelaki adalah jauh lebih tinggi daripada kanak-kanak perempuan. Selain itu, 8 daripada 10 pelajar yang mengalami tingkah laku buli di sekolah menengah yang akan memenuhi definisi buli.



## 2.6.1 Implikasi Terhadap Emosi Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar

### 2.6.1.1 Kajian Luar Negara

Dewasa ini, terdapat banyak kajian ilmiah yang telah dilakukan melibatkan 426 orang pelajar dari dua buah sekolah luar bandar yang terpilih menunjukkan bahawa gejala buli pelajar di sekolah mempunyai pelbagai kesan negatif kepada pembuli dan mangsa buli (Hay & Meldrum, 2010). Menurut Loes Pouwels, Ron Scholte, Tirza, Van Noorden, Antonius dan Cillessen (2016) dalam kajian di Belanda melibatkan 390 orang pelajar menunjukkan bahawa pengalaman berdepan fenomena buli memberi kesan yang amat besar kepada pelajar-pelajar kerana konsep buli, perbuatan membuli dan kena buli akan terus bertapak di dalam memori mereka sehingga mereka meningkat dewasa dan akan terus memperlakukan sedemikian terhadap mangsa buli yang lain. Gejala ini adalah berkaitan dengan tindak balas emosi dan tingkah laku para pelajar. Kajian mengenai perlakuan buli telah dijalankan seawal tahun 1970-an menurut James (2010) di England, Wales dan Utara Ireland menunjukkan perlakuan buli pada masa ini telah menjadi semakin serius dan kompleks terutama kesan terhadap mangsa buli, pembuli serta memerlukan program-program yang bersesuaian (Olweus, 2001).

Menurut dapatan kajian yang melibatkan 799 orang pelajar sekolah menengah di Amerika Syarikat oleh Allison Schenk dan William J. Fremouw. (2012), gejala buli ini memberikan kesan negatif sepanjang hayat kepada mangsa. Mangsa buli akan mengalami tekanan secara berterusan dan mempengaruhi kehidupannya untuk belajar. Mangsa buli juga akan menghadapi situasi seperti kebimbangan, tekanan, dan mengasingkan diri dari masyarakat, masalah hubungan sosial, rendah diri, mudah





menjadi cemas, bersifat agresif, kecederaan fizikal, psikologi, sosial atau pendidikan dan kesan yang paling teruk sehingga ada yang sanggup membunuh diri.

Berdasarkan dapatan oleh Murray, Harvey dan Slee (2010) di Selatan Australia, mereka telah membuktikan bahawa pembuli, mangsa buli pasif dan reaktif menerima kesan yang sama terhadap emosi dan tingkah laku. Walau bagaimanapun, pembuli reaktif mendapat kesan tingkah laku manakala mangsa buli pasif tinggi dalam menerima kesan emosi dan mangsa buli reaktif merupakan tingkah laku yang paling berisiko kerana kajian membuktikan mereka tinggi dalam menerima kedua-dua kesan emosi dan tingkah laku.

Kajian mengenai fenomena ini dikuatkan lagi oleh Lam, Law, Chan, Wong dan Zhang (2014), dalam kajian melibatkan 536 sampel daripada 3 buah sekolah di Hong Kong mendapati kesan emosi dan kesan tingkah laku memberi kesan yang tinggi kepada mangsa buli pasif dan mangsa buli reaktif dan tidak kepada pembuli. Sungguhpun demikian, kesan kepada mangsa buli reaktif adalah yang tertinggi antara kedua-duanya.

Dapatan tersebut telah menyokong pendapat Wolke dan Lereya (2014) bahawa tingkah laku buli memberi kesan kepada mangsa buli dan segi fizikal emosi dan mental atau psikologikal dalam jangka masa pendek dan panjang. Kesan jangka pendek seperti sedih, tertekan, tidak berdaya, berasa sendirian dan malu. Kesan jangka masa panjang pula ialah tahap kesihatan mental yang bercelaru, kemurungan dan gangguan emosi yang berpanjangan sehingga dewasa.



Kajian oleh Farringto dan Baldry (2010) membabitkan 411 orang pelajar lelaki di England, United Kingdom menunjukkan bahawa golongan perempuan mendapat kesan emosi lebih tinggi berbanding lelaki. Pendapat ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Rivers dan Noret (2010) yang menjalankan kajian ke 2002 orang pelajar sekolah menengah di utara England, United Kingdom. Manakala, dapatan kajian oleh Menesini et al., (2009) di Itali melibatkan 537 pelajar sekolah menengah menunjukkan kesan emosi tinggi kepada perempuan dan kesan tingkah laku tinggi kepada lelaki.

Begitu juga dengan penemuan oleh Redding, Smitf, Surette dan Cornell (2011) telah menjelaskan bahawa buli dalam kalangan pelajar sekolah dewasa ini merupakan indikasi pelajar-pelajar zaman sekarang mengalami perubahan zaman teknologi media yang mempengaruhi pembentukan personaliti dan tingkah laku dalam sehingga menjadi ganas dan tidak terkawal. Selain dari itu, gejala buli ini dilihat sebagai ancaman besar dalam pembentukan system sosialisasi positif dalam komuniti setempat dalam masyarakat (Georgiou, Stellios, Fousiani, Kyriaki; Michaelides, Michalis & Stavrinides Panayiotis, 2013). Penemuan ini telah menunjukkan bahawa budaya timur yang terkenal dengan amalan saling hormat menghormati, adab sopan santun, sopan santun dalam masyarakat tanpa mengira status sosial, status ekonomi, bangsa, umur, adat kepercayaan, pegangan agama dan warna kulit semakin terhakis.

Berdasarkan dapatan oleh Wolke, Copeland, Angold, dan Costello (2013) di bahagian Selatan Carolina melibatkan 1420 sampel, mendapati pelajar yang dibuli akan mengalami masalah kesihatan dan hubungan sosial. Oleh itu, masalah ini akan bertambah apabila mereka dewasa terutamanya kepada golongan yang menghadapi masalah psikaitrik dan kesusahan keluarga semasa mereka kecil. Oleh yang demikian,

pengkaji menegaskan bahawa apabila mereka dibuli di sekolah, ianya bukanlah merupakan faktor utama yang menentukan kesan emosi dan tingkah laku mereka apabila menjadi dewasa tetapi lebih kepada petanda kepada pelajar yang dibuli terhadap masalah psikopatologi (masalah emosi) apabila mereka dewasa kelak.

Selain dari itu, Hutzell dan Payne (2012) telah menjalankan kajian melibatkan 11161 sampel di Amerika dan mendapati pelajar berusia 12-18 tahun yang menjadi mangsa buli mempamerkan pencapaian akademik yang rendah disebabkan oleh sikap suka ponteng sekolah untuk mengelak daripada dibuli. Hasil daripada kajian beliau, pelajar ini bukan sahaja mendapat pencapaian akademik yang rendah malah, pelajar kaki buli juga mengalami keadaan yang sama akibat daripada sikap mereka.

Menurut dapatan kajian oleh Cheng, Danescu, Niculescu, Mizil & Leskovec (2014) dengan kewujudan berbagai jenis aplikasi media sosial yang menjadi medan perhubungan sesama manusia sejagat menyebabkan data peribadi remaja sudah tidak menjadi sulit dan segalanya dapat diakses dan dikongsi melalui media sosial. Golongan pelajar ini bebas untuk berkongsi apa-apa sahaja di laman masing-masing, mengemaskini status dan memaparkan setiap peristiwa yang berlaku dalam hidup mereka.

Menurut kajian Thelwall (2012), aplikasi media seperti YouTube, sebagai contoh, memberi peluang kepada pengguna laman sesawang ini berhubung, dan aktif memberikan komen-komen dalam perbincangan dan perbualan melalui video yang dipaparkan. Penggunaan aplikasi YouTube mencatatkan lebih daripada 78 juta pengguna dan lebih 150,000 video dimuat naik setiap hari (Sawyer, 2011). Tambahan



pula, jumlah pengguna YouTube juga dari seluruh dunia melangkaui jarak geografi menurut Thelwall, Sud dan Vis (2012). Semua pengguna medium ini boleh menyertai perbualan dan memberi komen di bahagian paparan. Namun berdasarkan kajian oleh Cheng, Danescu-Niculescu-Mizil dan Leskovec (2014) pengguna media sosial sebenarnya lebih suka menilai dan memberi komen yang negatif kepada rakan media sosialnya berbanding dengan komen yang positif.

Teicher, Samson, Sheu, Polcan dan Mc Greenery (2010) telah mengkaji kesan fizikal buli kepada mangsa. Dalam kajiannya beliau telah membuat 'scan' bahagian kepala terhadap 63 subjek kajian. Mereka yang mengatakan pernah dibuli oleh rakan menunjukkan keadaan tidak normal di dalam otak yang dinamakan Corpus Callosum iaitu bahagian yang menghubungkan antara otak kiri dan otak kanan. Bahagian ini adalah penting dalam memproses penglihatan, ingatan dan lain-lain.

Kajian juga mendapati mangsa buli juga berhadapan dengan masalah kesihatan dan fizikal seperti masalah somatik contohnya selsema dan juga masalah psychosomatik seperti pening kepala. Sakit kepala, sakit perut, masalah tidur dan berkemungkinan terlibat dengan dengan tabiat merokok (Wolke dan Lereya, 2014). Keputusan kajian oleh Jason M. Silveira dan Michael Hudson (2015) menunjukkan bahawa tindakan buli yang paling biasa dialami oleh pelajar adalah mereka yang terlibat dengan penghinaan secara lisan awam atau degradasi.

Berdasarkan kajian Rivers dan Noret (2010) di bahagian Utara England melibatkan 2002 orang pelajar di luar bandar, mangsa buli reaktif menerima kesan lebih tinggi dari segi emosi daripada mangsa buli pasif. Tidak terdapat perbezaan pada



tingkah laku buli terhadap kesan tingkah laku. Kesan psikologi mendapati pembuli, mangsa buli pasif dan mangsa buli reaktif mengalami kesan tingkah laku yang tinggi. Sebaliknya, tidak terdapat perbezaan pada tingkah laku buli, jantina dan umur terhadap kesan emosi.

Menurut Alex Diamond, Todd Callahan, Kelly Chain dan Gary Solomon (2016) walaupun percanggahan wujud antara yang dilihat dan diperhatikan. Tingkah laku buli dalam sukan di kolej dan di sekolah tetap berleluasa. Perlakuan buli sudah mejadi budaya terutama di sekolah berasrama, ianya telah membawa kecacatan dari segi kesihatan mental dan fizikal dalam diri mangsa dan juga pelaku.

Pelajar juga didapati lebih signifikan terlibat dalam perlakuan buli secara fizikal, psikologikal atau verbal dan keseluruhan bentuk perlakuan buli secara langsung berbanding dengan pesalah juvana menurut Damanjit Sadhu, Manjot Kaur dan Kirandeep Kaur (2016). Hasil kajian mereka terhadap 200 pelajar lelaki dan perempuan peringkat menengah di Punjab juga telah mengesahkan bahawa perlakuan membuli dikaitkan dengan pelajar yang lemah. Pelakuan membuli juga membawa kepada masalah yang semakin membebankan di sekolah yang membabitkan pelajar tersebut.

Daripada dapatan ini maka dapatlah dikatakan bahawa perkongsian dalam laman sosial telah dapat menarik minat ramai pengguna aplikasi ini serta memberikan pelbagai komen sama ada positif atau negatif terhadap pengguna lain sama ada mereka kenal atau tidak. Hal ini kerana, semua pelayar laman sosial mempunyai kebebasan untuk memberikan sebarang komen, perkongsian/*share*, suka/*like* dan berbual/*chat*. Sudah tentu komen yang diberikan oleh pengikut laman web bukan semuanya



berbentuk positif atau baik, tetapi juga yang memberi komen dalam bentuk menghina, mengutuk, mencaci, dan sebagainya. Menurut kajian oleh Feinberg dan Robey (2010), terdapat juga kes buli siber yang berlaku secara sepintas lalu seperti pergaduhan, ugutan, cacian, penyamaran dan penyisihan dalam media sosial yang terjadi melalui cara menulis, kemas kini status dan memberi respon terhadap status yang telah dikemaskini ke dalam media sosial.

Walau bagaimanapun kejadian ini jarang berlaku tetapi terdapat laporan kajian di Kanada terhadap 1001 pelajar sekolah di luar bandar, hampir satu pertiga daripada mangsa melaporkan tentang kes buli (Feinberg & Robey, 2010). Oleh yang demikian, matlamat untuk menghindarkan kes buli daripada berlaku di sekolah-sekolah dan untuk membasmi buli sepenuhnya adalah sukar dan mungkin ada orang menyimpulkan bahawa walaupun buli yang jarang berlaku masih menjadi masalah yang tidak boleh dipandang sepi.

### 2.6.1.2 Kajian Dalam Negara

Senario yang semakin merunsingkan ibu bapa dan masyarakat di Malaysia pada masa kini ialah buli. Gangguan dan tekanan rakan sebaya terhadap pelajar sekolah telah berlaku sejak sekian lama. Dalam abad kedua puluh, terdapat peningkatan jumlah kes buli dan banyak penyelidikan telah dilakukan untuk mengkaji fenomena sosial dalam masyarakat seperti yang dibuktikan oleh analisis bibliometric mudah oleh Psycinfo. Semenjak itu, terdapat beberapa kajian ilmiah telah dijalankan, menjadikannya mudah untuk mencari analisis dan sumber maklumat Card dan Hodges (2008); Cook et al.,





(2010) dan kajian semula fenomena ini oleh Salmivalli (2010) telah menjadi sumber rujukan umum.

Menurut Zainah, Rohany, Asmawati, Rozainee, Fatimah dan Siti Hajar (2013) dalam kajian mereka di *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC) yang terletak di Muar, Johor dan klien di Klinik *Cure and Care* (C & C) di Sungai Besi dan Kota Bahru, Kelantan. Seramai 495 orang klien lelaki terlibat dalam kajian ini. Isu dalam kalangan pelajar dewasa ini yang tidak produktif berlaku apabila dalam kalangan mereka yang terjebak dalam pelbagai tingkah laku negatif seperti membuli, melepak, mencuri, menagih dadah, di samping terlibat dengan pelbagai bentuk gejala sosial. Perkara ini telah menjadi ancaman dan bercanggah dengan hasrat Kementerian Belia dan Sukan (KBS) iaitu melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran dalam kalangan golongan belia yang progresif, dinamik dan produktif untuk membangunkan negara.

Menurut hasil kajian oleh Fathilah Akmal et al., (2016) mencadangkan beberapa kaedah dalam menangani masalah tingkah laku buli di sekolah berdasarkan kajiannya terhadap 240 orang pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Klang, Selangor. Antara cadangan yang dikemukakan adalah dengan memberikan kesedaran tentang perlakuan buli kepada para pelajar, mendidik pelajar supaya menjauhi gejala buli, menjalankan penilaian terhadap kes-kes buli di sekolah, membentuk kod tingkah laku pelajar, menjalankan program kaunseling kepada pelajar-pelajar khususnya mangsa buli dan pembuli, melibatkan ibu bapa dalam program intervensi dan mengimplimentasikan strategi-strategi intervensi, khusus kepada pelajar yang agresif serta memperkemaskan lagi sistem penilaian dan akauntabiliti.





Penemuan oleh Suppiah Nachiappan, Anis Iliani Ahmad, Hari Krishnan Andi, Velayudhan P. K. Veeran (2012) dalam kajian mengenai kecenderungan salah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Simpang Renggam. Dapatan kajian berdasarkan 50 buah sekolah sampel telah menunjukkan bahawa golongan pelajar ini lebih mudah terdedah untuk melakukan salah laku disiplin. Salah laku buli sebagai contoh sangat lazim berlaku. Tingkah laku buli merupakan antara cabang salah laku dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah dan boleh berterusan sehingga wujud perlakuan ganas daripada zaman kanak-kanak sehingga ke alam kedewasaan.

Pendapat ini menyokong hasil kajian Jamalsafri (2010) yang menghuraikan buli pada asasnya adalah penyalahgunaan kuasa. Seramai 420 pelajar menengah sekitar Pulau Pinang yang menjawab soal selidik ini dan 74 orang dipilih sebagai sampel

cenderung pembuli. Buli adalah operasi psikologikal atas fizikal yang berulang-ulang terhadap individu yang lemah oleh individu atau kumpulan yang lebih kuat atau berkuasa. Tingkah laku buli adalah satu bentuk tindakan agresif yang dikategorikan sebagai ketidak simbalan kuasa antara pembuli dengan mangsa. Tingkah laku buli meliputi tindakan-tindakan secara verbal dan seterusnya fizikal seperti panggilan nama yang bersifat menghina, peras ugut, perlakuan ganas, fitnah, penyisihan daripada kumpulan, dan merosakkan harta benda orang lain.

Merujuk kepada hasil tulisan Yudrik Jahja (2011) rasa ingin tahu menyebabkan pelajar melakukan pelbagai percubaan atau eksperimen. Pelajar lebih cenderung untuk mencuba sesuatu yang baharu apabila berada di luar lingkungan pengawasan ibu bapa. Hal ini juga menyumbang pada pembentukan identiti pelajar sama ada positif atau negatif bergantung pada keberhasilan eksperimen yang dilakukannya. Pada peringkat





ini, pengendalian diri pelajar adalah amat penting. Pelajar yang tidak dapat mengendalikan diri dengan baik akan menjadi salah seorang daripada penyumbang gejala buli ini.

Sebaliknya dalam kajian terkadap pelajar sekolah luar bandar di Daerah Kerian, Perak mendapati pelajar dapat mengendalikan diri dengan baik akan dapat menyesuaikan diri dengan norma atau peraturan dalam kehidupan keluarga, sekolah dan masyarakat. Bagi pembuli, niat mereka hanya semata-mata untuk menunjukkan kekuatan dan kekuasaan mereka, sementara ada pula yang beranggapan inilah satu-satunya cara untuk menunjukkan kehebatan mereka. Perasaan rendah diri juga dikaitkan dengan perbuatan buli, di mana mereka yang kurang keyakinan diri menjadikan mereka yang lebih lemah sebagai mangsa mereka yang agresif (Rozaliza,



Menurut Asmah Suboh et al., (2011), dapatan kajian di sekolah luar bandar sekitar Johor Bahru melibatkan 130 orang pelajar menunjukkan salah laku fizikal paling dominan yang dilakukan oleh pelajar sekolah. Selain itu bagi salah laku verbal, dapatan kajian menunjukkan salah laku melawan guru adalah yang salah laku verbal paling dominan yang dilakukan oleh pelajar di sekolah. Walaubagaimana pun sejak akhir-akhir ini, cubaan pelajar mahupun ibu bapa untuk menggugut guru melalui laman facebook telah pun berlaku. Insiden ini telah pun dimaklumkan kepada pihak berkuasa. Analisis data oleh Hamidah (2013) menunjukkan bahawa faktor pengaruh televisyen sangat mempengaruhi tahap tingkah laku keganasan dari aspek buli di kalangan murid sekolah rendah.





Kesimpulan daripada kajian oleh Lim Jia Choon, Muslihah Hasbullah, Sa'odah Ahmad dan Wu Shin Ling (2013), ibu bapa memainkan peranan penting sejak zaman kanak-kanak terutama kepada kanak-kanak lelaki. Berdasarkan kajian terhadap 480 orang pelajar di empat buah sekolah menengah luar bandar di Selangor mendapati terdapat pelbagai faktor sekeliling yang boleh mempengaruhi zaman remaja para pelajar kerana mereka masih muda. Ibu bapa perlu memberi perhatian yang lebih kepada mereka untuk mengelak tingkah laku bermasalah. Selain itu, ibu bapa juga perlu memantau rakan-rakan anak mereka kerana rakan sebaya adalah sangat berkaitan dengan kenakalan. Pelajar yang bercampur dengan rakan-rakan bermasalah lebih berkemungkinan melibatkan diri dalam tingkah laku bermasalah.

Oleh itu, faktor-faktor ini perlu dipertimbangkan dalam melaksanakan campur tangan untuk membendung kenakalan di kalangan pelajar di Malaysia. Asrul Azmin Masiron (2010) dalam kajiannya melibatkan 141 pelajar sekolah menengah luar bandar di Pontian menjelaskan bahawa sistem pendidikan rendah dan menengah yang dilaksanakan oleh kerajaan juga yang menekankan kecemerlangan peperiksaan dan bilangan A memberi tekanan kepada kumpulan pelajar yang mempunyai tahap kognitif yang rendah. Selain dari itu sistem sekolah lebih berfokus kepada peperiksaan yang memberi lebih keutamaan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dalam akademik manakala pelajar yang tidak mempunyai keupayaan akademik akan mencari jalan keluar dengan ponteng sekolah.

Implikasi gejala buli terhadap mangsa buli akan menjejaskan kesihatan mangsa buli (Amin Al Haadi, Azad Athahiri, Norsayyidatina, Wan Ahmad Zakry, & Musa, 2017). Contohnya, mangsa buli menghadapi masalah dalam tabiat makan dan berat





badan. Hal ini mungkin kerana mereka berasa susah hati atau risau tentang kejadian yang dialami oleh mereka akan mendatangkan kecederaan fizikal, kecederaan kekal termasuk maut. Mereka akan juga menghadapi masalah dalam membina hubungan sosialisasi dengan komuniti sekolah dan menjejaskan kualiti akademik. Hal ini kerana mereka sukar untuk fokus dalam pelajaran kerana bimbang dengan ancaman buli yang mungkin akan berulang. Mendatangkan masalah kesihatan mental.

Selain dari itu, terdapat dalam pelajar sentiasa berasa bimbang dan takut, akhirnya mereka akan mengambil tekanan perasaan yang mendorong kepada berlakunya kemurungan. Ketidak selesaan dan menjatuhkan air muka atau memalukan pelajar khususnya jika kejadian tersebut berlaku di khalayak ramai. (Mohd Salim Haji Awang, Noor Hasmayuzee Hashim, Aney Marinda Muhammad Amin, Hanifah Mohd



Khailani, Mohd Azmi Ismail & Nurhafizah Abdul Musid, 2016).

Azizi Yahya et al., (2012) dalam kajiannya telah menjelaskan bahawa tingkah laku vandalisme paling ketara dalam salah laku kenakalan dalam kalangan pelajar. Manakala sikap melawan guru merupakan salah laku secara verbal yang banyak berlaku. Selain dari itu, tingkah laku buli pula merupakan salah laku fizikal yang sangat dominan dalam kalangan pelajar sekolah. Dapatan kajian menunjukkan gaya keibubapaan yang autokratik dalam kalangan peserta kajian yang mendorong kepada tingkah laku ini.

Kajian di bahagian utara Semenanjung Malaysia melibatkan 110 orang pelajar oleh Junainor Hassan et al., (2016) mendapati seseorang yang menjadi pembuli ini biasanya merupakan pelajar yang mudah marah, panas baran atau bersifat impulsif. Golongan ini





akan berasa seronok apabila melihat mangsa mereka dalam keadaan takut setiap kali bertembung. Golongan pembuli ini biasanya kekurangan empati dan sangat gembira apabila melihat orang lain dalam keadaan ketakutan dan kesakitan. Pembuli juga terdorong untuk menunjukkan kuasa dan bangga apabila dapat menundukkan orang lain. Oleh sebab itu, hasil kajian ini telah menjelaskan bahawa golongan pelajar yang terlibat dalam kancah jenayah buli adalah akibat daripada pengaruh negatif rakan sebaya, kurangnya bimbingan ibu bapa, pengaruh buruk daripada internet dan penularan unsur-unsur samseng daripada persekitaran. Kebiasaannya mereka ini berasal daripada kalangan keluarga yang pincang, di mana kasih sayang dan keterbukaan amat terbatas. Ramai pihak percaya bahawa pelajar dan belia terlibat dalam buli selepas mereka menyaksikan sikap agresif ibu bapa mereka terhadap rakan-rakan, adik-beradik atau ahli keluarga yang lain.



Hasil kajian oleh Maisaroh (2013) dalam penulिसannya yang berjudul “Kekerasan Orang Tua dalam Mendidik Anak Perspektif Hukum Pidana Islam” mengatakan bahawa kekerasan terhadap anak terjadi akibat ibu bapa kurang memahami hak dan kewajiban dalam membimbing dan mendidik anak. Hal ini akibat kekeliruan mengenai kaedah ibu bapa dalam memukul anak untuk mendidik yang kemudian menjadi alasan terjadinya tindak kekerasan terhadap anak. Padahal kaedah ini sebenarnya boleh dielakkan kerana selain mengganggu emosi anak, hal ini juga membuka ruang untuk anak-anak bertindak agresif terhadap rakan dan juga orang lain. Dengan kata lain ianya akan merugikan orang lain, mengancam keamanan dan ketenteraman orang lain.



Menurut Maisaroh (2013) lagi, pelajar remaja merupakan individu yang menginginkan perhatian dan tumpuan orang dewasa kepadanya. Beliau turut menambah bahawa pelajar yang tidak mendapat sokongan dan merasa tidak difahami oleh individu-individu yang hampir dengan mereka akan mudah terlibat dengan perbuatan-perbuatan nakal. Justeru, sikap yang dibentuk pelajar ini bukan hanya disebabkan oleh sikap semulajadi pelajar yang mempunyai sikap ingin tahu yang tinggi, tetapi juga turut dipengaruhi oleh individu dalam persekitaran mereka.

Dalam kajian Maisaroh (2013) juga menjelaskan bahawa faktor keluarga iaitu ibu bapa yang terlalu tegas dan selalu memberi hukuman keras sekiranya mereka melakukan kesalahan sehingga menyebabkan kecederaan fizikal, mangsa buli juga berkemungkinan akan berubah secara drastik menjadi pendiam, takut, tidak gembira, muram atau kurang selera makan. Perkara paling membimbangkan adalah kesan jangka panjang psikologi secara batiniah seperti kebimbangan, kemurungan dan cepat putus asa, manakala kesan pada zahir yang boleh dilihat adalah tingkah laku yang agresif. Mereka juga menjadi pendendam atau bersikap agresif terhadap orang yang lebih muda.

Perkara ini turut diulas oleh Maisaroh (2013), yang mengatakan bahawa kekecewaan pelajar terhadap sikap ibu bapa, adik beradik, guru-guru dan rakan sebaya menyebabkan mereka bertindak nekad untuk melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang. Tindak-tanduk pelajar sebenarnya mempunyai kaitan dengan apa yang dilakukan oleh orang dewasa terhadapnya seperti ibu bapa, guru, pemimpin masyarakat dan lain lain, yang dilakukan secara sengaja ataupun tidak



sengaja. Beliau menambah bahawa kenakalan pelajar adalah sesuatu yang jarang dilakukan secara tiba-tiba atau spontan.

Selain dari pendapat yang dibincangkan, Amin Al Haadi Shafie, Azad Athahiri Anuar, Norsayyidatina Che Rozudi, Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin dan Musa Mohamad (2017) mendapati bahawa buli merupakan satu tingkah laku dominasi yang dilakukan berulang kali secara psikologi atau fizikal daripada seorang atau kumpulan yang lebih berkuasa kepada seseorang yang kurang kuasa. Mangsa buli selalunya mempunyai ciri-ciri tertentu yang menyebabkan mereka mudah bagi pembuli mengesan dan bertindak membuli mereka. Selalunya mangsa merupakan seorang yang sentiasa merasa cemas, tidak selamat, terlalu berhati-hati, mempunyai harga diri yang rendah dan tidak berupaya membela diri sendiri apabila dikasari.



Menurut Amin Al Haadi et al., (2017), tingkah laku buli memberi impak kepada mangsa buli dan segi fizikal emosi dan mental atau psikologikal dalam jangka masa pendek dan panjang. Kesan jangka pendek seperti sedih, tertekan, tidak berdava, berasa sendirian dan malu. Kesan jangka masa panjang pula ialah tahap kesihatan mental yang bercelaru, kemurungan dan gangguan emosi yang berpanjangan sehingga dewasa sehingga mengganggu proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah.

Dalam satu kajian di sebuah sekolah dalam daerah Kapar, Klang melibatkan sejumlah 211 pelajar oleh Mohd Ali Iksan (2010), kelemahan sistem pendidikan negara ini dan suasana persekitaran negara di mana kelonggaran kerajaan dalam mengeluarkan lesen perniagaan kepada tempat-tempat maksiat seperti rumah-rumah urut, tempat hiburan seperti disko menjadikan remaja lebih mudah terjerumus kepada kanc





jenayah dan maksiat telah menyuburkan lagi budaya negatif dalam kalangan remaja terutamanya golongan pelajar. Hasil daripada kajian perpustakaan juga telah menemui sebilangan angka masalah sosial dan jenayah termasuk kes buli yang amat membimbangkan. Pelajar- pelajar seusia belasan tahun yang melakukan jenayah ini. Golongan ini sepatutnya masih berada di bangku sekolah tetapi malangnya mereka sudah tidak berminat untuk belajar.

Menurut pendapat yang dikemukakan oleh Balan Rathakrishnan (2015), pula mendapati seseorang pembuli ini biasanya merupakan kanak-kanak atau remaja yang bersifat impulsif dan mudah marah. Mereka suka mencari keseronokkan dengan melakukan kegiatan buli dan akan berasa gembira apabila dapat melihat mangsa mereka sentiasa berada dalam keadaan ketakutan dan kebimbangan. Golongan pembuli biasanya tidak mempunyai perasaan empati dan gemar melihat mangsa buli berada dalam keadaan ketakutan dan kesakitan. Pembuli juga terdorong untuk menunjukkan kuasa dan bangga apabila dapat menundukkan orang lain.

Oleh sebab itu, hasil kajian ini cuba merungkai bahawa sudah tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan kanak-kanak dan remaja terjebak di dalam kancan jenayah buli dan gengsterisme adalah akibat daripada pengaruh negatif rakan sebaya, kurangnya bimbingan ibu bapa, pengaruh buruk daripada internet dan penularan unsur-unsur samseng daripada persekitaran. Kebiasaannya mangsa buli dan pembuli ini kebanyakannya berasal daripada keluarga yang pincang. Sifat keterbukaan dan perasaan kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga dan keterbukaan amat terbatas. Ramai pihak percaya bahawa pelajar dan belia terlibat dalam buli selepas





mereka menyaksikan sikap agresif ibu bapa mereka terhadap rakan-rakan, adik-beradik atau ahli keluarga yang lain. (Balan Rathakrishnan, 2015)

Oleh yang demikian, maka dapatlah dirumuskan bahawa buli ialah sejenis tingkah laku yang ganas dalam bentuk fizikal atau psikologikal yang dilakukan oleh seorang atau sekumpulan individu ke atas individu lain. Tingkah laku buli meliputi tindakan-tindakan yang bersifat mengejek, penyisihan sosial dan memukul dengan niat untuk mengancam, menakutkan dan menyakiti atau meletakkannya dalam keadaan yang penuh tekanan. Mangsa buli tidak berupaya untuk mempertahankan dirinya dan mendatangkan kesan terhadap emosi dan tingkah laku mangsa buli ini. Tambahan pula melalui ruang media sosial tanpa sempadan budaya dan geografi membuka ruang untuk penyebaran fitnah dan budaya negatif memberi impak yang besar terhadap mangsa buli.



Pelajar boleh terdedah kepada kecelaruan persepsi kerana ketidaksediaan emosi mereka untuk menilai sesuatu perbuatan yang bersifat negatif, sehingga boleh mendorong mereka melakukan yang sama kepada rakan mereka.

## **2.6.2 Implikasi Terhadap Tingkah Laku Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar**

### **2.6.2.1 Kajian Luar Negara**

Artikel Shelley dan Susan (2015) ini memberikan gambaran keseluruhan penemuan dari 40 tahun terakhir penyelidikan mengenai pembulian di kalangan sekolah- pelajar sekolah dan belia semakin menjadi-jadi. Penyelidikan mengenai definisi dan penilaian tentang isu-isu dalam pembulian dan data mengenai kadar prevalensi, kestabilan, dan





bentuk tingkah laku buli yang dikumpul menunjukkan gejala ini tidak pernah akan berkurang. Berdasarkan kajian di beberapa buah negara, ternyata kes buli mengalami dua kali atau lebih. Jenis buli yang paling lazim di tiga negara, yang menjejaskan lebih satu perempat kanak-kanak di India dan Vietnam dan kira-kira sepertiga kanak-kanak di Peru.

Berdasarkan laporan UNICEF, buli fizikal adalah jenis buli yang paling jarang berlaku di tiga bahagian negara, dengan pengecualian India, di mana ia hampir sama seperti jenis lain. Ia juga patut diperhatikan bahawa buli lisan adalah umum di seluruh negara, yang mempengaruhi Satu pertiga daripada kanak-kanak di Peru, satu perempat di India dan lima di Vietnam. Di India dan Peru, serangan terhadap harta juga pada tahap yang sama seperti buli lisan dan tidak langsung. Ini memaparkan kelemahan menangani kes buli di seluruh empat negara. (Kirrily, 2016).

Mereka yang berpendapat buli adalah fenomena global tetapi kurang diketahui atau dikesan di negara berpendapatan rendah dan sederhana dan berbeza dari negara berpendapatan tinggi. Negara (Ethiopia, India, Peru dan Vietnam) yang berkaitan dengan golongan muda. Kesejahteraan psikososial orang dewasa (keberkesanan diri, harga diri, hubungan ibu bapa dan rakan sebaya) dengan pembulian yang berpengalaman dalam masa remaja. Oleh itu, pembuli tidak semata-mata tidak berbahaya. Bentuk buli secara lisan dan tidak langsung adalah jenis yang paling lazim menyerang mangsa dalam bentuk psikologi dan emosi mangsa buli yang kurang dikesan berbanding buli fizikal (Kirrily, 2016).





Hasil dapatan kajian oleh Harlow dan Roberts (2010) di kawasan luar bandar dalam daerah Texas dan New Jersey telah melibatkan 2000 pelajar, mendapati mangsa buli reaktif mempunyai dua watak iaitu mangsa buli dan pembuli. Manakala, watak mangsa buli pasif menunjukkan mereka lebih cenderung bertingkah laku dalaman (internal) seperti menarik diri, kebimbangan dan tertekan. Watak pembuli telah menunjukkan mangsa buli reaktif mempunyai kecenderungan yang tinggi dalam tingkah laku luaran seperti ponteng sekolah, melanggar peraturan sekolah, pencapaian akademik yang rendah dan tingkah laku agresif. Menurutnya lagi, mangsa buli reaktif adalah golongan yang mengalami kesan negatif dalam psikologi dan berada pada tahap tinggi akibat buli berbanding mangsa buli pasif dan pembuli. Pendapat ini disokong oleh dapatan kajian yang dijalankan oleh yang menunjukkan mangsa buli reaktif memiliki sifat-sifat pembuli dan mangsa dalam masa yang sama.



Dapatan kajian Hansen, Bitsch, Steenberg, Majlund, Palic dan Elklit, (2012) menunjukkan antara punca individu menjadi mangsa buli ialah faktor konsep sendiri yang rendah, iaitu individu yang memiliki rasa rendah diri dan mempunyai imej sendiri yang negatif. Keyakinan diri dan imej sendiri ini merupakan sebahagian daripada ciri konsep sendiri. Sungguhpun mangsa buli reaktif memiliki tahap tingkah laku eksternal yang tinggi dan bersifat hiperaktiviti dalam masa yang sama. Mangsa buli reaktif juga mempunyai ciri-ciri internal seperti depresi, kebimbangan dan cenderung berfikiran untuk membunuh diri.

Menurut Donegan (2012), pembuli siber hanya bersembunyi disebalik skrin komputer sahaja. Satu tinjauan yang dijalankan oleh *The Pew Internet dan American Life Project* mendapati 39 peratus daripada pengguna media sosial telah mengalami





beberapa bentuk buli siber, berbanding dengan 23 peratus daripada bukan pengguna media sosial (Grube, 2012). Kajian oleh Cheng Fang Yen Chih Hung Ko, Tai Ling Liu dan Huei Fan Hu (2015) pula menunjukkan pelajar yang telah mengalami penderaan kanak-kanak fizikal dan mental dari rakan dan guru menunjukkan lebih banyak kemurungan yang teruk dan mengalami insomnia serta berhasrat untuk membunuh diri.

Menurut Mikell (2014) dalam kajiannya di Selatan Carolina melibatkan 1872 pelajar menyatakan, penyediaan rangka kerja teoritis untuk memahami gangguan buli di kalangan pelajar lelaki dan wanita. Kajian literatur maskulin hegemoni ditambah dengan penemuan penyelidikan, mengesahkan bahawa gejala buli adalah fenomena yang didominasi oleh golongan lelaki. Oleh itu, kajian ini boleh memberi inspirasi kepada penciptaan program mentoring lelaki sebelum dan semasa kolej yang boleh menghalang orang muda ini daripada terlibat dengan tingkah laku berisiko dan yang berpotensi membawa maut. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Smithyman, Fireman dan Asher (2014) terhadap 72 pelajar sekolah menengah, terdapat kesan negatif dalam psikologi diri pembuli terutama kesan tingkah laku dalam pencapaian akademik secara jangka panjang boleh dikurangkan jika sokongan positif sosial dari guru dan rakan sebaya dipertingkatkan. Jelas bahawa faktor persekitaran seperti peranan rakan sebaya dan iklim sekolah boleh membantu mengurangkan kesan psikologi buli kepada pelajar.

Selain dari itu, Hampel, Manhal, dan Hayer (2009) dalam kajian di German melibatkan sejumlah 409 pelajar sekolah menengah luar bandar menyatakan bahawa jika kes buli secara langsung atau kes buli berbentuk fizikal paling kerap dilakukan oleh pelajar di sekolahnya, maka ia mempunyai kaitan dengan pembuli dan mangsa buli





yang menerima lebih banyak kesan tingkah laku. Pernyataan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Konishi, Hyinel, Zumbo dan Li, (2010) yang melibatkan 27217 pelajar sekolah menengah di Kanada pula telah mendapati mangsa buli menunjukkan pencapaian yang rendah dalam subjek matematik dan pembacaan. Oleh yang demikian, didapati tingkah laku buli ini juga berkaitan dengan rendahnya persepsi sendiri terhadap kompetensi akademik, gred yang rendah dan kurang kesedaran dalam akademik.

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Carbone Lopez, Esbensen dan Brick (2010) terhadap 1222 pelajar sekolah menengah luar bandar di Amerika Syarikat, menunjukkan sama ada kesan emosi ataupun kesan tingkah laku akibat buli lebih banyak memberi kesan kepada perempuan berbanding lelaki. Dapatan kajian ini juga bertepatan dengan hasil dapatan oleh Harlow dan Roberts (2010) dan meyakinkan dapatan oleh Wolke, Copeland, Angold dan Costello (2013) melibatkan 4067 pelajar sekolah menengah luar bandar di bahagian barat Carolina Utara, Amerika Syarikat. Dapatan kajian menunjukkan buli di sekolah telah memberikan pelbagai implikasi negatif kepada pelajar yang mana mangsa buli merupakan yang banyak menerima kesan negatif seperti tahap sendiri rendah, kesunyian, tekanan perasaan, kebimbangan, tidak hadir ke sekolah dan kesukaran dalam akademik.

Berdasarkan sorotan kajian lampau yang dihuraikan di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar dibuli. Gejala buli yang lazim berlaku dalam kalangan pelajar lebih kepada buli secara verbal dan selanjutnya menjurus kepada buli secara sentuhan fizikal. Implikasi terhadap mangsa buli telah memperlihatkan kesan terhadap emosi sangat tinggi berbanding terhadap





kesan fizikal. Kajian ini bukan sahaja mengkaji faktor penyebab dan punca-punca tetapi ingin mengetahui apakah jenis-jenis buli yang lazimnya berlaku serta apakah implikasi buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar khususnya di luar bandar.

Mangsa buli juga didapati lebih cenderung mengalami masalah dalam kegagalan akademik dan pencapaian yang rendah dalam bidang pekerjaan apabila mereka dewasa. Hal ini menyokong dapatan pendapat Hansen et al., (2012), menyatakan antara punca individu menjadi mangsa buli ialah faktor konsep sendiri yang rendah, iaitu individu yang memiliki rasa rendah diri dan mempunyai imej sendiri yang negatif. Keyakinan diri dan imej sendiri ini merupakan sebahagian daripada ciri konsep sendiri.

Selain itu, pernyataan ini disokong oleh pendapat Takizawa, Mauglian dan Arseneault (2014) dalam kajian terhadap 17638 pelajar di luar bandar menunjukkan mangsa buli juga menunjukkan beberapa simptom masalah lain yang menyumbang kepada masalah fizikal jangka masa panjang seperti masalah kemurungan (*anxiety disorder*) dan mengalami kemurungan apabila mereka mencapai umur awal dewasa dan pertengahan dewasa.

### 2.6.2.2 Kajian dalam Negara

Menurut Kajian Amnah (2016) dalam “Personaliti Devian Pelajar Mengikut Perpektif Teori Psikionalisis dan Humanistik” menyatakan perlakuan buli dan samseng pelajar ini mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan persekitaran kekeluargaan, faktor keinginan dan faktor rakan. Selain daripada itu orientasi keagamaan memainkan peranan yang amat penting ke arah pembentukan personaliti pelajar. Gejala buli di





sekolah luar bandar yang terletak dalam kawasan perladangan seperti FELDA merupakan suatu perkara yang perlu diambil perhatian serius oleh pelbagai pihak agar gejala ini dapat dibendung.

Walaupun, komuniti masyarakat ladang khususnya FELDA mempunyai perkongsian satu budaya hidup dan hubungan sosialisasi yang rapat akibat daripada faktor geografi dan corak kependudukan berpusat, tetapi kejadian buli masih berlaku dalam kalangan pelajar sekolah berdasarkan kepada kajian yang melibatkan 110 orang responden (Junainor Hassan et al., 2016). Mangsa buli juga selalu bertingkah laku yang menimbulkan kemarahan dan tidak senang dalam kalangan orang lain. Mereka bukan sahaja menjadi mangsa buli tetapi juga membuli orang lain. Walau bagaimanapun, mangsa hanya mempunyai agresi reaktif dan menurut kajian terhadap mangsa buli reaktif, paras agresif proaktif mereka adalah rendah berbanding pelajar yang tidak terlibat dan dikawal (Raja Azrul Hisham, 2017).

Kajian oleh Norhayati Mat Ghani dan Suriati Ghazali (2015) berdasarkan empat video kes buli telah menerangkan bahawa aplikasi YouTube yang digunakan oleh ramai orang merupakan satu medium penting dalam penyebaran maklumat melalui video, termasuk video bersifat negatif seperti buli. Pengkaji telah melihat bahawa perkongsian video buli di Youtube yang dilakukan oleh remaja di Malaysia telah memberikan pendedahan kepada masyarakat terhadap gejala ini. Hasil kajian beliau juga menunjukkan sebahagian besar penonton video buli di Youtube masih mempunyai nilai positif. Mereka berpendapat bahawa tingkah laku buli sebagai perbuatan negatif yang mesti dihentikan segera. Walaupun majoriti masyarakat tempatan tidak menyokong perbuatan buli, namun perkongsian video buli boleh mendorong sebahagian pelajar





untuk melakukan perkara yang sama. Hal ini kerana media sosial tersebut telah mendedahkan remaja terhadap perlakuan ini.

Berdasarkan kepada kajian Junainor Hassan et al. (2016) terhadap 110 pelajar di sekolah luar bandar mendapati bahawa kes buli dalam kalangan pelajar sekolah rendah di kawasan felda perlu diberi perhatian serius kerana sangat mempengaruhi emosi dan tingkah laku mangsa buli. Kes buli yang lazimnya terjadi secara fizikal dan verbal. Kes buli ini banyak berlaku ketika murid berkumpul ramai di kantin, di tandas dan ketika dalam perjalanan pergi dan pulang dari sekolah tetapi kajian ini akan menjurus kepada golongan pelajar sekolah menengah di luar bandar.

Azizi (2011) di dalam kajiannya telah menjelaskan bahawa perwatakan pembuli ialah seseorang yang memilih mangsanya dengan melihat kelemahan mangsa dan ketidak mampuan mangsa untuk melindungi diri dan melawan. Mereka kebiasaanya menggunakan kekuatan, serta kelebihan fizikal, dan kelebihan kuasa ke atas mangsa. Manakala mangsa buli pula adalah seseorang yang tidak mempunyai keupayaan dan tidak mampu dari aspek kurang berkeyakinan dengan diri, sentiasa keseorangan, fizikal dan psikologi nya. Secara ringkasnya mangsa buli ini adalah individu yang tidak berdaya dan tidak berkuasa dan lemah serta tidak mempunyai ramai kawan.

Menurut laporan Drug Report (2012) telah menunjukkan bahawa di Malaysia, kes-kes juvana telah meningkat dengan mendadak. Laporan akhbar harian dengan tajuk baru seperti Mat Rempit, bohsia dan bohjan, buang bayi, penindasan dadah, rogol, dan pengguguran bayi secara haram dan yang terbaru gejala buli yang sering muncul di muka depan akhbar-akhbar tempatan kita adalah bukti-bukti tingkah laku kenakalan





meningkat dalam kalangan remaja. Laporan ini juga berkata, polis mencatatkan 6048 kes juvana pada tahun 2009 berbanding 2955 kes pada tahun 2002. Lebih parah, jenayah kekerasan seperti rogol, cabul kehormatan, dan rompakan bersenjata telah hampir dua kali ganda sebagai terdapat 1,105 kes pada tahun 2002 berbanding 2394 kes pada tahun 2009. Sejak Januari 2012 hingga September 2012, antara 6935 penagih dadah, golongan muda adalah terdiri daripada 4618 pendera atau pembuli. Maka dapatlah dilihat bahawa kebanyakan pelajar sememangnya menunjukkan simptom dari aspek psikologi seperti mengalami tekanan emosi dan kemurungan akibat dibuli.

Terdapat beberapa dapatan kajian telah menunjukkan bahawa faktor utama yang menyebabkan tekanan ialah faktor keluarga dan faktor persekitaran. Selain dari itu, dari aspek menangani tekanan pula, kebanyakan pelajar menggunakan cara yang negatif menjurus kepada kes buli. Pada tahun 2011, terdapat 5547 kes juvana di Malaysia di mana lelaki yang terlibat dalam 5270 kes manakala perempuan yang terlibat dalam 277 kes. Dari segi etnik, kenakalan pelajar adalah yang tertinggi di kalangan orang Melayu (4357 kes), diikuti oleh India (389 kes), Cina (352 kes), anak negeri Negeri Sabah (230 kes), anak negeri Negeri Sarawak (122 kes), lain-lain (88 kes), dan anak negeri Semenanjung Malaysia (9 kes) pada tahun 2011 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013).

Hal ini menunjukkan betapa seriusnya kes buli yang memerlukan satu kajian khusus tentang implikasi pengaruh buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar. Memang tidak dinafikan ibu bapa memang ada salahnya tetapi menunding jari kepada ibu bapa 100%, sebenarnya kurang tepat. Ini kerana apabila anak mereka keluar daripada rumah, mereka akan terdedah dengan





pelbagai macam unsur-unsur dan tempat-tempat maksiat yang masih beroperasi dan dibenarkan oleh pihak berkuasa dan ini disokong oleh kajian Rozaliza (2015) terhadap sekumpulan 167 orang guru Pendidikan Islam mendapati bahawa mereka bersetuju buli berlaku disebabkan oleh faktor keluarga, sekolah dan rakan sebaya.

Berlandaskan latar belakang kajian lepas juga, kita dapat melihat gejala buli ini mempengaruhi emosi dan tingkah laku mangsa. Klasifikasi buli fizikal merangkumi perbuatan seperti memukul, menumbuk, menyepak, mengugut, menampar, menarik, menolak, atau mencubit untuk menyebabkan kecederaan kepada mangsa. Perlakuan buli secara ganas mungkin membawa kematian kepada mangsa. Buli emosi meliputi kata-kata menghina dan usik-usik yang menjejaskan psikologi dan emosi mangsa. Kedua-dua kategori buli ini sangat merbahaya memandangkan ianya memberi kesan



kepada emosi dan tingkah laku serta pembangunan sosial seseorang pelajar. Dewasa ini memperlihatkan banyak sekolah yang menghadapi masalah disiplin iaitu gejala buli pelajar yang serius. Kemerosotan disiplin pelajar terutamanya pelajar sekolah menengah perlu dipandang serius oleh semua pihak agar ianya tidak berpanjangan. Sikap terbuka sesetengah sekolah yang mendedahkan kes salah laku pelajar mereka, perlu dipuji dan dicontohi. Jika disorok sampai bilapun masalah ini tidak dapat diselesaikan. Terdapat pelbagai sebab, bergantung kepada di mana dan ianya berlaku.

Secara keseluruhannya daripada sorotan kajian lampau yang dihuraikan di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar dibuli. Antaranya adalah faktor pengaruh rakan sebaya, keterbukaan media, tekanan dalaman (ahli keluarga) dan tekanan luaran (masyarakat dalam persekitaran). Gejala buli yang lazim berlaku dalam kalangan pelajar lebih kepada buli secara verbal dan





selanjutnya menjurus kepada buli secara sentuhan fizikal. Implikasi terhadap mangsa buli telah memperlihatkan kesan terhadap emosi sangat tinggi berbanding terhadap kesan fizikal. Statistik kajian oleh Hoeve et al., (2012) telah menunjukkan bahawa tahap kenakalan pelajar di Malaysia semakin serius dan masalah ini akan terus meningkat jika tindakan sewajarnya tidak diambil. Disebabkan oleh kadar kenaikan kes juvana, banyak kajian telah dilakukan untuk menyiasat dan punca yang menyebabkan masalah delinkuen di kalangan pelajar. Salah satu faktor utama yang menjadi kebimbangan untuk peningkatan kenakalan pelajar adalah berkaitan dengan keluarga dan rakan sebaya. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneroka mengenai kes buli dalam kalangan pelajar sekolah di luar bandar.



Secara ringkasnya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat implikasi gejala buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar. Kajian yang dijalankan melibatkan pelajar yang menjadi mangsa buli, guru disiplin dan guru kaunselor. Bab ini telah mengumpulkan dan membahaskan beberapa sorotan literatur yang merangkumi konsep institusi sosial, institusi keluarga, persekitaran dan isu globalisasi dan telah dihuraikan dan diperjelaskan tentang aspek-aspek yang menjadi asas dan tujuan kajian ini. Manakala dalam bahagian objektif kajian, telah dijelaskan matlamat-matlamat yang hendak dicapai di akhir kajian ini. Dalam bab ini juga menjelaskan tentang latar belakang teori kajian yang menjadi panduan dan memberi pemahaman kepada proses penyelidikan. Kepentingan memahami tingkah laku mangsa buli dapat dilihat dari teori pembelajaran sosial oleh





Bandura (1977) dan teori perkembangan psikososial oleh Paul Erik Erikson (1986). Kedua-dua teori ini dianggap sesuai untuk mengkaji tentang tingkah laku mangsa buli untuk menghurai tajuk kajian implikasi gejala buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar.



## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

Di dalam bab ini pengkaji akan membincangkan aspek metodologi yang telah dilaksanakan untuk mengumpul dan menganalisis data bagi menghasilkan dapatan kajian untuk mencapai tujuan dan objektif kajian. Penerangan dalam bab ini merangkumi reka bentuk kajian, populasi serta sampel kajian, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, prosedur pengumpulan data dan penganalisan data. Menurut Othman (2017), proses penyelidikan yang berlaku berdasarkan kepercayaan dan hubungan dan kerjasama antara penyelidik dan sampel kajian adalah penting dalam pengumpulan data. Dengan demikian, Bab 3 ini akan membincangkan berkenaan reka bentuk kajian, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, populasi dan sampel kajian, prosedur kajian, kaedah merekod maklumat, kaedah menganalisa data kajian dan rumusan.



### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Menurut Othman (2017), konsep reka bentuk kajian menggambarkan tentang komponen-komponen yang perlu ada dalam menjalankan sesuatu kajian dari aspek langkah-langkah atau tugas dalam merancang suatu penyelidikan. Kajian kes melibatkan pengumpulan data secara sistematik dan mendalam mengenai implikasi pengaruh buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar. Data dikumpul menggunakan dokumentasi, data sejarah, temu bual mendalam dan menyeluruh dan pemerhatian tingkah laku serta keperibadian peserta ketika temu bual dijalankan. Menurut Chua (2011) telah menjelaskan bahawa pengumpulan data dengan memfokuskan kepada individu, sekumpulan individu atau seluruh komuniti melalui tiga aspek (aspek triangulasi), iaitu masa, ruang, dan pemerhatian.



Menurut Keirl dan Muller dalam Moleong (2004), pendekatan kualitatif merupakan kaedah tradisi dalam mengkaji ilmu pengetahuan sosial secara fundamental bergantung kepada pengamatan manusia, kawasannya sendiri dan berhubungan dengan orang-orang tersebut dalam bahasa dan peristilahannya. Kaedah kualitatif adalah satu kaedah penelitian yang digunakan untuk meneliti keadaan objek secara alamiah di mana pengkaji merupakan instrumen utama. Teknik pengumpulan data dilakukan secara triangulasi data, analisis data bersifat induktif dan hasil kajian lebih menekankan penghasilan makna daripada generalisasi.



Bersesuaian dengan persoalan kajian ini, maka reka bentuk kajian kes adalah lebih sesuai untuk digunakan. Ini kerana ia berkaitan dengan strategi penyelidikan yang berfokus kepada persoalan berbentuk kata kunci seperti siapa, mengapa dan apakah (Yin 2003). Manakala menurut Merriam (2009) pula, reka bentuk kajian kes sesuai untuk digunakan apabila penyelidik ingin meningkatkan kefahaman yang mendalam tentang subjek yang dikaji, memfokuskan kepada aspek proses berbanding, mementingkan penemuan dan pengesahan sesuatu teori atau dapatan.

Kenyataan ini adalah merujuk kepada tatacara bagi melaksanakan kajian, iaitu dengan menerangkan bagaimana pengkajian dibuat. Ia meliputi pelbagai perkara seperti populasi, sampel, reka bentuk kajian, tempat, instrumentasi dan analisis data. Menurut Bum (1995), kajian kes adalah tugas pengumpulan data-data dan pelbagai sumber bagi membolehkan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu penyelidikan.

### 3.3 Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di dua buah sekolah menengah luar bandar dalam daerah Bentong. Sekolah ini dipilih kerana ia merupakan antara sekolah yang terletak dalam sasaran pengkaji dan juga dipilih kerana keperluan membuat kajian serta terdapat mangsa buli yang telah dikenal pasti oleh pengkaji serta memenuhi objektif dan persoalan kajian.



### 3.4 Populasi dan Persampelan Kajian

Dalam proses menjalankan kajian, penyelidik akan menggunakan sampel dari sesebuah populasi. Ini kerana sesebuah populasi adalah terlalu besar untuk dikaji sekiranya mengambil kesemua subjek yang ada dalam populasi tersebut (Sabitlia, 2009). Sementara Bog dan Biklen (1982) berpendapat bahawa dalam kajian kualitatif juga dikenali sebagai internal sampling kerana tujuannya bukan untuk membuat generalisasi pada populasi tetapi untuk mendapatkan pemahaman mendalam di dalam suatu konteks tertentu. Menurut Othman (2017), sesuatu keputusan dalam memilih latar populasi dan fenomena adalah merupakan perkara penting dalam reka bentuk kajian. Pemilihan latar, populasi dan fenomena bergantung kepada persoalan serta fokus kajian. Sesetengah kajian adalah spesifik latar. Maknanya dalam soalan kajian telah dinyatakan secara spesifik tempat kajian akan dijalankan dan ini sangat bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian penyelidik.



Bagi pengkaji kualitatif, memilih sampel (manusia atau tempat latar kajian) mempunyai matlamat yang berbeza iaitu untuk mendapatkan pemahaman tentang fenomena yang dikaji dengan cara memilih kelompok manusia secara teliti dan bertujuan. Pemilihan sampel adalah secara sampel bertujuan (*purposive sampling*) dan *convenience sampling* merupakan teknik untuk mendapatkan sampel berdasarkan kepada ketersediaan elemen dan kemudahan untuk mendapatkannya. Sampel terpilih kerana sampel tersebut ada pada tempat dan waktu yang tepat dan cepat dilakukan kerana pengkaji mempunyai kebebasan untuk memilih siapa saja yang mereka temui. Pemilihan sampel ini bermanfaat pada tahap awal penelitian eksploratif untuk mencari petunjuk awal dalam menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian seringkali dapat





mencapai objektif kajian yang cukup melimpah sehingga tidak memerlukan pengkaji untuk mendapatkan sampel yang lebih mendalam lagi (Sugiarto, Siagian, Sunaryanto & Oetomo 2001).

Sampel kajian terdiri daripada lima orang pelajar iaitu tiga orang lelaki dan dua orang perempuan yang berumur antara 13 hingga 17 tahun. Manakala peserta kajian tambahan pula terdiri daripada dua orang guru disiplin dan dua orang guru kaunselor daripada dua buah sekolah luar bandar di Bentong. Sampel kajian merujuk kepada kelompok sasaran iaitu pelajar sekolah menengah yang berumur 13 hingga 17 tahun. Menurut Othman (2017), membuat keputusan dalam memilih latar, populasi dan fenomena adalah merupakan perkara penting dalam reka bentuk kajian. Pemilihan latar, populasi dan fenomena bergantung kepada persoalan serta fokus kajian. Sesetengah kajian adalah spesifik latar. Maknanya dalam soalan kajian telah dinyatakan secara spesifik tempat kajian akan dijalankan dan ini sangat bersesuaian dengan kajian pengkaji.

Teknik persampelan bertujuan adalah berdasarkan pertimbangan sendiri untuk memilih informan yang paling sesuai dengan tujuan kajian. Persampelan bertujuan merupakan teknik penentuan sampel dengan pertimbangan khusus sehingga layak dijadikan sampel. Misalnya, pengkaji ingin mengkaji tentang isu kes buli. Maka sampel yang dipilih adalah terdiri daripada mereka yang mengetahui dengan jelas serta terlibat dengan permasalahan ini. Oleh yang demikian, sampel yang diambil adalah pelajar yang terlibat dengan kes buli. Teknik ini biasanya dilakukan pada penelitian kualitatif. Mengenai pemilihan peserta kajian dalam kalangan guru pula, adalah melihat kepada





ketokohan, iaitu individu yang dianggap sebagai orang yang mengetahui banyak hal dalam organisasi (Rohendi, 2011).

### 3.5 Teknik Pengumpulan Data

Dalam kaedah penyelidikan kualitatif, pengumpulan data melibatkan pengkaji sebagai instrumen kajian telah melakukan temu bual secara langsung dan mendalam sewaktu berkhidmat di lokasi kajian. Temu bual telah dijalankan terhadap lima orang peserta kajian utama dan 4 orang peserta kajian tambahan. Keperluan mewujudkan suasana kemesraan awal dengan peserta kajian bertujuan untuk mendapatkan kepercayaan peserta kajian dan penglibatan baik mereka dalam kajian ini. Pengkaji memulakan

analisis awal data rakaman temu bual yang pertama dijalankan. Analisis data dilakukan serentak semasa proses pengumpulan data dijalankan.

Penyediaan transkripsi perbualan peserta kajian daripada rakaman suara semasa ditemu bual, menganalisis serta membina kategori serta tema dan disusuli dengan temu bual seterusnya. Temu bual secara mendalam telah digunakan untuk mengumpul data subjektif dalam kajian ini. Seperti yang dinyatakan oleh Merriam (1998), tujuan utama temu bual adalah untuk membuka kunci perspektif peserta kajian dan bukannya perspektif pengkaji terhadap isu yang dikaji. Oleh hal yang demikian, temu bual mendalam merupakan teknik yang sangat bersesuaian untuk mengeksplorasi perasaan, pendapat dan persepsi peserta kajian (Patton, 1990). Proses pengumpulan data dilakukan dalam tempoh tiga bulan.





Teknik pengumpulan data seterusnya adalah analisis dokumen yang telah dilakukan ke atas dokumentasi yang diperoleh daripada guru disiplin dan guru kaunselor untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian. Seterusnya, pengkaji menemu bual peserta kajian di tempat yang sesuai dan sesi temu bual dijalankan dalam suasana santai. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan yang diperoleh dari maklumat yang mereka berikan, pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, pihak pentadbir sekolah dan kerjasama peserta kajian untuk menjalankan pemerhatian turut serta.

### 3.5.1 Temu Bual



Instrumen kajian yang menggunakan kaedah temu bual mendalam dan menyeluruh tidak berstruktur merupakan satu kaedah yang boleh dikatakan penting dan mempunyai kesahan yang tinggi. Ini kerana, pengkaji dapat memperoleh maklumat secara terus daripada peserta kajian. Tujuan utama temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat yang khusus. Temu bual perlu apabila kita tidak boleh memerhati perlakuan perasaan atau bagaimana manusia mentafsir dunia sekeliling mereka, juga apabila kita berminat untuk mengetahui peristiwa lalu yang sukar diingati semula (Othman, 2017).

Menurut Sabitha (2009), temu bual ialah satu situasi yang mana pengkaji akan bertanya soalan pada seorang peserta kajian. Bagi mengukuhkan lagi data kajian, pengkaji juga memperoleh data dengan menggunakan jenis temu bual bersemuka dan temu bual melalui telefon. Temu bual secara bersemuka adalah satu kaedah pengumpulan data yang dilakukan dengan menemu bual secara langsung dengan





peserta kajian. Sementara temu bual bantuan telefon adalah kaedah mendapatkan data dengan bantuan telefon (Sabitha, 2009). Pengkaji telah mengadakan sesi temu bual dengan lima (5) orang pelajar, dua (2) orang guru disiplin dan dua (2) orang guru kaunselor daripada dua (2) buah sekolah berlainan.

Dalam mengendalikan temu bual, pengkaji memulakan sesi dengan beberapa soalan suai mesra (*icebreakers*) sebagai pencetus soalan-soalan seterusnya yang berkisar tentang soalan kajian. Seterusnya pengkaji akan bertanyakan soalan-soalan berasaskan protokol temu bual atau soalan berstruktur dibina, namun memberikan ruang dan kebebasan kepada peserta kajian untuk bercerita lanjut. Temu bual yang dijalankan hingga mencapai tahap ketepuan teoritikal dan pengenalpastian telah dibuat sepenuhnya (Glaser & Strauss, 1967).



Pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur untuk mewujudkan suasana mesra dengan pelajar yang dipilih sebagai sampel. Oleh sebab itu, hubungan antara pengkaji dengan peserta kajian tersebut merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan kejayaan penyelidikan ini (Glesne, 1999). Melalui temu bual bersemuka, temu bual menggunakan senarai soalan atau soalan spontan yang terlintas. Perbualan dirakam menggunakan pita rakaman dan nota catatan. Sesi temu bual dimulakan dengan mengajukan soalan-soalan asas berbentuk umum dan mudah untuk menarik minat mangsa buli dan kemudian menjurus kepada yang lebih khusus serta memberi penerangan yang lanjut kepada soalan-soalan yang penting. Sesi ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang implikasi buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar.



Batasan masa pula tidak menjadi masalah dalam sesi temu bual ini kerana pengkaji mahupun peserta kajian mempunyai ruang masa yang mencukupi untuk memberikan sebarang pendapat ataupun kenyataan. Selain kaedah yang dilihat agak santai ini, secara tidak langsung mengeratkan hubungan antara pengkaji dan peserta kajian dalam memperoleh sebanyak mungkin maklumat yang dikehendaki melalui kaedah temu bual tidak berstruktur (Rohendi, 2011).

Walau bagaimanapun, kaedah ini mempunyai kekurangan, iaitu temu bual memakan lebih banyak masa berbanding kaedah-kaedah yang lain. Tambahan pula, kehadiran pengkaji mungkin menghalang peserta kajian daripada meluahkan pendapat yang sebenar. Alat rakaman yang digunakan juga berkemungkinan besar boleh menakutkan responden (Azizah Hamzah, 2010). Oleh yang demikian, pendekatan santai dapat mengatasinya dan kaedah ini sebenarnya banyak membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang dikehendaki untuk mengeneralisasikan data yang diperoleh secara tidak langsung, ianya dapat mempereratkan hubungan antara pengkaji dengan peserta kajian untuk memperoleh sebanyak mungkin maklumat yang dikehendaki.

### 3.5.2 Analisis Dokumen

Analisis dokumen penting digunakan dalam penyelidikan ini bagi membolehkan penyelidik mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mendalam mengenai permasalahan yang menjadi fokus kajian. Analisis dokumen telah dijalankan untuk mengkaji tentang pola-pola kes yang berlaku dari sudut demografi, kekerapan kes dan

profil mangsa pembuli. Dokumen seperti laporan disiplin dan kaunseling telah diperolehi daripada guru disiplin. Menurut Othman (2007), untuk memahami sejarah serta konteks persekitaran tempat kajian, satu daripada caranya adalah dengan mengkaji dan menganalisis dokumen dan rekod yang berkaitan seperti buku jadual kedatangan peserta kajian, rekod pencapaian akademik peserta kajian, dan rekod disiplin peserta dari tahun 2015 hingga 2018 seperti dalam rajah 3.1 di bawah:



Rajah 3.2. Proses Analisis Dokumen

### 3.6 Teknik Penganalisan Data

Pendekatan analisis kandungan seperti mana yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1984) dan Merriam (1998), telah digunakan untuk menganalisis data temu bual. Menurut Burn (1995), analisis kandungan merupakan kaedah analisis yang sering digunakan dalam kajian kualitatif. Menurut Norliza (2011) pula, kaedah menganalisis data kajian adalah melibatkan beberapa aktiviti seperti penyediaan transkripsi berdasarkan data daripada rakaman suara, saringan data, pembinaan tema, pengekodan tema dan paparan hasil. Merriam (2002) telah mencadangkan bahawa semakin sedikit jumlah kategori tema, semakin besar tahap abstraksi. Abstrak merupakan sinopsis dari sebuah laporan. Abstrak merupakan inti dari cerita yang akan dikembangkan menjadi



beberapa rangkaian kejadian. Abstrak juga boleh dikatakan sebagai gambaran awal dalam sebuah laporan.

### 3.6.1 Analisis Temu Bual

Langkah pertama menganalisis data temu bual adalah dengan mendengar semula rakaman temu bual yang telah dijalankan. Pengkaji mendengar rakaman temu bual berulang kali sebelum membuat transkripsi bertujuan untuk memastikan data tersebut menjawab soalan kajian, memperbaiki teknik temu bual supaya lebih berfokus semasa bertanya soalan. Penjana awal data adalah berdasarkan pemahaman pengkaji tentang kefahaman dan pengetahuan.



Analisis ini terdiri dari tiga komponen yang terjadi secara bersamaan iaitu reduksi data, penyajian data, penarikan kesimpulan atau verifikasi yang melalui proses kitaran yang tersendiri. Ketika melaksanakan proses ini, kegiatan penyelidikan bergerak antara komponen analisis dengan pengumpulan data selama proses pengumpulan data masih berlangsung. Menurut Rohendi (2011), reduksi data amat bermakna sebagai proses pemilihan, pemerhatian kepada penyederhanaan abstrak dan transformasi data kasar yang muncul dan catatan-catatan ketika di lapangan. Ia dilakukan secara terus menerus selama penyelidikan ini dilakukan dan selama pengumpulan data berjalan, akan berlangsung tahap reduksi data seperti membuat ringkasan, membina kod-kod, menulis memo dan sebagainya. Reduksi data merupakan satu bentuk analisis yang lebih terarah dan membuang data yang tidak perlu. Proses ini berlaku ketika pengkaji mencuba untuk menjawab persoalan kajian.





### 3.6.2 Penyaringan dan Pengekodan Data

Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti kategori data, membina tema, konsep dan makna. Analisis data penyelidikan dilakukan setelah penyelidik memilih topik kajian, membuat ulasan karya dan membentuk kerangka konsep, membentuk unjuran spesifik apa yang hendak dikaji, memilih sampel dan mengumpul data penyelidikan mentah (Sabitha, 2009). Menurut Othman (2017), analisis data untuk penyelidikan kualitatif banyak bergantung kepada persoalan tujuan dan konteks penyelidikan. Tidak ada cara yang paling baik dan betul dalam menganalisis data kualitatif. Dalam kajian kualitatif, pengumpulan dan analisis data biasanya berjalan serentak bagi membina interpretasi data yang koheren.



Menurut Norliza (2011) lagi, semua transkripsi temu bual, catatan pemerhatian dan catatan dokumen perlu dibaca dan difahami secara berulang kali. Ini adalah kerana agar penyelidik akan dapat memahami secara mendalam setiap transkripsi. Oleh yang demikian, penyelidik perlu menghayati semua data yang terkumpul dan menyelami pandangan dan perasaan peserta kajian untuk mendapatkan gambaran dan jawapan yang sebenar tentang pengalaman dan perasaan mereka ketika mereka menjadi mangsa buli.

Pengkaji kemudiannya membentuk kategori-kategori maklumat dan menetapkan kod-kod bagi setiap kategori. Kod yang dibentuk adalah merujuk kepada satu unit perkataan atau istilah yang mempunyai makna tertentu bagi mewakili sesuatu ayat atau perkataan yang berhubung dengan kejadian yang difahami. Pembentukan kod akan menghasilkan tema-tema yang dikumpulkan mengikut kategori yang bersesuaian



(Norliza 2011). Dalam hal ini, analisis kandungan memerlukan sistem pengkodan terhadap tema yang berkaitan dengan objektif sesuatu penyelidikan.

Menurut Burn (1995) lagi, kategori pengkodan harus dilakukan sebaik sahaja pengumpulan data pertama dilakukan. Melalui kaedah pengkodan yang sistematik akan memudahkan pengkaji untuk memahami maklumat yang diperoleh dan menjadi panduan kepadanya untuk menentukan apakah yang harus difokuskan kepada maklumat seterusnya. Seterusnya, setelah semua maklumat diperoleh melalui kaedah temu bual akan diulang dengar semula oleh penyelidik melalui pita rakaman dan membandingkannya dengan transkripsi yang telah dihasilkan agar maklumat tersebut adalah benar. Penganalisan data temu bual dilakukan secara manual mengikut soalan-soalan yang dikemukakan. Penganalisan data temu bual ini dilakukan mengikut dua peringkat, iaitu (i) peringkat transkripsi rakaman temu bual (ii) pencarian tema dan pengkodan seperti contoh jadual 3.1 di bawah

Jadual 3.1

*Contoh Kod-kod Terhadap Tema Dapatan Kajian*

Sub tema	Sub-sub tema	Kod
Peniruan Tingkah Laku	Tingkah laku ibu bapa	FB:PT/TLIB/M1
	Tingkah laku guru	FB:PT/TLG/MB2
Kurang Pengawasan	Pengawasan ibu bapa	FB:KP/PI/MB1
	Pengawasan guru	FB:KP/PG/MB2
Verbal	Maki hamun	JBE:V/MH/MB1
	Hina	JBE:V/H/MB2



### 3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan adalah merupakan indikator ketepatan kajian sama ada sebuah kajian itu boleh memberikan gambaran yang benar tentang apa yang dikaji. Kesahan dalam kajian kualitatif secara ringkasnya bolehlah dikaitkan sama ada dapatan kajian itu adalah benar dan pasti. Dalam erti kata sebenar, dapatan kajian tersebut telah menggambarkan keadaan dan situasi sebenar sesuatu isu. Menurut Merriam (2002) seseorang pengkaji boleh menggunakan enam strategi berikut untuk mendapatkan kesahan dalaman menggunakan kaedah triangulasi data. Teknik triangulasi iaitu menggunakan pelbagai sumber data atau pelbagai metod untuk mengesahkan dapatan dan ini sebenarnya telah digunakan sejak lebih 40 tahun dahulu. Di dalam kajian ini metod yang digunakan merujuk kepada analisis temu bual peserta kajian utama dan peserta kajian tambahan serta analisis dokumen. Melalui kaedah pemeriksaan ahli pula, pengumpulan data dan pentafsiran daripada sumber asal dan semakan dari segi ketepatan data. Penyelidikan melalui mod penyertaan atau kolobaratif di mana melibatkan aktiviti temubual dengan peserta kajian daripada semua peringkat bermula daripada konsepsualisasi kajian hingga ke tahap dapatan kajian. Teknik bias pengkaji adalah untuk mengesahkan andaian pengkaji, pandangan umum dan orientasi teoritikal kajian.

Bagi mengukuhkan kebolehpercayaan data dan tema yang dibina, pengkaji merentas data temu bual ini dengan data temu bual dan analisis dokumen. Kedua-dua kaedah ini dijadikan sumber data disokong oleh temu bual dengan guru disiplin dan guru kaunseling. Ini bermakna semakan terhadap ketiga-tiga data dilakukan untuk meningkatkan kesahan. Analisis dokumen melibatkan laporan segala data yang disenaraikan oleh pengkaji yang menunjukkan laporan disiplin murid, jadual





kedatangan, keputusan pencapaian akademik dan laporan kaunseling dijadikan sumber sokongan dalam kajian ini. Menerusi kaedah triangulasi, masalah-masalah seperti kesahan konstruk boleh dikenal pasti kerana pelbagai sumber kajian akan menyediakan kepelbagaian alat ukur untuk fenomena yang sama, seterusnya menghasilkan dapatan yang lebih berkualiti (Yin, 2003).

Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis Indeks Cohen Kappa. Tujuan kaedah ini digunakan untuk mengesahkan tema yang diperoleh daripada analisis dapatan kajian berdasarkan unit-unit item yang telah dibuat pengekodan. Kaedah kesahan Cohen Kappa merupakan satu teknik untuk menilai item melalui penilaian yang sama terhadap kategori (Crewswell, 2008). Teknik kesahan berdasarkan Indeks Cohen Kappa ini dilakukan oleh seorang pakar yang mahir dalam

bidang yang dikaji. Pakar penilai yang dipilih perlu merupakan seorang ahli akademik yang berpengalaman luas serta pakar dalam bidang yang dikaji oleh pengkaji. Yakni dalam konteks kajian kes buli. Pakar penilai juga mempunyai pengalaman dan pernah menghasilkan penulisan ilmiah dan beliau merupakan pakar rujuk oleh organisasi pendidikan. Kebolehpercayaan ini dinilai berdasarkan darjah persetujuan dan mencari nilai purata dari penilaian pakar untuk menentukan tahap kebolehpercayaan terhadap tema-tema yang dikemukakan dalam kajian kualitatif.

Di sini pengkaji telah menunjukkan tentang kaedah pengiraan berdasarkan skala persetujuan Cohen Kappa (1960) yang digunakan semasa menterjemahkan indeks Cohen Kappa. Nilai koefisien persetujuan Cohen's Kappa Landis dan Koch (1977) dalam Zamri dan Noriah (2003) telah digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan dan keselarasan data temu bual. Nilai Indeks Cohen Kappa (K) yang didapati untuk



kajian ini adalah 1.00 dan nilai ini merupakan satu nilai kebolehpercayaan yang sangat baik kerana unit analisis yang dibuat oleh pengkaji adalah selari dengan tema yang dikemukakan. Nilai purata indeks Cohen Kappa iaitu 0.60 atau lebih adalah menggambarkan persetujuan yang baik menurut pendapat Stemler (2001). Oleh yang demikian, pengkaji mendapati analisis Indeks Cohen Kappa sangat membantu pengkaji untuk menganalisis data temu bual dalam bentuk deskriptif melalui tema-tema penting yang ditemui. Pengiraan nilai persetujuan bagi Kappa Koefisien (K) antara pakar penilai dan skala persetujuan Cohen Kappa ditunjukkan melalui Jadual 3.2 dan Jadual 3.3 yang berikut:

Jadual 3.2

*Skala Persetujuan Cohen Kappa*

Nilai Kappa	Interprestasi
Kurang daripada 0	Sangat Lemah
0.00 – 0.20	Lemah
0.21- 0.40	Sederhana Lemah
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Baik
0.81 – 1.00	Sangat Baik

Sumber: Landis dan Kosh (1977) dalam Zamri dan Noriah (2003)

## Jadual 3.3

*Cara Pengiraan Nilai Persetujuan Cohen Kappa*

fa - Unit persetujuan

fc - 50% jangkauan persetujuan

N - Bilangan unit atau tema yang diuji nilai persetujuan

K – Nilai Indeks Cohen Kappa

**Nilai Persetujuan Pakar**

fa	63
fc	31.5
N	63

	<u>Fa-fc</u>
K	N-fc
K	<u>63-31.5</u> 63-31.5
K	31.5-31.5
K	1.00

Menurut Othman (2007), kebolehpercayaan terhadap data yang tepat dalam kajian adalah merujuk kepada setakat mana dapatan kajian boleh diulang semula. Konsep kebolehpercayaan berkait dengan soal kebolehsandaran dan ketekalan sesuatu hasil dapatan kajian yang telah dikumpul. Pengukuhan kebolehpercayaan terhadap data dan tema yang dibina oleh pengkaji dengan cara merentas data temu bual ini dengan



analisis dokumen. Kedua-dua kaedah ini dijadikan sumber data yang disokong oleh temu bual dengan guru disiplin dan guru kaunseling.

Hal ini bermakna semakan terhadap ketiga-tiga data dilakukan untuk meningkatkan kesahan. Analisis dokumen melibatkan laporan segala data yang disenaraikan oleh pengkaji yang menunjukkan laporan disiplin murid, jadual kedatangan, keputusan pencapaian akademik dan laporan kaunseling dijadikan sumber sokongan dalam kajian ini.

Sehubungan dengan itu, kebolehpercayaan adalah berkaitan dengan adakah sesuatu maklumat dapat mewakili realiti yang tepat dan tidak timbul syak wasangka terhadap ketepatan data. Oleh yang demikian, alat ukur yang digunakan di dalam kajian menentukan sama ada ia tekal dalam mengukur sesuatu pemboleh ubah atau konstruk. Ini bermakna kaedah data yang digunakan hari ini mestilah ada kepercayaan, iaitu boleh digunakan seterusnya.

### **3.8 Kajian Rintis**

Kajian rintis telah dilakukan pada bulan 28 Januari 2018 melibatkan seorang mangsa buli. Pemilihan peserta kajian rintis dilakukan oleh pengkaji setelah mendapat persetujuan daripada peserta kajian rintis dan pihak pentadbir sekolah. Kajian rintis dijalankan di sebuah sekolah menengah dalam daerah Bentong. Semua soalan temu bual diuji terlebih dahulu kepada seorang mangsa buli yang bukan merupakan peserta kajian. Kelemahan dan kekurangan yang dikenal pasti semasa kajian rintis diberi





perhatian dan tindakan diambil untuk membuat pengubahsuaian terhadap soalan kajian, penggunaan ayat dan bahasa yang perlu disesuaikan dengan keperluan kajian. Seterusnya, temu bual dengan peserta kajian direkodkan dengan menggunakan pita rakaman.

Pada masa temu bual dijalankan, pengkaji memerhatikan gerak geri, nada suara, air muka dan perasaan peserta kajian terhadap soalan-soalan yang kurang faham dan mengganggu perasaan peserta kajian. Setelah temu bual dijalankan, hasil temu bual dari pita rakaman dipindahkan kepada teks transkripsi. Kelemahan dalam soalan-soalan temu bual ini diubahsuai hasil perbincangan dengan penyelia sebelum kajian sebenar dijalankan. Maklumat daripada transkripsi ditafsir dan dianalisis secara teliti untuk mendapat gambaran tentang kesesuaian soalan, cara temu bual dan pemilihan subjek



kajian. Pemurnian terhadap kajian rintis dilakukan oleh pengkaji bagi memastikan kajian sebenar yang akan dijalankan menepati ciri-ciri kajian kes serta dapat menjelaskan persoalan kajian yang dibincangkan untuk mencapai objektif kajian. Segala perancangan yang berhubung dengan prosedur pengumpulan data dan jalinan kemesraan yang terjalin dengan peserta kajian meningkatkan keyakinan kepada pengkaji untuk menjalankan prosedur pengumpulan data yang sebenar.

### 3.9 Rumusan

Kajian ini berbentuk kajian kes dan menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah kualitatif adalah satu kaedah penelitian yang digunakan untuk meneliti keadaan objek secara alamiah di mana pengkaji merupakan instrumen utama. Teknik





pengumpulan data dilakukan secara triangulasi data, analisis data bersifat induktif dan hasil kajian lebih menekankan penghasilan makna daripada generalisasi. Kaedah persampelan pula menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Analisis data dijalankan secara manual. Hasil daripada analisis data diuraikan pada bab selanjutnya.



## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang dihuraikan dalam bab ini diperoleh melalui sumber temu bual secara mendalam, pemerhatian, temu bual guru disiplin, temu bual guru kaunselor dan analisis dokumen. Dapatan kajian dimulakan dengan penjelasan latar belakang peserta kajian dan seterusnya huraian secara terperinci berdasarkan tema-tema yang muncul dari persoalan kajian.

#### 4.2 Latar Belakang Peserta Kajian

Peserta kajian utama terdiri daripada lima orang pelajar dari dua buah sekolah menengah yang terletak di luar bandar dalam daerah Bentong yang dipilih oleh guru kaunselor masing-masing berdasarkan kriteria seperti yang dijelaskan di dalam bab

tiga. Peserta kajian tambahan terdiri daripada dua orang guru disiplin dan dua orang guru kaunseling daripada dua buah sekolah yang terpilih dan mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam bidang kaunseling. Manakala kod-kod tertentu digunakan bagi kerahsiaan maklumat responden supaya identiti sebenar tidak diketahui. Kod bagi nama-nama guru kaunseling telah digunakan bagi menjelaskan hasil kajian seperti guru kaunseling pertama (GK1) dan guru kaunseling kedua (GK2). Sementara kod bagi pelajar adalah pelajar pertama (MB1), pelajar kedua (MB2), pelajar ketiga (MB3), pelajar keempat (MB4) dan pelajar kelima (MB5). Pengenalan profil dua orang guru kaunselor merangkumi butiran seperti jantina, pengalaman mengajar dan sejarah beliau di sekolah terbabit.

Dapatan kajian diperoleh daripada temu bual secara mendalam terhadap lima orang pelajar yang menjadi mangsa buli sebagai sumber data utama. Sumber data lain diperoleh daripada temu bual dengan dua orang guru kaunselor, pemerhatian dan analisis dokumen yang merupakan strategi triangulasi bagi teknik pengumpulan data kualitatif. Data-data yang diperoleh dianalisis secara manual. Tema-tema atau isu-isu daripada dapatan kajian dilaporkan dalam bentuk naratif dan petikan transkripsi temu bual untuk gambaran yang lebih mendalam. Tema-tema yang muncul dari dapatan kajian dihurai secara terperinci bagi menjawab empat persoalan kajian yang telah ditetapkan iaitu:

- i. Apakah faktor-faktor yang mendorong pelajar sekolah menengah di luar bandar dibuli?
- ii. Apakah jenis jenis buli yang lazim mempengaruhi emosi pelajar sekolah menengah di luar bandar?
- iii. Apakah jenis buli yang lazim mempengaruhi tingkah laku pelajar sekolah menengah di luar bandar?
- iv. Apakah implikasi jenis buli yang lazim terhadap emosi dan tingkah laku pelajar sekolah menengah di luar bandar?

#### **4.3.1 Dapatan Kajian kepada Persoalan Kajian 1**

Melalui proses temu bual secara mendalam terhadap peserta kajian yang terdiri daripada lima pelajar, dua guru disiplin dan dua guru kaunseling yang telah dilaksanakan. Faktor pelajar-pelajar dibuli dikenal pasti sebagai tema utama dalam merungkai persoalan kajian pertama dalam mengkaji implikasi gejala buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar. Satu tema utama yang dikenal pasti bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu:

##### **4.3.1.1 Faktor Pelajar Dibuli**

Dapatan kajian menunjukkan kesemua peserta kajian telah dibuli adalah disebabkan oleh satu tingkah laku agresif yang dilakukan oleh seorang atau sekumpulan individu ke atas seorang mangsa dengan tujuan untuk mencederakan mangsa itu sama ada fizikal atau emosi. Lazimnya, buli adalah satu tingkah laku yang dilakukan secara berulang

(*repetitive*) untuk tempoh yang tertentu akibat daripada ingin menunjukkan ego, cepat marah, balas dendam, rasa seronok, pengaruh mereka yang lain serta elemen perkauman antara punca di sebalik kejadian buli. Terdapat satu sub tema yang dikenalpasti dalam kajian ini iaitu persekitaran pelajar.

Pesekitaran sosial yang penuh dengan pelbagai anasir positif mahupun negatif dan peningkatan tingkah laku negatif dengan disokong oleh kemajuan teknologi komunikasi sangat mempengaruhi tingkah laku pelajar. Hasil temu bual dengan peserta kajian, temu bual dengan pelajar, guru disiplin dan guru kounseling serta analisis dokumen mendapati sebahagian besar tingkah laku buli adalah berlaku akibat daripada, a) tingkah laku, b) kurang pengawasan dan c) pengaruh media massa.

Menurut Bandura (1971), sebahagian besar tingkah laku manusia dipelajari melalui peniruan mahupun penyajian, contoh tingkah laku (*modeling*). Dalam hal ini ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan memainkan peranan penting sebagai seorang model atau tokoh bagi pelajar-pelajar untuk meniru tingkah laku. Peniruan dapat berlaku hanya melalui pengamatan terhadap tingkah laku model (orang yang ditiru) meskipun pengamatan itu tidak dilakukan terus menerus. Proses pembelajaran seperti ini disebut "*observational learning*" atau pembelajaran melalui pengamatan.

### a) **Peniruan Tingkah Laku Laku Ibu Bapa**

Tingkah laku kekerasan sama ada aspek fizikal atau verbal yang berulang-ulang kali melalui peniruan terhadap tingkah laku orang lain tadi menjadi sebatian dan akhirnya menjadi sikap dan tingkah laku sendiri. Para pelajar ini biasanya memerhati atau mengalami perkara yang berlaku sekitar keluarga terutama ibu bapa. Justeru, bagaimana ibu bapa dan ahli keluarga bertingkah laku akan memberi kesan kepada mereka.

Pengkaji telah mendapatkan maklumat daripada peserta kajian-peserta kajian untuk menjawab persoalan kajian pertama iaitu perlakuan membuli adalah disebabkan oleh peniruan tingkah laku yang dinyatakan oleh peserta kajian melalui proses temu

bual. Sebagai contoh tingkah laku membuli dipelajari melalui peniruan. Ini dinyatakan oleh responden GD1, GD2, GK1 dan GK2 dan seperti yang berikut:

“...kawan-kawan dia kata, bapa dia garang dan dia ni selalu dipukul di rumah dan saya rasa ini faktor untuk orang kata, aaaaa, melepaskan ketidak puasaaan yang berlaku di rumah la...” FB: PT/TLIB/GD1

“...dari segi tingkah laku ibu bapa juga memainkan peranan sebab kita ada kes pelajar ni melihat tingkah laku ibu bapa yang sering bergaduh di rumah dan dia bawa cerita cara mereka bergaduh dan cara mereka memerintah di rumah dibawa ke sekolah...” FB: PT/TLIB/GD2

“...aaaa memerhatikan ibu bapanya berbuat demikian, maka timbul keinginan dia untuk meniru aksi-aksi tersebut atau pun ataupun jika berada dalam persekitaran rumahnya yang memang penuh dengan dengan, apa, perbuatan buli ni...” FB: PT/TLIB/GK1

### **b) Peniruan Tingkah Laku Guru**

Sikap guru yang meninggikan suara ataupun bercakap kasar dan bertingkah laku kasar dari segi fizikal seperti mendenda sehingga mendera pelajar dengan pelajar disebabkan berbagai-bagai masalah yang dihadapi di sekolah menyebabkan sebilangan pelajar meninggalkan kesan kepada diri pelajar. Dapatan dari temu bual responden juga disokong oleh dapatan temu bual peserta kajian tambahan yang mendapati pelajar biasanya melakukan perbuatan buli ini disebabkan oleh peniruan tingkah laku yang dipelajari dan diperhatikan dalam persekitaran mereka seharian tanpa disedari oleh guru. Ini dinyatakan oleh guru GD1 melalui temu bual seperti yang berikut:

“...dia telah berbuat perkara yang dan mendapat pelempang dengan saya dan dia telah dimalukan dan secara tidak langsung kawan-kawan dia telah mengejek dia...” FB: PT/TLG/GD1


### c) Peniruan Tingkah Laku Rakan Sebaya

Rakan sebaya merupakan individu yang mempunyai pengaruh yang kuat terhadap proses pembentukan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah. Ini adalah kerana rakan sebaya mempunyai sub-budaya yang tersendiri dalam kelompok pelajar sekolah. Sehubungan dengan itu, pengaruh rakan sebaya adalah penting dalam perkembangan kanak-kanak, khasnya dari perkembangan intelek, sahsiah, emosi dan sosial. Sebagai contoh tingkah laku membuli dipelajari melalui peniruan. Ini dinyatakan oleh responden GD1, GD2, GK1 dan GK2 dan seperti yang berikut:

“...sebelum dia ni dia pernah dibuli oleh abang-abang senior atau daripada kawan yang lain jadi dia ingin meng, kiranya dia tidak membalas dendam kepada orang yang sama tetapi dia cuba membuat benda yang sama kepada murid yang lebih junior la kepada dia...” FB: PT/TLRS/GK1

“...daripada darjah 1 sampai, aaaaa, darjah 6 pun dia membuli orang, dia naik ke sekolah menengah pun dia mengamalkan sikap yang sama, dia suka membuli orang...” FB: PT/TLRS/GK2

Dapatan kajian sub tema faktor pelajar dibuli ditunjukkan dalam Rajah 4.1.



Rajah 4.1. Sub Tema Faktor Pelajar Dibuli

Dapatan kajian sub tema faktor pelajar dibuli menunjukkan peniruan tingkah laku berlaku melalui pemerhatian terhadap tingkah laku dalam kalangan rakan sebaya yang dominan dengan mereka. Tingkah laku guru juga dapat merangsang pelajar untuk melakukan tingkah laku buli dalam kalangan mereka. Selain itu, tingkah laku ibu bapa juga mempengaruhi perubahan tingkah laku anak-anak mereka seperti melepaskan perasaan tidak puas hati terhadap tindakan kasar di rumah kepada rakan sebaya.

#### 4.3.1.2 Kurang Pengawasan

Peserta kajian menyatakan bahawa tindakannya membuli juga disebabkan oleh pergaulan yang sangat berpengaruh dalam kehidupan pelajar. Dewasa ini banyak memperlihatkan pergaulan yang menyeleweng dan boleh merosakkan masa hadapan pelajar-pelajar. Pelajar yang memiliki tubuh yang besar dan tegap sering membuli



pelajar yang memiliki saiz tubuhnya yang lebih kecil daripadanya. Gejala buli kebiasaannya melibatkan kumpulan pelajar yang sebaya. Tekanan dan pengaruh rakan sebaya akan mempengaruhi dan mendorong pelajar untuk bertingkah laku seperti rakan mereka yang suka membuli. Guru dan ibu bapa mempunyai banyak kekangan dalam memantau perlakuan para pelajar. Justeru perlakuan buli ini dapat dijelaskan melalui temubual dengan peserta kajian MB1, MB2, MB3 dan MB4 seperti berikut.

#### a) Kurang Pengawasan Ibu Bapa

Faktor kurang pengawasan di rumah pula merujuk kepada sikap ibu bapa terlalu sibuk dengan pekerjaan menyebabkan anak-anak terbiar. Selain dari itu, institusi kekeluargaan yang runtuh menyumbang kepada salah laku buli dalam kalangan pelajar kerana mereka tinggal dengan datuk dan nenek yang tidak berupaya mengawal tingkah laku para pelajar. Keadaan menjadi lebih buruk apabila ketua keluarga terutama ayah dan ibu, lebih menumpukan perhatian menghabiskan tenaga untuk mencari nafkah, ataupun bukan semata-mata mencari nafkah tetapi tidak mengambil berat tentang anak-anak mereka. Guru dan pengetua juga tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mengawasi dan mendisiplinkan pelajar kerana dibebani dengan tugas-tugas sampingan yang banyak. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan GD1, GK1, dan GK2 seperti di bawah ini:



“...ibu bapa tiada di rumah, masing-masing bekerja atau pun tinggal dengan datuk yang apa, yang dah tak sihat dan tidak mampu menghalang perbuatan mereka dan juga terikut-ikut dengan, aaaa, apa tu, dengan, dengan perlakuan dalam kumpulan la...” FB: KP/PI/GD1

“Ok. Aaaa, semua yang disebut tu, aaa, boleh menjadi faktor utama murid-murid ni meniru, erm, membuat tingkah laku buli tu, ok, aaa, dia bergantung juga tempat tinggal di mana pembuli tu duduk...” FB: KP/PI/GK1

### **b) Kurang Pengawasan Guru**

Dalam kajian ini, berdasarkan data-data hasil temu bual seperti di atas telah disokong oleh dapatan dalam temu bual dengan peserta kajian tambahan GD1, GD2, dan GK1.

Mereka berpendapat bahawa kegiatan buli ini adalah berpunca daripada kurangnya pengawasan terhadap aktiviti pelajar akibat daripada kekangan jumlah pelajar yang ramai, memungkinkan untuk para guru memantau pergerakan pelajar. Manakala di rumah pula, ibu bapa terlalu sibuk dengan pekerjaan menyebabkan anak-anak terbiar.

Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual seperti di bawah ini:

“...biasanya dia ada geng dia la jadi yang aaa, biasanya berlaku yang tubuh badan dia besar berlaku, dia akan ada kumpulan yang lebih besar...” FB: KP/PG/GD1

“...dia nak ke arah memimpin seseorang tu sampaikan dia dapat kuasa dia cuba untuk menjadikan kuasa itu diberikan kepadanya sebagai buli laaa dan aaa dan buli di sekolah ni...” FB: KP/PG/GD2

“...nak jadikan diri dia sebagai pemimpin sebagai ketua dan aaaa sebab di antara sebabnya ialah di asrama, aaa kurang kawalan, aaa dan juga dia nak merasakan dia tu hero bila dah naik senior. Bila dah aaaa naik tahap tingkatan yang tinggi, berbeza, dia akan berasakan diri dia ni besar lah...” FB: KP/PG/GD2

### c) Lokasi Kejadian

Kejadian buli mengikut lokasi dalam kajian ini merangkumi tempat kejadian kes buli.

Sebagai contoh kedudukan bangunan sekolah yang mempunyai tempat yang sunyi dan tersorok mendorong berlakunya kes buli. Bagi pelajar yang tinggal di asrama pula, lokasi kes buli adalah lebih terbuka terutamanya ketika berada di dalam bilik asrama. Dapatan temu bual peserta kajian MB1, MB2, MB3, MB4, dan MB5 telah menjelaskan tentang perkara ini seperti berikut:

“Aaaa saya sering dibuli dekat dorm kat surau gitu, kadang-kadang kat blok akademik pun ada...” FB: KP/LB/MB1

“...dia apa dia ambil baldi tu, dia ermmmm dia basahkan badan saya dengan air baldi kotor tu...” FB: KP/LB/MB1

“Saya pernah dibuli di kawasan asrama. Saya selalu kena buli kat aras form 5, dia orang dating, lepas tu suruh saya buat kerja-kerja dia orang...” FB: KP/LB/MB2

“Di sekolah, di pondok gedegang. di surau...” FB: KP/LB/MB3

“Di dewan dan surau, dekat situ ada orang...” FB: KP/LB/MB4

“Aaaa pusat sumber lah, aaaa dalam kelas...” FB: KP/LB/MB5


#### d) Masa Kejadian

Masa kejadian buli di asrama lebih terbuka luas terutama sewaktu berada di dalam bilik asrama, bilik air dan dewan makan. Bagi sekolah harian biasa, kebiasaanya waktu rehat merupakan masa yang paling kerap berlakunya kejadian buli diikuti oleh waktu pelajar sedang beratur mengambil makanan. Selain itu, waktu perjalanan pergi dan pulang dari kelas, surau, dan dalam kelas iaitu sebelum guru masuk mengajar, dalam kelas semasa guru mengajar. Hal ini dijelaskan oleh peserta kajian MB1, MB2, MB3, MB4, dan MB5 seperti berikut:

“...datang la buat kat dorm dia, rasa dah habis kerja sekolah dah tidur dah semua tu aaaa dia suruh saya pumping...” FB: KP/M/MB1

“Aaaa saya sering dibuli dekat dorm kat surau gitu. Kadang-kadang kat blok akademik pun ada...” FB: KP/M/MB1

Dapatan kajian sub tema kurang pengawasan ditunjukkan dalam Rajah 4.2.



Rajah 4.2. Sub Tema Kurang Pengawasan

Faktor pergaulan yang sangat berpengaruh dalam kehidupan pelajar,

Kepincangan institusi kekeluargaan, ayah dan ibu lebih menumpukan perhatian menghabiskan tenaga untuk mencari nafkah dan tidak mengambil berat tentang anak-anak mereka apabila tinggal dengan datuk dan nenek yang tidak berupaya mengawal tingkah laku para pelajar dan pihak sekolah juga tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk mengawasi dan mendisiplinkan pelajar kerana dibebani dengan tugas-tugas sampingan yang banyak. Hal yang demikian menyebabkan gejala buli sangat mudah menular dalam kalangan pelajar ini.

#### 4.3.1.3 Pengaruh Media Massa

Peserta kajian sangat terpengaruh dengan media massa menjadi punca berlakunya kes-kes buli. Paparan aksi ganas dalam filem-filem dan video-video pendek seperti pergaduhan, aksi-aksi yang berbahaya telah meninggalkan kesan negatif terhadap

pelajar yang merupakan sebahagian besar penonton yang tidak menyedari akibat daripada perbuatan mereka.

#### a) Internet

Paparan melalui media instagram banyak memaparkan adegan buli dalam bentuk video pendek dikesan menjadi punca penularan gejala buli dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar ini. Mereka mempunyai kecenderungan untuk meniru aksi yang dipaparkan menerusi media sosial seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian tambahan GD1 di bawah:

“Ya, saya rasa itu di antara punca kemungkinan besar keadaan persekitaran yang mereka lihat di youtube, di IG dan sebagainya, cara-cara mereka paw makanan, buli kerana tak puas hati dan sebagainya...” FB: PM/I/GD2

#### b) Tayangan Filem

Dapatan temu bual peserta kajian menunjukkan bahawa filem-filem aksi di televisyen dan cakera padat yang dijual secara haram dan berleluasa sangat mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat terutama golongan remaja yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah. Paparan aksi ganas sedikit sebanyak mempengaruhi tingkah laku remaja ini dan menggalakkan stesen-stesen televisyen untuk berlumba-lumba menyiarkan dan menerbitkan filem berkenaan. Melalui temu bual dengan peserta kajian tambahan


GD1, GD2, GK1 dan GK2 sedikit sebanyak telah menghasilkan dapatan kajian ini berdasarkan kepada temu bual yang telah dijalankan seperti yang berikut:

“...aaaa banyak mempengaruhi tentang perlakuan membuli tetapi bagi yang...menonton filem ganas, saya tak pasti sebabnya cerita yang mereka suka tengok cerita Melayu, jadi cerita yang ni, jarang tengok...” FB: PM/TV/GD1

“Ok, aaaa kita tengok aaa, pelajar-pelajar yang terlibat dengan buli ni, tingkah laku dia di rumah dan di sekolah. Di rumah, kalau kita lihat pelajar-pelajar ini suka menonton filem-filem yang ganas...” FB: PM/TV/GK2

“Kadang-kadang dia suka menonton filem-filem yang ganas. Ok dia dari segi pengalaman saya membuat sesi kaunseling kepada pelajar yang suka membuli ni...” FB: PM/TV/GK2

Dapatan kajian sub tema pengaruh media massa ditunjukkan dalam Rajah 4.3.



Rajah 4.3. Sub Tema Pengaruh Media Massa


Hasil penelitian mendapati media massa sangat menyumbang kepada berlakunya gejala buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar. Media-media ini sering menyiarkan filem-filem dan video-video pendek yang memberikan

kesan besar terhadap penonton. Paparan aksi ganas seperti pergaduhan, aksi-aksi yang berbahaya telah meninggalkan kesan negatif terhadap pelajar yang merupakan sebahagian besar penonton yang tidak menyedari akibat daripada perbuatan mereka. Lantas para pelajar ini mengaplikasikan apa yang dilihat dan ditonton terhadap rakan pelajar yang lain.

#### **4.3.1.4 Rumusan Dapatan Kajian Kepada Persoalan Kajian 1**

Dapatan kajian memperoleh satu tema utama bagi perbincangan aspek faktor mangsa dibuli. Kemudian ianya dipecahkan kepada 3 sub tema. Setiap sub tema diperihalkan secara terperinci kepada sub-sub tema bagi menerangkan mengenai faktor yang mendorong untuk mangsa dibuli. Peniruan tingkah laku rakan sebaya, tingkah laku guru dan tingkah laku ibu bapa. Kurang pengawasan ibu bapa dan guru, lokasi kejadian yang tersorok, dan masa kejadian sukar dijangka. Pengaruh media massa seperti drama atau filem dan juga internet.

Dapatan kajian mengenai faktor menyebabkan mangsa dibuli dirumuskan melalui pohon tema yang dipaparkan dalam Rajah 4.4 berikut:



Rajah 4.4 Faktor Mangsa Buli

Dapatan kajian sub tema faktor pelajar dibuli menunjukkan peniruan tingkah laku berlaku melalui pengaruh persekitaran. Permerhatian terhadap tingkah laku dalam kalangan rakan sebaya yang dominan dengan mereka. Tingkah laku guru juga dapat merangsang pelajar untuk melakukan tingkah laku buli dalam kalangan mereka. Selain itu, tingkah laku ibu bapa juga mempengaruhi perubahan tingkah laku anak-anak mereka seperti melepaskan perasaan tidak puas hati terhadap tindakan kasar di rumah kepada rakan sebaya. Tindakan membuli terhadap mangsa adalah disebabkan oleh faktor pergaulan yang sangat berpengaruh dalam kehidupan pelajar.

Kepincangan institusi kekeluargaan telah menyumbang kepada salah laku buli dalam kalangan pelajar kerana mereka tinggal dengan datuk dan nenek yang tidak berupaya mengawal tingkah laku para pelajar. Hal yang demikian kerana ketua keluarga terutama ayah dan ibu, lebih menumpukan perhatian menghabiskan tenaga



untuk mencari nafkah dan tidak mengambil berat tentang anak-anak mereka. Pihak sekolah juga tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk mengawasi dan mendisiplinkan pelajar kerana dibebani dengan tugas-tugas sampingan yang banyak.

Oleh yang demikian, gejala buli sangat mudah menular dalam kalangan pelajar ini. Hasil penelitian mendapati media massa sangat menyumbang kepada berlakunya gejala buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar. Media-media ini sering menyiarkan filem-filem dan video-video pendek yang memberikan kesan besar terhadap penonton. Paparan aksi ganas seperti pergaduhan, aksi-aksi yang berbahaya telah meninggalkan kesan negatif terhadap pelajar yang merupakan sebahagian besar penonton yang tidak menyedari akibat daripada perbuatan mereka. Lantas para pelajar ini mengaplikasikan apa yang dilihat dan ditonton terhadap rakan pelajar yang lain.



#### **4.3.2 Dapatan Kajian kepada Persoalan Kajian 2**

Kajian ini mendapati kes buli jenis ini kurang mendapat perhatian media massa, ia sebenarnya serius berlaku di sekolah. Biarpun peratusannya agak sedikit, namun perkara tersebut mampu mendorong kepada perbuatan yang serius jika tidak dibendung. Buli emosi meliputi kata-kata menghina dan usik-usik yang menjejaskan psikologi dan emosi mangsa. Hasil temu bual dengan peserta kajian, temu bual dengan pelajar, guru disiplin dan guru kounseling serta analisis dokumen mendapati sebagian besar tingkah laku buli adalah berlaku akibat daripada buli emosi yang merupakan tema kedua dalam hasil kajian ini.



Berdasarkan dapatan temubual aspek psikologi, pembuli lazimnya memendam rasa tidak puas hati kerana pernah menjadi mangsa, sekaligus ingin menyalurkan nasib atau amarah itu kepada orang lain. Terdapat beberapa jenis tingkah laku buli terhadap emosi secara verbal seperti cemuhan, hinaan, panggilan nama, ejekan dan ugutan, manakala jenis tingkah laku buli antisosial (secara psikologi) seperti pemulauan, menyebabkan gosip liar dan memanipulasikan hubungan sosial dan psikologi pula lebih kepada ejek-mengejek misalnya jika nama pelajar atau nama bapa pelajar agak luar biasa, maka itu akan dijadikan bahan ejekan pelajar senior yang membuli. Berikut adalah sub-sub tema yang muncul dari temubual yang telah dijalankan iaitu a) penderaan secara verbal, b) penderaan secara penderaan mental.

#### **4.3.2.1 Buli Secara Verbal**

Berdasarkan temu bual, peserta kajian ada menyentuh tentang jenis buli verbal merupakan pencetus kepada gejala buli yang lebih serius dalam kalangan pelajar. Tingkah laku buli verbal boleh mengakibatkan kemudaratan pada penghargaan sendiri mangsa buli. Terdapat beberapa jenis tingkah laku buli verbal seperti cemuhan, hinaan, panggilan nama, ejekan dan ugutan.

##### **a) Menghina**

Penghinaan merupakan tindakan untuk menjadikan seseorang itu atau menjatuhkan maruah seseorang itu dalam masyarakat. Bagaimanapun, istilah ini mempunyai banyak persamaan dengan emosi atau perasaan malu. Penghinaan



merupakan perbuatan merendahkan ego seseorang. Menghina orang lain merupakan satucara seseorang untuk menunjukkan kuasanya kepada orang lain, dan merupakan bentuk biasa penderaan atau penekanan. Dapatan daripada temu bual dengan peserta kajian MB1, MB2, MB3, MB4, dan MB5 seperti di bawah:

“Ejek tu tak de la sangat tapi boleh laaa, dia kata, dia ejek laa, nama bapa, dia hina bapa saya contoh dia kata bodoh la, apa...” JBE: V/MH/MB1

“...pernah dihina macam cakap perasan cantik la, perasan bagus la, aaa macam dia kata saya ni macam mana ye, macam perasan hot gitu la...” JBE: V/MH/MB3

“Pernah dia gossip-gossip dengan kawan lain, dia macam hina saya, saya pernah dihina masa tu dia suruh ambil buku dia, lepas tu buku tu jatuh, dia kata bodoh...”

JBE: V/MH/MB4

“Pernah ditipu, terpedaya, diejek. Dia kata saya hitam, aaaa .ada la dihina nama ayah saya la aaaaa lepas tu dia ejek nama ayah orang...” JBE: V/MH/MB5

Dalam kajian ini, berdasarkan data-data hasil temu bual seperti di atas telah disokong oleh hasil dapatan dalam temu bual dengan peserta kajian tambahan GD1, GD2, GK1, dan GK2. Mereka berpendapat bahawa jenis buli verbal ini memang lazim berlaku dalam kalangan pelajar sekolah. Lanjutan daripada buli verbal ini sekiranya tidak ditangani akan menjurus kepada aktiviti buli yang lebih serius seperti pergaduhan. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual bersama dengan peserta kajian tambahan GD2 dan GK2 seperti di bawah ini:



“...mereka memanggil nama dia dengan nama ayahnya dan mengusik macam-macam, hina dan juga mengancam tu...” JBE: V/MH/GD2

“.....kita lihat dari segi fizikalnya memang tak de, dari segi percakapan, dihina, dikutuk, aaaa, kita nampak di sekolah sekolah ni la kalau di sekolah lain tak tau la...” JBE: V/MH/GK2

### **b) Mengugut**

Perbuatan mengugut adalah untuk menakut-nakutkan orang lain dengan menyatakan akan melakukan sesuatu yg tidak baik seperti mengancam secara verbal untuk memaksa

dengan kekerasan dan jika tidak dipenuhi hasrat, maka mangsa berkenaan akan dicerderakan atau diseksa. Dapatan daripada temu bual dengan peserta kajian MB2 dan

MB3 seperti di bawah:

“...lepas tu saya rasa macam mula saya tak nak buat kerja tu, tapi saya takut, takut dia orang ragging, takut dia orang marah, jadi saya buat kerja tu...”

JBE: V/U/MB2

“Ya, terancam seperti ugut beritahu ibu bapa sebab dia macam tak puas hati la sebab tak puas hati la sebab macam cari pasal dengan dia la aaa lepas tu dia tak puashati nak bagi tahu mak dan ayah saya...” JBE: V/U/MB3

“Ada, ada dia hantar gambar dan dia hantar ayat-ayat yang tak berapa bagus tapi tak tau laa sebab kawan yang beritahu...” JBE: V/U/MB3

Dalam kajian ini, berdasarkan data-data hasil temu bual seperti di atas telah disokong oleh hasil dapatan dalam temu bual dengan peserta kajian tambahan GD1, GD2, dan GK2. Mereka berpendapat bahawa kes ugutan dan penghinaan sangat berleluasa dalam kalangan pelajar sekolah. Hal ini mendatangkan kesan tidak baik terhadap mangsa buli.

“...aaaaa ugutan melalui wasap dan ada yang pernah ibu bapa sendiri yang datang kerana tidak puas hati lah dengan membawa screenshot apa semua yang tak puas hati lah kerana ada ugut minta duit la dari somebody dan sebagainya...” JBE:

“...aaaa dia ini aaaa di diugut supaya jangan bercerita kepada guru jangan bercerita kepada kawan dan jangan bercerita kepada ibu dan ayah supaya aaaaa...” JBE: V/U/GK2

### c) Mengejek Nama

Mengejek merupakan suatu kegiatan yang dapat membuat darjat atau kedudukan seseorang menjadi rendah. Salah satunya adalah berkata-kata sesuatu yang mencela ataupun mengejek orang lain walaupun dengan nada yang lemah lembut tidak sambil marah-marah. Jadi. Meniru gaya temannya yang gagap agar ianya akan menjadi bahan

ketawa dengan rakan-rakan. Selain itu perlakuan mengejek ini juga memprovokasikan orang yang diejek apabila mendengarnya. Perkara ini diperjelaskan oleh peserta kajian MB1 dan MB5 seperti di bawah:

“Ejek tu tak dela sangat tapi boleh laaa dia kata dia ejek laa nama bapa dia hina bapa saya contoh dia kata bodoh la, apa...” JBE: V/MN/MB1

“Pernah ditipu, terpedaya, diejek, dia kata saya hitam, aaaa, ada la dihina nama ayah saya la aaaaa, lepas tu dia ejek nama ayah orang...” JBE: V/MN/MB5

Dalam kajian ini, berdasarkan data-data hasil temu bual seperti di atas telah disokong oleh hasil dapatan dalam temu bual dengan peserta kajian tambahan GD1,

GD2, dan GK1 seperti di bawah:

“...mereka memanggil nama dia dengan nama ayahnya dan mengusik macam-macam hina dan juga mengancam tu...” JBE: V/MN/GD2

“...selalunya kes-kes buli ni bermula dengan ejek-mengejek kemudian bermulalah pergaduhan sehingga menyebabkan berlakunya buli ni...”

JBE: V/MN/GK1

“...tingkah laku buli ini juga berlaku akibat tindakan ejek mengejek seperti yang saya cakapkan tadi aaaa mula-mula ejek-mengejek lama-lama akan menjadi pergaduhan sehingga menyebabkan kegiatan tu berulang...”

JBE: V/MN/GK1

### d) Mengejek Faktor Fizikal

Ini adalah merupakan tingkah laku verbal secara agresif dalam bentuk psikologi terhadap faktor fizikal mangsa buli yang dilakukan secara berulang kali ke atas mangsa untuk menimbulkan perasaan yang tidak selesa, marah, tidak aman, tidak tenteram dan tidak harmoni. Dapatan hasil temu bual dengan peserta kajian MB5 seperti di bawah:


“Pernah ditipu, terpedaya, diejek dia kata saya hitam aaaa, ada la dihina nama ayah saya la, aaaaa lepas tu dia ejek nama ayah orang...” JBE: V/MF/MB5

“...selalunya kes-kes buli ni bermula dengan ejek-mengejek kemudian bermulalah pergaduhan sehingga menyebabkan berlakunya buli ni...”

JBE: V/MF/GK1

“Kes-kes macam ni biasa dirujuk kepada saya di mana aaaaa murid-murid ni dia sering mengadu, murid lain mengejek nama aaaa mereka atau ibu bapa mereka ataupun mengejek fizikal mereka...” JBE: V/MF/GK1

Dapatan kajian sub jenis buli verbal ditunjukkan dalam Rajah 4.5 di bawah.



Rajah 4.5. Sub Jenis Buli Verbal

Buli emosi meliputi kata-kata menghina dan usik-usik yang menjejaskan psikologi dan emosi mangsa. Buli emosi dapat dikenal pasti melalui sub-sub tema berikut: a) buli emosi dan b) penderaan secara mental. Terdapat beberapa jenis tingkah laku buli terhadap emosi secara verbal seperti cemuhan, hinaan, panggilan nama, ejekan dan ugutan, manakala jenis tingkah laku buli antisosial (secara psikologi) seperti pemuluan, menyebabkan gosip liar dan memanipulasikan hubungan sosial dan psikologi pula lebih kepada ejek-mengejek misalnya jika nama pelajar atau nama bapa pelajar agak luar biasa, maka itu akan dijadikan bahan ejekan pelajar senior yang membuli.

#### 4.3.2.2 Buli Secara Penderaan

Peserta kajian menyatakan bahawa perlakuan buli seperti mengugut, mengejek, mengosip, fitnah dan memulau kehadiran seseorang. Jenis tingkah laku buli antisosial (secara psikologi) seperti pemuluan, menyebabkan gosip liar dan memanipulasikan hubungan sosial dan psikologi pula lebih kepada ejek-mengejek misalnya jika nama pelajar atau nama bapa pelajar agak luar biasa, maka itu akan dijadikan bahan ejekan pelajar senior yang membuli. Hasil daripada temu bual dengan peserta kajian MB1 dan MB2 yang telah dijalankan menunjukkan bahawa perlakuan buli ini menjadi antara jenis buli yang popular dalam kalangan pelajar sekolah di luar bandar.

### a) Menjadi Orang Suruhan

Sub tema ini mengupas tentang menjadikan mangsa buli sebagai orang suruhan. Perbuatan mendera atau mempermainkan seseorang murid atau kumpulan pelajar supaya dapat menjadi orang suruhan. Mangsa buli akan diberikan kerja yang bukan dalam bidang tugas mangsa oleh pembuli yang biasanya mempunyai kelebihan dari segi fizikal dan berada di tingkatan yang sama atau lebih tinggi. Mangsa buli yang bersifat lemah diminta untuk menyelesaikan kerja-kerja tersebut dengan segera walaupun mangsa buli masih mempunyai kerja untuk diselesaikan. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual dengan peserta kajian MB1, MB2, dan MB4 seperti di bawah ini:

“...Pas tu dia suruh saya cari botol air dia dalam bilik rehat saya cari laaa tak jumpakan. Lepas saya datang balik kat dia, dia kata aaa saya kata la tak jumpa

lepas tu dia minta saya bayar 20 ringgit, kalau tak kena lagi...” JBE: P/OS/MB1

“Saya pernah dibuli di kawasan asrama. Saya selalu kena buli kat aras form 5, dia orang dating. Lepas tu suruh saya buat kerja-kerja dia orang.”

JBE: P/OS/MB2

“...saya tidak ada banyak masa untuk membuat kerja sekolah. Nak buat kerja saya sendiri pun saya tak sempat nak buat. Saya terpaksa buat kerja orang...”

JBE: P/DM/MB2

## b) Penderaan Fizikal

Berdasarkan temu bual peserta kajian ini telah disokong oleh hasil dapatan dalam temu bual dengan peserta kajian tambahan MB1. Buli secara penderaan fizikal seperti melakukan tekan tubi atas maksud mendenda dan memberi pengajaran kepada mangsa buli tanpa menyedari tindakan tersebut adalah salah. Selain itu perbuatan mencurahkan air kotor terhadap mangsa buli dengan alasan mendenda mereka akan meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri mangsa buli dan menjejaskan psikologi mangsa. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual peserta kajian MB1 seperti berikut:

“...aaaa dia suruh saya pumping, pumping tu semua. Pumping laaa, awal-awal tu macam tu je la, ragging macam gitu.” JBE: P/DF/MB1

“...dia, apa dia ambil baldi tu. Dia, ermhhh, dia basahkan badan saya dengan air baldi kotor tu...” JBE: P/DF/MB1

Dalam kajian ini, berdasarkan data-data hasil temu bual seperti di atas telah disokong oleh hasil dapatan dalam temu bual dengan peserta kajian tambahan GD1 seperti di bawah:

“...lepas tu, kadang-kadang ada juga penderaan secara fizikal, telah dkenakan aaaa...” JBE: P/DF/GD1

“Yaaa. Selalunya tubuh badan mereka lebih kecil laaa. Kalau ni kita tengok mangsa buli ni sebab kadang diaa tengok pada fizikal juga. Kalau budak tu muka macam nak kena buli dan sebab kita ada kes budak ni buli budak lain sebab fizikal dia dari segi muka dia, aaa, macam blurr laa, macam blurr macam tak puas hati, disebabkan tu la mereka dibuli.” JBE: P/DF/GD1

### c) Penderaan Mental

Penderaan mental berlaku secara emosi dan kecederaannya tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Ianya meninggalkan kesan lebih mendalam dan berpanjangan sehingga meninggalkan trauma sepanjang hayat dan boleh membawa kepada sakit mental dan lebih berbahaya jika mangsa suka memendam perasaan dan tidak mendedahkan penderitaan yang ditanggung kepada orang lain termasuk guru, ibbu bapa dan kawan-kawan. Mangsa yang memendam rasa akan mengakibatkan perkara yang sangat buruk bukan saja kepada dirinya malah orang di sekelilingnya termasuk mereka yang membuli. Hal ini diterangkan dalam dapatan hasil temu bual dengan peserta kajian MB2 dan MB4 seperti di bawah:

“Tidak pernah. Saya kena tumbuk tu, saya rasa sakit sangat. Lepas tu saya rasa macam nak balas balik tapi saya takut sebab dia tu form, form 4...” JBE: P/DM/MB2

“...aaaa psiko saya. Lepas tu saya ada, ada rasa macam, rasa macam nak tumbuk la dia kat situ...” JBE: P/DM/MB2

“...lepas tu yang pasal aaaa, dia suruh saya jonget, nyanyi la, dia rakam...”

JBE: P/DM/MB2

“Saya tidak berpuas hati dengan kehidupan saya kerana masa saya banyak diluapkan untuk membuat kerja-kerja senior.....” JBE: P/DM/MB2

Berdasarkan hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan GD2 di bawah juga mendapati bahawa kes ini memang berlaku:

“...selain tu ada juga yang aaa, mengadu kepada saya yang dia diasingkan daripada kumpulan, semua kawan-kawan tidak mahu berkawan dengannya...”

JBE: P/DM/GK1

“...siapa yang kawan dengannya akan di apa, akan dibuang kawan macam tu.

Jadi ermmm, jadi ok, jadi aaa, aaaaa itu je.” JBE: P/DM/GK1

#### **d) Pemulauan Diri**

Hasil dapatan daripada temu bual menunjukkan niat pembuli adalah untuk memalukan, memburukkan mangsa buli dengan sengaja tidak memasukkan mangsa dalam kumpulan, menafikan hak mangsa buli daripada mendapat kemudahan yang sepatutnya. Hal ini dijelaskan dalam temu bual di bawah dengan peserta kajian tambahan GD2, GK1, dan GK2 seperti di bawah:

“...seseorang tu dipulau, jadi dia tak akan ditegur oleh sahabat, aaaa bermakna sahabat setingkatan lah...” JBE: P/PD/GD2

“...dia diasingkan daripada kumpulan. Semua kawan-kawan tidak mahu berkawan dengannya. Siapa yang kawan dengannya akan di apa akan dibuang kawan macam tu. Jadi ermmm, jadi ok, jadi aaa aaaaa. Itu je...”

JBE: P/PD/GK1

“...pelajar-pelajar ini disisihkan oleh pembuli ini. Sebab apa? Pembuli ini dia ramai kawan, yang dibuli ni dia pasif dan dia lemah dan selalu disisihkan oleh pelajar-pelajar lain.” JBE: P/PD/GK2


### e) Menyebarkan Khabar Angin

Khabar angin boleh didefinisikan sebagai maklumat yang kurang tepat atau tidak benar sama sekali yang disebarkan secara tidak formal atau tanpa pengesahan yang jelas dan pada kebiasaannya melalui perkhbaran dari mulut ke mulut. Boleh juga dikatakan bahawa khabar angin ini disebarkan secara melulu tanpa usul periksa yang teliti. Seterusnya, ia mudah dipercayai oleh orang yang mendengar dan sudah tentu cerita yang didengari sudah ditokok tambah bersesuaian dengan naluri pendengar dan penyebar. Hal ini akan meninggalkan kesan negatif kepada mangsa buli berdasarkan hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan GD1 dan GD2 seperti di bawah:

“...aaaa dan mereka rasa malu dan juga sebar khabar angin pun pernah ada kes-kes yang mana diapun screenshoot dia punya wasap tu, memang ada, memang adalah situasi begini.” JBE: P/KA/GD1

“...aaaa dan malu ini maksudnya, apa cerita pun mengenai mereka akan, akan tersebar kepada rakan-rakan.” JBE: P/KA/GD1

Dapatan kajian sub jenis buli penderaan ditunjukkan dalam Rajah 4.6 di bawah.




Rajah 4.6. Sub Jenis Buli Penderaan

Perlakuan buli adalah seperti mengugut, mengejek, mengosip, fitnah dan memulau kehadiran seseorang. Jenis tingkah laku buli antisosial (secara psikologi) seperti pemuluan, menyebarkan gosip liar dan memanipulasikan hubungan sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perlakuan buli ini menjadi antara jenis buli yang popular dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar.

#### 4.3.2.3 Rumusan Dapatan Kajian Kepada Persoalan Kajian 2

Buli verbal seperti menghina, mengugut, mengejek nama dan mengejek keadaan fizikal. Penderaan seperti menjadi orang suruhan, penderaan fizikal, penderaan mental, pemuluan dan penyebaran khabar angin. Dapatan kajian sub jenis buli secara penderaan ditunjukkan dalam Rajah 4.7 di bawah:



Rajah 4.7. Sub Jenis Buli Secara Penderaan

Jenis buli yang telah dikenal pasti berdasarkan dapatan kajian menunjukkan buli emosi menjadi antara jenis buli yang popular dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar. Gejala buli adalah kata-kata menghina dan usik-usik yang menjejaskan psikologi dan emosi mangsa. Buli emosi dapat dikenal pasti melalui sub-sub tema dalam dapatan kajian.

Terdapat beberapa jenis tingkah laku buli terhadap emosi secara verbal seperti cemuhan, hinaan, panggilan nama, ejekan dan ugutan, manakala jenis tingkah laku buli antisosial seperti pemuluan, menyebabkan gosip liar dan memanipulasikan hubungan sosial dan psikologi pula lebih kepada ejek-mengejek, misalnya jika nama pelajar atau nama bapa pelajar agak luar biasa, maka itu akan dijadikan bahan ejekan pelajar senior yang membuli. Perlakuan buli secara verbal adalah seperti mengugut, mengejek, mengosip, fitnah dan memulau kehadiran seseorang. Jenis tingkah laku buli antisosial



(secara psikologi) seperti pemulauan, menyebarkan gosip liar dan memanipulasikan hubungan sosial.

### 4.3.3 Dapatan Kajian Kepada Persoalan Kajian 3

Berdasarkan dapatan daripada temu bual yang telah dijalankan, maka buli pada dasarnya adalah penyalahgunaan kuasa dan merupakan operasi psikologikal dan tingkah laku daripada orang yang kuat terhadap orang yang lebih lemah. Perbuatan secara sentuhan fizikal ini adalah berdasarkan kehendak atau keinginan seseorang untuk mencederakan seseorang dan meletakkan seseorang individu dalam keadaan yang tertekan. Terdapat beberapa sub tema yang telah berjaya dihasilkan untuk menunjukkan

jenis perlakuan buli tingkah laku iaitu: a) Memukul dan menumbuk, b) Memukul dan ada kesan lebam dan c) Memukul dan berlaku pendarahan.



#### 4.3.3.1 Sentuhan Fizikal

Dapatan kajian menunjukkan kesemua peserta kajian telah mengalami situasi buli ini. Sikap pembuli terhadap tingkah laku agresif adalah positif. Hal ini adalah kerana mereka seronok melihat orang lain sengsara. Buli secara tingkah laku sentuhan fizikal merangkumi perbuatan seperti memukul, menumbuk, menyepak, mengugut, menampar, menarik, menolak, atau mencubit untuk menyebabkan kecederaan kepada mangsa. Mereka juga kurang empati dan percaya mangsa memang patut dibuli. Pembuli akan berasa puas hati apabila mangsa buli berada dalam keadaan ketakutan tertekan.



Perkara ini telah dijelaskan oleh peserta kajian MB1 dan MB3 di dalam temu bual yang telah dijalankan.

#### a) Memukul

Tingkah laku buli adalah merujuk kepada tingkah laku mangsa yang telah dibuli atau perbuatan negatif secara fizikal yang dilakukan oleh seseorang yang lebih berupaya terhadap seseorang yang kurang upaya atau yang tidak upaya secara berulang kali. Contohnya, seperti memukul, menumbuk, menyepak, dan menolak sehingga menyebabkan lebam dan kecederaan pada bahagian yang badan. Perkara ini telah dijelaskan di dalam temu bual dengan peserta kajian MB1, MB2, MB4, dan MB5 yang

telah dipilih seperti di bawah:

“...dia dah mula pukul dia apa. Dia pukul, ada lebam kat badan, lepas tu aaa masa suruh pumping tu, ada sekali tu, dia tolak muka saya ke lantai, jadi bibir saya pecah...” JBT: SF/P/MB1

“Pernah dia tengking, lepas tu dia macam pukul, lepas tu dia, aaa banyak kali juga dia buat, aaaa pernah di bahagian kepala dan perut...” JBT: SF/P/MB3

“Tak pernah. Cuma tampar je, aaaaa pernah dipukul aaaaa lebam. La juga. Lepas ditampar, aaaa kat bahagian pipi...” JBT: SF/P/MB5

“...lepas dipukul laaa aaaa tak de cedera sangat, ada la lebam sikit-sikit, pernah dimalukan aaaaa...” JBT: SF/P/MB5

Berdasarkan temu bual dengan peserta kajian tambahan iaitu GD1, GD2, dan GK2. Mereka berpendapat bahawa jenis buli memukul dan menumbuk ini memang ada berlaku dalam kalangan pelajar sekolah. Hal ini adalah lanjutan daripada buli verbal telah menjurus kepada aktiviti buli yang lebih serius seperti pergaduhan. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual seperti di bawah ini:

“....dan dia ni selalu dipukul di rumah dan saya rasa ini faktor untuk orang kata aaaaa...” JBT: SF/P/GD1

“...dibuli secara fizikal oleh kawan-kawan dia, yang mana bila dia dibuli secara fizikal, kita nampak kecederaan, ada kesan-kesan lebam...” JBT: SF/P/GK2

## b) Menumbuk

Berdasarkan temu bual, peserta kajian MB1 dan MB2 telah menjelaskan bahawa dia telah dibuli dengan dengan cara ditumbuk oleh pembuli seperti di bawah:

“...dia ada tumbuk-tumbuk ke apa, hentak muka ke lantai, lepas tu ditumbuk, ada kesan lebam yang hentak muka kat lantai tu sampai bibir saya pecah, berdarah. Lepas tu...dah pecah berdarah ...” JBT: SF/T/MB1

“Pernah ada seorang senior ni, saya tak tau. Dia, aaaa, dia main-main atau betul-betul tapi dia pernah tumbuk bahu saya sampai lebam.” JBT: SF/T/MB2

Berdasarkan temu bual dengan peserta kajian tambahan iaitu GK1. Beliau menjelaskan bahawa jenis buli memukul dan menumbuk ini memang ada berlaku dalam kalangan pelajar sekolah. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual seperti di bawah ini:

“...aaaa mula-mula ejek-mengejek, lama-lama akan menjadi pergaduhan sehingga menyebabkan kegiatan tu berulang sehingga menyebabkan menjadi kegiatan buli...” JBT: SF/T/GK1

Berdasarkan temu bual, peserta kajian tambahan GD2 telah menjelaskan bahawa mangsa buli pernah melaporkan bahawa dia telah dibuli dengan dengan cara dipijak badannya seperti di bawah:

“...kemudiannya juga ada yang dibuli dengan dibuang air basahan baju di atasnya dan masa pumping dia pun kena pijak, hempap kepala dan sebagainya...”

JBT: SF/P/GD2



#### d) Menghentak Kepala

Berdasarkan temu bual, peserta kajian MB1 telah menjelaskan bahawa dia telah dibuli dengan sengaja oleh pembuli dengan menghentak kepala ke lantai sehingga berlaku pendarahan seperti di bawah:

“...dia ada tumbuk-tumbuk ke pa hentak muka ke lantai. Lepas tu ditumbuk, ada kesan lebam yang hentak muka kat lantai tu sampai bibir saya pecah, berdarah. Lepas tu dah pecah berdarah...” JBT: SF/HK/MB1

Hal ini disokong oleh hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan GD2 seperti di bawah:



“...kemudiannya juga ada yang dibuli dengan dibuang air basahan baju di atasnya

dan masa pumping dia pun kena pijak, hempap kepala dan sebagainya...”

JBT: SF/HK/GD2


#### e) Mencubit

Berdasarkan temu bual, peserta kajian tambahan GD2 telah menjelaskan bahawa dia telah dibuli dengan dengan mencubit sehingga berdarah seperti di bawah:

“Aaaa ok kita memang ada settle 2, 3 kes yang pelajar ni terluka dengan cubitan oleh pembuli tersebut yang melukakan muka badan...” JBT: SF/C/GD2



Dapatan kajian sub tema sentuhan fizikal ditunjukkan dalam Rajah 4.8 di bawah.



Rajah 4.8. Sub Tema Sentuhan Fizikal

Berdasarkan kepada dapatan kajian, kesemua peserta kajian telah mengalami situasi buli ini. Sikap pembuli terhadap tingkah laku agresif adalah positif. Hal ini adalah kerana mereka seronok melihat mangsa buli sengsara. Tingkah laku melalui sentuhan fizikal merangkumi perbuatan seperti memukul, menumbuk, menyepak, mengugut, menampar, menarik, menolak, atau mencubit sehingga menyebabkan kecederaan kepada mangsa. Mereka juga kurang empati dan percaya mangsa memang patut dibuli. Pembuli akan berasa puas hati apabila mangsa buli berada dalam keadaan ketakutan tertekan.



#### 4.3.3.2 Penderaan Fizikal

Penderaan fizikal berlaku apabila pembuli melakukan kekasaran fizikal terhadap mangsa buli lalu memudaratkan dan mencederakan mangsa buli itu. Penderaan fizikal merangkumi perbuatan melakukan tekan tubi, memukul, menyebat, menendang, menggoncang, mencekik, melecurkan, membakar, meracunkan, melemaskan dan mengenakan hukuman dera yang teruk. Dalam konteks kajian ini, hanya melihat kepada tema seperti di bawah.

##### a) Tekan Tubi

Berdasarkan temu bual, peserta kajian MB1 telah menjelaskan bahawa dia telah dibuli dengan dengan cara didenda melakukan tekan tubi sebagai satu hukuman atas kesalahan yang tidak pasti seperti di bawah:

“...rasa dah habis kerja sekolah dah tidur dah semua tu aaaa dia suruh saya pumping-pumping tu semua, pumping laaa. Awal-awal tu macam tu je la ragging macam gitu.” JBT: PF/TT/MB1

“...malam pertama, malam kedua tu dia suruh pumping-pumping laa, macam tu...” JBT: PF/TT/MB1

Hasil temu bual dengan peserta-peserta kajian telah disokong oleh hasil dapatan dalam temu bual dengan guru yang merupakan peserta kajian tambahan iaitu GD2.



Beliau menjelaskan bahawa jenis buli ini telah berlaku dalam kalangan pelajar sekolah.

Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual seperti di bawah ini:

“...kemudiannya juga ada yang dibuli dengan dibuang air basahan baju di atasnya dan masa pumping dia pun kena pijak hempap kepala dan sebagainya...”

JBT: PF/TT/GD2

#### **b) Mencurah Air Kotor**

Berdasarkan temu bual, peserta kajian MB2, MB3, dan MB4 telah menjelaskan bahawa dia telah dibuli dengan dengan dicurahkan air basuhan pakaian kotor seperti di bawah:

“...dia ambil baldi tu, dia ermmm, dia basahkan badan saya dengan air baldi kotor tu...” JBT: PF/CA/MB1

Hasil temu bual dengan peserta-peserta kajian telah disokong oleh hasil dapatan dalam temu bual dengan guru yang merupakan peserta kajian tambahan iaitu GD2. Beliau menjelaskan bahawa jenis buli ini telah berlaku dalam kalangan pelajar sekolah. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual seperti di bawah ini:

“...kemudiannya juga ada yang dibuli dengan dibuang air basahan baju di atasnya dan masa pumping dia pun kena pijak, hempap kepala dan sebagainya...”

JBT: PF/CA/GD2

### c) Diugut

Berdasarkan temu bual, peserta kajian MB2, MB3, dan MB4 telah menjelaskan bahawa dia telah dibuli dengan dengan cara ugutan seperti di bawah:

“...tapi saya takut. Takut dia orang ragging, takut dia orang marah. Jadi saya buat kerja tu.” JBT: PF/UK/MB2

“Ya, terancam seperti ugut beritahu ibu bapa sebab dia macam tak puas hati la.”  
JBT: PF/UK/MB3

“Saya pernah diancam, kawan saya suruh beli nasi. Dia kata dia tak de duit tapi sebenarnya dia ada duit.” JBT: PF/UK/MB4

Hasil temu bual dengan peserta-peserta kajian telah disokong oleh hasil dapatan dalam temu bual dengan guru yang merupakan peserta kajian tambahan iaitu GD1. Beliau menjelaskan bahawa jenis buli ini telah berlaku dalam kalangan pelajar sekolah. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual seperti di bawah ini:


“...ada kes-kes yang mana diapun screenshot dia punya wasap tu. Memang ada, memang adalah situasi begini.” JBT: PF/UK/GD1

#### d) Dipaksa Membuat Kerja

Berdasarkan temu bual, peserta kajian MB2 telah menjelaskan bahawa dia telah dibuli dengan dipaksa untuk membuat kerja sekolah dan aktiviti lain tanpa kerelaannya seperti di bawah:

“Saya pernah dibuli di kawasan asrama. Saya selalu kena buli kat aras form 5. Dia orang dating, lepas tu suruh saya buat kerja-kerja dia orang.” JBT: PF/PK/MB2

Dapatan kajian sub tema penderaan fizikal ditunjukkan dalam Rajah 4.9 di bawah.



Rajah 4.9. Sub Tema Penderaan Fizikal

Penderaan fizikal berlaku apabila pembuli melakukan kekasaran fizikal terhadap mangsa buli lalu memudaratkan dan mencederakan mangsa buli itu. Penderaan fizikal merangkumi perbuatan melakukan tekan tubi, memukul, menyebat,

menendang, menggoncang, mencekik, melecurkan, membakar, meracunkan, melemaskan dan mengenakan hukuman dera yang teruk Mangsa buli akan mengalami trauma yang berpanjangan dan meninggalkan kesan negatif dalam hidup mereka.

#### 4.3.3.3 Rumusan Dapatan Kajian Kepada Persoalan Kajian 3

Sentuhan fizikal seperti memukul, memijak, mencubit, menghentak kepala dan menumbuk. Penderaan fizikal seperti melakukan tekan tubi, mencurah air kotor, diugut, paksaan buat kerja. Rumusan kajian aspek jenis buli tingkah laku ditunjukkan dalam Rajah 4.10 di bawah.



Rajah 4.10. Jenis Buli Tingkah Laku

Semua peserta kajian telah mengalami situasi buli ini. Mangsa buli sering berdepan dengan pembuli yang bersikap dan bertingkah laku agresif. Pembuli akan berasa seronok melihat mangsa buli sengsara. Mangsa buli sering dibuli secara fizikal merangkumi perbuatan seperti memukul, menumbuk, menyepak, mengugut, menampar, menarik, menolak, atau mencubit sehingga menyebabkan kecederaan kepada mangsa. Pembuli juga kurang empati dan mereka percaya mangsa memang patut dibuli. Pembuli akan berasa puas hati apabila mangsa buli berada dalam keadaan

ketakutan tertekan. Penderaan fizikal berlaku apabila pembuli melakukan kekasaran fizikal terhadap mangsa buli lalu dan mencederakan mangsa buli itu.

Penderaan fizikal merangkumi perbuatan melakukan tekan tubi, memukul, menyebat, menendang, menggoncang, mencekik, melecurkan, membakar, meracunkan, melemaskan dan mengenakan hukuman dera yang teruk. Mangsa buli akan mengalami trauma yang berpanjangan dan meninggalkan kesan negatif dalam hidup mereka.

#### **4.3.4 Dapatan Kajian Kepada Persoalan Kajian 4**

Dapatan kajian tentang implikasi buli dengan berdasarkan hasil temu bual dengan kumpulan pelajar mendapati kesemua peserta kajian telah mengalami implikasi yang negatif terhadap emosi responden. Sub tema yang muncul dari tema di atas adalah konsep sendiri negatif. Berikut adalah kesan-kesan negatif yang wujud dalam diri responden yang menjadi mangsa buli. Hasil daripada temu bual dengan responden telah menghasilkan sub-sub tema berikut: a) Penghargaan sendiri rendah, b) Tekanan dan ancaman dan c) Efikasi sendiri rendah.

##### **4.3.4.1 Efikasi Kendiri Rendah**

Menurut Bandura (1977), efikasi sendiri merupakan penilaian sendiri seseorang tentang keupayaan diri atau sebaik mana dirinya akan bertindak dalam menghadapi sesuatu situasi. Dalam konteks kajian ini melihat kepada tahap efikasi sendiri yang rendah di hadapi oleh mangsa buli. Hasil dapatan daripada temu bual yang telah dijalankan

menunjukkan bahawa pengalaman berdepan fenomena buli mendatangkan implikasi yang amat besar terhadap efikasi sendiri mangsa buli. Ini adalah kerana konsep buli, perbuatan membuli dan kena buli akan terus bertapak di dalam memori mereka sehingga mereka meningkat dewasa, bersifat agresif, kecederaan fizikal, psikologi, sosial, dan pendidikan. Perkara ini dijelaskan dalam temu bual dengan peserta kajian MB1, MB2, dan MB4 seperti di bawah.

#### a) Kurang Motivasi

Motivasi merupakan satu bentuk dorongan tingkah laku organisma yang berterusan untuk menjalankan aktiviti yang dirangsangkan oleh sesuatu ganjaran. Hasil dapatan

kajian ini adalah berdasarkan rakaman temu bual dengan peserta kajian MB1, MB2, dan MB4 seperti di bawah:

“...dorm tu tak payah nak kemas sangat. Boleh tahan kemas la, tak macam nak over sangat, lepas tu kalau kat kelas pula aaaa, macam kalau la ada PJ ke apa, buat la pagi, tak nak la tengahari sangat sebab nanti panas...”

IBE: EKR/KM/MB1

“...kalau boleh saya nak riadah tu lama sikit sebab sekarang ni riadah sekejap je. Lepas tu aaaa cikgu-cikgu bagi masa sikit kat budak-budak sebab duduk asrama ni tidak banyak masa sangat. Lepas tu aaaa, saya rasa stress...”

IBE: EKR/KM/MB2

Berdasarkan kepada dapatan hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan iaitu GD2, GK1 dan GK2. Penjelasan hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan ini telah menunjukkan bahawa mangsa buli mengalami keadaan motivasi diri yang rendah melalui penampilan emosi mereka. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual seperti di bawah ini:

“...pelajar ini sehingga mengganggu emosi dan juga keadaannya di sekolah sehingga menyebabkan dia murung dan tidak dapat aaaa memfokus...”

IBE: EKR/KM/GD2

“...selalunya mangsa buli ni akan ada rasa rendah diri yang terlampau sehingga dia rasa dia tidak, semua kawan-kawan tak mahu berkawan dengannya. Jadi mereka akan asingkan diri aaaaaa dan cuba elakkan bersama dengan kawan-kawan...” IBE: EKR/KM/GK1

“...aaaaa pelajar-pelajar yang dibuli semakin lama semakin kita nampak pasif. Semakin lama semakin nampak kemurungan, semakin lama, semakin dia rasa self estem dia semakin rendah dan dia menjadi murung ...” IBE: EKR/KM/GK2

## **b) Kurang Keyakinan Diri**

Secara umum keyakinan diri boleh ditafsirkan sebagai kemampuan individu mempercayai dan yakin di atas kemampuan dirinya untuk melakukan sesuatu. Ianya tidak bergantung kepada penampilan diri, suara yang lantang atau pakaian yang boleh

menarik perhatian orang ramai. Hasil temu bual mendapati gejala buli ini memberikan kesan negatif sepanjang hayat kepada mangsa. Ianya mempengaruhi kehidupan mangsa buli dan mengganggu tumpuan pembelajaran mereka dan meninggalkan kesan negatif terhadap kehidupan mereka melalui tingkah laku yang ditunjukkan. Mangsa buli telah menghadapi keadaan yang penuh tekanan, kebimbangan yang tinggi, tidak bercampur dengan masyarakat dan rendah diri. Penjelasan oleh peserta kajian MB1 dinyatakan seperti yang berikut:

“Tak. Ermmm, saya tak nak pindah tu sebab kalau pindah ke sekolah lain tu takut susah nak dapat kawan ke apa...” IBE: EKR/KKD/MB1

Peserta kajian tambahan iaitu GD1 menjelaskan bahawa mangsa buli perasaan kurang keyakinan diri terhadap orang yang berada di sekitar mereka. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual seperti di bawah ini:

“Biasanya yang pembuli ni, yang dibuli ni, yang tidak mempunyai keyakinan yang tinggi dan dia tidak membalas perbuatan itu kepada orang lain...”

IBE: EKR/KKD/GD1

### c) **Kegelisahan**

Kegelisahan akibat daripada kesedihan merupakan satu daripada ekspresi akibat kecemasan, khuatir atau takut dan kekecewaan dengan sesuatu peristiwa dalam

kehidupan seharian. Perkara ini dijelaskan oleh peserta kajian MB1 dinyatakan seperti yang berikut:

“Saya diejek, saya rasa malu, dianggap seperti hamba, pecacai. Saya rasa marah, malu dengan rakan-rakan saya ...” IBE: EKR/G/MB1

#### **d) Gangguan Kesihatan**

Mangsa buli mengalami masalah kesihatan akibat tekanan daripada kes buli yang berlaku menyebabkan mereka hilang selera makan atau pun sakit. Perkara ini dijelaskan oleh peserta kajian MB2 dinyatakan seperti yang berikut:

“...saya rasa stress dan bila belajar tak dapat hafal quran pun tak dapat, lepas tu selalu pening kepala...” IBE: EKR/GK/MB2

#### **e) Mudah Putus Asa**

Putus asa atau putus pengharapan adalah sikap dalaman diri yang timbul sebagai akibat menanggung berbagai masalah hidup yang datang bertubi-tubi dalam hidup ini. Mangsa buli menyerah terhadap sesuatu yang diharapkannya. Ianya merupakan pembunuh semangat hidup mangsa buli dan tidak dapat melihat sesuatu hal yang baik yang Tuhan lakukan dalam hidup ini. Perkara ini dijelaskan oleh peserta kajian MB2, MB4, dan GK2 dinyatakan seperti yang berikut:

“Saya tidak berpuas hati dengan kehidupan saya kerana masa saya banyak diluangkan untuk membuat kerja-kerja senior...” IBE: EKR/PA/MB2

Peserta kajian tambahan iaitu GD1, GD2, GK1, dan GK2 menjelaskan bahawa mangsa buli mengalami tekanan dan situasi diancam oleh pembuli dan orang yang berada di sekitar mereka. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual seperti di bawah ini:

“...dia selalu bawa diri dan juga dia jenis senyap, menyendiri dan dia tak suka bergaul dengan sahabat-sahabat. Itulah di antara punca paling besar...”

IBE: EKR/KKD/GD2

“...di mana dia memerlukan sentuhan ataupun kasih sayang daripada seorang guru supaya dapat memantapkan pemikiran di antara kes kemurungan tersebut.”

IBE: EKR/KKD/GD2

“Saya melihat pelajar-pelajar yang dibuli ini self estem dia jatuh dan self estem, semangat dia untuk berdikari rendah untuk hidup rendah...” IBE:

EKR/KKD/GK2

#### f) Keresahan

Keresahan ialah keadaan emosi mangsa buli dalam ketakutan dan kebimbangan yang kronik, walaupun tidak ada rangsangan yang khusus. Ada saja yang mencemaskan

hatinya dan hampir setiap peristiwa menjadi sebab timbulnya rasa cemas dan takut. Misalnya takut kalau dipukul, disakiti atau dibuli. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual dengan peserta kajian MB2 seperti di bawah ini:

“Sudah banyak kali saya fikir untuk pindah sekolah kerana sering dibuli saya fikir saya pergi ke sekolah bukan untuk belajar tetapi untuk membuat kerja orang lain dan itu menyebabkan saya untuk ingin pindah sekolah lain tapi saya takut mak ayah saya marah...” IBE: EKR/R/MB2

#### g) Rendah Diri

Rendah diri membawa pengertian tentang perasaan menganggap terlalu rendah pada diri sendiri. Orang yang menganggap diri sendiri terlalu rendah dikatakan rendah diri. Orang yang rendah diri menganggap dirinya sendiri tidak mempunyai kemampuan yang bermakna. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan GD1, GD2, GK1, dan GK2 seperti di bawah ini:

“Ya. Aaaa mereka yang dibuli mengadu dengan saya kerana berasa malu aaaa dan malu ini. Maksudnya apa cerita pun mengenai mereka akan akan tersebar kepada rakan-rakan...” IBE: EKR/RD/GD1

“...yang membuatkan mereka rasa rendah diri rasa sakit hati. Ok ada, selain tu ada juga yang aaa mengadu kepada saya yang dia diasingkan daripada kumpulan...” IBE: EKR/RD/GK1

“...satu persepsi yang mana dia tak mahu bersosial dengan orang lain. Dia tidak mahu aaaaa ber, berbin, berbincang berkawan. Dia hidup sendiri dan dia rasa dengan hidup dia sendiri tu dia boleh aaaaaa tak diganggu orang lain...”

IBE: EKR/RD/GK2

### **h) Kebimbangan yang Tinggi**

Kebimbangan adalah reaksi normal kepada tekanan dan boleh benar-benar menjadi bermanfaat dalam sesetengah keadaan. Namun, kerisauan boleh menjadi berlebihan.

Manakala orang yang menanggung mungkin menyedari kebimbangan mereka adalah terlalu banyak, mereka juga mungkin mempunyai kesukaran mengawalinya dan ia boleh menjejaskan kehidupan harian. Terdapat pelbagai jenis gangguan kebimbangan, termasuk gangguan tekanan pasca trauma, dan kecelaruan. Perkara ini dijelaskan oleh peserta kajian MB1, MB2, dan MB5 dinyatakan seperti yang berikut:

“Tidak, tidak, sebab, sebab kalau saya macam buli balik orang lain nanti nama saya diburuk ke apa. Kawan tak nak dekat. Saya macam kena kecam ke oleh senior...” IBE: EKR/KT/MB1

“...cikgu Mizi la aaa sebab dia bantu saya dalam disiplin laaa aaaaa bantu...”

IBE: EKR/KT/MB5


Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan GD1, GD2, GK1, dan GK2 seperti di bawah ini:

“...ya, pernah dibuat aaaa memohon untuk bertukar sekolah dengan alasan dibuli dan dari situ baru kita tahu. Bila mak dia cerita dan kita cuba selesaikan masalah dia dan dia tidak jadi berpindah bila kita selesaikan.” IBE: EKR/KT/GD1

“Ok, aaa kebanyakan mangsa buli ni, dia memang tak selesa untuk berada di sekolah ataupun kelas terutama dia takut untuk berhadapan dengan pembuli ataupun orang yang kerap membulinya tu...” IBE: EKR/KT/GK1

“...kita tengok daripada kehadiran sebelum dan selepas dia dibuli nampak ketara. Pelajar-pelajar ini ponteng disebabkan dia tidak rasa seronok berada di sekolah di sebabkan kes-kes yang dibuli oleh kawan-kawan la.” IBE: EKR/KT/GK2

Dapatan kajian implikasi buli terhadap efikasi sendiri rendah ditunjukkan dalam Rajah 4.11 di bawah.



*Rajah 4.11.* Implikasi Buli Terhadap Efikasi Kendiri

Pengalaman berdepan fenomena buli mendatangkan implikasi yang amat besar terhadap efikasi sendiri mangsa buli. Ini adalah kerana konsep buli, perbuatan membuli dan kena buli akan terus bertapak di dalam memori mereka sehingga mereka meningkat dewasa, bersifat agresif, kecederaan fizikal, psikologi, sosial, dan pendidikan. Pebagai gejala negatif seperti kurang motivasi, kurang keyakinan diri, kegelisahan, gangguan kesihatan, mudah putus asa, keresahan, rendah diri dan kebimbangan yang tinggi. Semua implikasi negatif ini akan membawa kesan yang tidak baik dalam kehidupan seharian mangsa buli sehingga mereka dewasa.

#### 4.3.4.2 Kesukaran Akademik

Faktor-faktor yang dikaji adalah faktor personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga telah dikenal pasti sebagai penyebab kepada pencapaian prestasi yang rendah

terhadap prestasi akademik yang rendah dalam kalangan mangsa buli. Masalah gangguan daripada pembuli menyebabkan mangsa buli mengalami stress yang tinggi.

#### a) Pencapaian Akademik Rendah

Pencapaian akademik merujuk kepada pencapaian tertentu yang telah ditetapkan dan diperolehi oleh individu dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran. Tahap tersebut telah ditetapkan berdasarkan umur, proses pembelajaran yang dilalui serta kemampuan pelajar berkenaan dalam aspek sosialisasi, pendidikan dan kelayakan. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan GK2 seperti di bawah ini:

“...cikgu dapat melihat perbezaan di antara sebelum dan selepas dia dibuli. Jadi secara tidak langsung la, cikgu nampak perubahan dia...” IBE: KA/AR/K2

“...dan dia menjadi tak nak belajar, akademik dia semakin lama semakin jatuh...”

IBE: KA/AR/GK2

#### b) Sukar Mengingat

Menghafal dan memahami suatu isi pelajaran atau menghafal Al Quran memang bukan pekerjaan yang mudah, apalagi jika mangsa buli harus melakukannya dalam waktu yang singkat dan penuh tekanan. Tidak semua orang dianugerahi kemampuan mengingat yang tinggi. Bahkan lebih banyak yang harus berusaha keras hingga terlalu

memaksakan diri. Hasilnya, isi pelajaran dan maklumat yang berhasil diserap hanya sedikit seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian MB2.

“...saya rasa stress dan bila belajar tak dapat. Hafal quran pun tak dapat, lepas tu selalu pening kepala...” IBE: KA/SI/MB2

### c) Tidak Menyiapkan Kerja Sekolah

Latihan atau kerja rumah sering diberikan kepada murid-murid untuk mengukur tahap pemahaman murid terhadap sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan, selain itu latihan atau kerja rumah juga adalah sebagai salah satu pengukuhan dan pengayaan kepada murid. Namun apa yang menyedihkan, pelajar yang menjad i mangsa buli tidak menyiapkan dan seterusnya menghantar kerja rumah yang diberi kepada guru pada masa yang dijanjikan. Ini telah mengganggu pdpc dalam kelas seperti yang dijelaskan oleh peserta kajian MB2.

“...aaaa, saya rasa stress dan bila belajar tak dapat. Tak siap kerja sekolah. Hafal quran pun tak dapat, lepas tu selalu pening kepala...” IBE: KA/TSK/MB2


Hal ini dijelaskan lagi melalui hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan GD1, GD2, GK1, dan GK2 seperti di bawah ini:

“Ok, aaa, biasanya kita dapat laporan pelajar-pelajar yang dibuli ni. Aaaa, contohnya dia akan ponteng kelas. Dia tidak masuk kelas aaaaa...”

IBE: KA/TSK/GD1

“...dia akan duduk dalam keadaan yang senyap dan tak akan buat kerja dan dalam keadaan tertekan dan kita panggil. Kita tanya pun, aaaa ini pernah berlaku pada diri saya laaa. Pelajar pernah bercerita pada saya...” IBE: KA/TSK/GD2

Dapatan kajian sub implikasi buli terhadap aspek kesukaran akademik ditunjukkan dalam Rajah 4.12 di bawah.



Rajah 4.12. Sub Implikasi Buli Terhadap Aspek Kesukaran Akademik

Berdasarkan dapatan kajian ini, didapati faktor personaliti, faktor persekitaran dan faktor keluarga telah dikenal pasti antara penyebab kepada pencapaian prestasi yang rendah terhadap pencapaian akademik dalam kalangan mangsa buli. Masalah gangguan daripada pembuli menyebabkan mangsa buli mengalami stress yang tinggi sehingga mengganggu pdpc di dalam kelas. Mangsa buli juga sukar untuk mengingati isi pelajaran dan tidak menyiapkan kerja sekolah. Sekaligus ianya menyebabkan prestasi akademik yang rendah dalam kalangan mangsa buli.

#### 4.3.4.3 Tekanan dan Ancaman

Berhubung dengan dapatan daripada temu bual dengan peserta kajian, buli dari aspek tekanan dan ancaman bertujuan menunjukkan kekuatan diri terhadap mangsa buli yang lemah dan tidak berkemampuan. Ini secara tidak langsung, menjadikan mereka yang lemah perlu mematuhi atau menghormati mereka yang kuat. Tingkah laku buli merupakan tindakan agresif sama ada dalam bentuk fizikal atau verbal dan psikologikal terhadap mangsa buli secara berulang kali dengan tujuan untuk menakutkan mangsa sehingga menimbulkan perasaan tidak selesa, stress dan gelisah serta mendatangkan ketidak selesaian dalam diri mangsa.

##### a) Sedih

Sedih merupakan sejenis penyakit psikologi yang dikaitkan dengan perasaan marah, putus asa, kekurangan, pilu, kehilangan, tidak mampu melakukan apa-apa, dan pilu. Perasaan ini sangat negatif. Apabila seseorang menjadi sedih, dia menjadi beremosi, kurang bertenaga, dan kurang bercakap. Menangis merupakan tingkah laku menunjukkan kesedihan seperti yang dialami oleh peserta kajian MB3, MB4, dan MB5 di bawah:

“Rasa marah, rasa sedih juga la atau pun kena pukul, lebam la, aaa kena tampar la aaa...” IBE: TA/S/MB5

“Rasa, geram, marah, sedih, malu ermmmm...” IBE: TA/S/MB3

“Takut, sedih, geram. Saya rasa nak mengadu kat cikgu, kat keluarga saya...”

IBE: TA/S/MB4

Hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan GK1 juga telah menguatkan lagi dapatan kajian ini seperti yang dinyatakan di bawah:

“Ok, kebiasaaaanya la, mangsa buli memang dia akan rasa sedih. Perasaan terluka, malu terutama bila nak berhadapan dengan kawan-kawan yang lain...”

IBE: TA/S/GK1

“Ok, aaaaaa setakat ini tidak ada tetapi untuk pelajar yang tidak membabitkan kes kemurungan. Cuma sedih melampau ada tetapi belum sampai tahap kemurungan...” IBE: TA/S/GK1

## b) Tidak Berdaya

Apabila masalah buli berlaku, mangsa bulu merasakan diri mereka tidak berdaya dan terperangkap serta tidak tahu apa jalan terbaik untuk keluar. Ianya boleh menjadi lebih buruk apabila penjaga, ibu bapa atau guru yang mengetahui kejadian itu tidak mengambil tindakan sewajarnya seperti yang dijelaskan oleh peserta kajian MB2 di bawah:

“...lepas tu saya pernah dimalukan di depan rakan-rakan saya. Waktu saya berjalan dengan geng-geng saya, dia panggil saya macai, macam panggil saya hamba...” IBE: TA/TD/MB2

“...saya tak puashati dengan cikgu ni. Dia bagi saya banyak kerja sekolah. Apa-apa peraturan sekolah ketat. Aaaaa tak boleh nak berdating, tak puas hatinya cikgu bagi balik kelas lambat laaa, suruh kemas-kemas buku laaa...”

IBE: TA/PA/MB4

Dapatan hasil kajian berdasarkan temu bual dengan peserta kajian tambahan GD2 dan GK2 menguatkan lagi dapatan kajian ini:

“...dia selalu bawa diri dan juga dia jenis senyap, menyendiri dan dia tak suka bergaul dengan sahabat-sahabat...” IBE: TA/TD/GD2

“...satu persepsi yang mana dia tak mahu bersosial dengan orang lain. Dia tidak mahu aaaa ber berbin berbincang berkawan...” IBE: TA/TD/GK2

### c) Putus Asa

Putus asa adalah suatu keadaan dalam jiwa yang berasa dan menganggap bahawa apa yang diinginkan tidak akan tercapai atau perasaan dalaman diri mangsa buli yang mempunyai perasaan menyerah, putus semangat, tidak punya harapan lagi. Peserta kajian MB 2 menjelaskan di dalam temu bual di bawah:

“Saya rasa marah, saya rasa marah. Lepas tu saya rasa macam yang dia orang ni, dia orang ni tak pandai nak berdikari, tak pandai buat kerja sendiri ke...”

IBE: TA/PA/MB2

Hal ini telah disokong oleh temu bual dengan peserta kajian tambahan GD2 dan GK2 di dalam temu bual di bawah:

“...dia sedang dibuli dan dia tak boleh nak nak bergerak dan hidup di asrama dan sampai ada pelajar tu cuba untuk meminta balik ke rumah sebab dia tak boleh tengok keadaan...” IBE: TA/PA/GD2

“...satu persepsi yang mana dia tak mahu bersosial dengan orang lain...”

#### **d) Takut**

Pengertian dari takut merupakan perasaan gentar (ngeri) menghadapi sesuatu yg dianggap akan mendatangkan bencana. Rasa takut timbul pada diri seseorang disebabkan adanya kecenderungan untuk membela diri sendiri dari bahaya atau hanya perasaan yang tidak selesa terhadap sesuatu hal. Hal ini telah dialami oleh peserta kajian MB1, MB2, MB4, dan MB5 seeperti yang dinyatakan di bawah:

“...apa takut nanti kena dengan senior ke, nanti kat rumah pula, kena dengan bapa. Tak nak, tak nak...” IBE: TA/T/MB1

“...tapi saya takut, takut dia orang ragging. Takut dia orang marah. Jadi saya buat kerja tu.” IBE: TA/T/MB2

“Takut, sedih, geram. Saya rasa nak mengadu kat cikgu, kat keluarga saya...”  
IBE: TA/T/MB4


“Saya tidak pernah nak buli orang ni aaaaaa. Kalau dia rasa dia besar, saya tak nak pukul, takut dia pukul saya balik.” IBE: TA/T/MB5

“Tak pernah sebab saya takut...” IBE: TA/T/MB5

bual dengan guru yang merupakan peserta kajian tambahan iaitu GK1. Beliau menjelaskan bahawa mangsa buli mengalami keadaan takut kepada pembuli seperti yang dapat dilihat melalui hasil temu bual seperti di bawah ini:

“Ok, aaa kebanyakan mangsa buli ni dia memang tak selesa untuk berada di sekolah ataupun kelas terutama dia takut...” IBE: TA/T/GK1

Dapatan kajian sub implikasi buli terhadap aspek tekanan dan ancaman ditunjukkan dalam Rajah 4.13 di bawah.



*Rajah 4.13.* Sub Implikasi Buli Terhadap Aspek Tekanan dan Ancaman

Implikasi terhadap mangsa buli ditunjukkan dalam luahan mereka kepada pengkaji tentang perasaan sedih, tidak bermaya, putus asa dan takut buli. Tindakan pembuli terhadap mangsa buli dengan memberi tekanan dan mengancam mangsa buli bertujuan menunjukkan kekuatan diri terhadap mangsa buli yang lemah dan tidak berkemampuan. Ini secara tidak langsung, menjadikan mereka yang lemah perlu mematuhi atau menghormati mereka yang kuat.

#### 4.3.4.4 Tingkah Laku Distraktif

Tingkah laku bermasalah boleh didefinisikan sebagai tingkah laku yang tidak normal dan terkeluar dari nilai dan norma sosial masyarakat dan membahayakan diri sendiri. Tingkah laku bermasalah merujuk kepada sebarang tingkah laku yang boleh merosakkan kelancaran dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran khususnya di dalam bilik darjah. Jenis tingkah laku ini terbahagi kepada dua keadaan iaitu tingkah laku bermasalah positif yang dikenal pasti seperti perlakuan ingin tahu, cepat belajar, pintar cerdas dan proaktif. Manakala untuk tingkah laku bermasalah

negatif pula ialah perlakuan destruktif iaitu tingkah laku anti sosial, disruptif berkaitan tingkahlaku mengganggu, dan akhirnya tingkah laku bergantung yang berlebihan. Maka dalam konteks kajian ini hanya melihat kepada tingkah laku negatif.

### a) Klik

Pengertian klik adalah kelompok kecil yang terdiri daripada tiga atau empat orang individu yang terbentuk dari suatu kelompok yang lebih besar kerana frekuensi hubungan yang relatif tinggi atau sering bertemu. Hal ini telah wujud dalam kalangan mangsa buli kerana inginkan perasaan dilindungi seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian MB2 seperti di bawah:

“...dengan rakan-rakan saya tetapi kawan-kawan selalu support saya, selalu sokong saya aaaa. Saya rasa tak malu...” IBT: TLDT/K/MB2

Hal yang sama turut disokong oleh dapatan daripada temu bual dengan peserta kajian tambahan GD1 seperti yang dijelaskan dibawah:


“...dia cuma ada dua atau tiga orang kawan sahaja. Masalahnya pembuli yang dalam kumpulan yang lebih besar.” IBT: TLDT/K/GD1

### b) Geng

Geng merupakan salah satu dari kelompok sosial yang dapat tercipta dalam lingkungan sekolah atau lingkungan masyarakat dan lingkungan yang lain, hal ini terjadi disebabkan manusia merupakan makhluk sosial yang tidak mungkin dapat hidup sendiri di dunia. Geng merupakan suatu kelompok yang terdiri dari dua atau lebih individu yang memiliki hubungan psikologis secara jelas antara ahli dan berlangsung dalam situasi yang dialami seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian MB2 di bawah:

“...waktu saya berjalan dengan geng-geng saya, dia panggil saya macai macam panggil saya hamba. Saya juga pernah rasa terancam...” IBT: TLDT/G/MB2

Dapatan kajian sub implikasi buli terhadap tingkah laku destruktif ditunjukkan dalam Rajah 4.14 di bawah.



Rajah 4.14. Sub Implikasi Buli Terhadap Tingkah Laku Destruktif

Tingkah laku destruktif ditafsirkan sebagai tingkah laku yang tidak normal dan terkeluar dari nilai dan norma sosial masyarakat dan membahayakan diri sendiri serta orang di sekitar mereka. Tingkah laku bermasalah merujuk kepada sebarang tingkah laku yang boleh merosakkan kelancaran dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran khususnya di dalam bilik darjah. Tingkah laku destruktif iaitu tingkah laku anti sosial, disruptif berkaitan tingkahlaku mengganggu, dan akhirnya tingkah laku bergantung yang berlebihan terhadap orang lain untuk melindungi mangsa buli menyebabkan mereka tidak mempunyai keyakinan diri untuk berdepan dengan



khalayak. Sekaligus proses perkembangan mental mangsa buli akan terbantut tetapi mereka ini tidak mengganggu orang lain.

#### 4.3.4.5 Tingkah Laku Disruptif

Tingkah laku disruptif didefinisikan sebagai tingkah laku yang tidak normal dan terkeluar dari nilai dan norma sosial masyarakat sama ada dalam kehidupan bermasyarakat atau persekitaran sekolah dan membahayakan orang lain. Tingkah laku ini timbul kerana kurangnya keupayaan diri mangsa buli dalam menghadapi tekanan apabila menghadapi perubahan situasi dalam persekitaran. Tingkah laku negatif ini merujuk kepada perlakuan anti sosial dan tingkah laku mengganggu pelajar lain.

Tingkah laku bermasalah positif biasanya berlaku dalam aspek proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dapat dilihat melalui perlakuan pelajar yang cepat belajar, mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi, pintar cerdas dan proaktif dan lebih dikenali sebagai hiperaktif positif.

##### a) Nakal

Nakal merujuk kepada mangsa buli berkelakuan lincah, tidak duduk diam atau sentiasa melakukan sesuatu yang tidak menyenangkan atau disenangi oleh orang lain di sekelilingnya. Tindakan ini boleh menimbulkan tidak senang hati apabila seseorang memerhatikan beliau kerana bimbang ia akan mengganggu pelajar lain dalam kelas. Pelajar ini suka membuat bising di dalam bilik darjah, suka menimbulkan keadaan yang tidak tenteram dengan mengganggu pelajar lain dan berjalan-jalan di dalam bilik darjah





ketika guru tiada di dalam kelas serta tidak menumpukan perhatian terhadap aktiviti pdpc.

“Ok. Pelajar-pelajar yang berpindah ke sini ye, pelajar-pelajar yang saya jumpa, pelajar-pelajar yang berpindah ke sekolah ini, badan dia besar, dia masih membuli orang ...” IBT: TLDR/N/GK2

“...dia membuli orang terutamanya yang junior-junior. Mereka mengekalkan sikap yang membalas dendam daripada sekolah lama ke sekolah baru.”

IBT: TLDR/N/GK2

#### **b) Bergerak Sesuka Hati**

Bergerak sesuka hati iaitu mangsa buli yang suka keluar masuk kelas tanpa kebenaran, berjalan-jalan di dalam kelas semasa sesi pembelajaran berlaku, melakukan aktiviti yang disukai bila-bila masa. Dalam masa yang sama mereka suka bertindak suka hati tanpa memikirkan orang lain seperti melepak, tidak mahu mengikut peraturan dan melakukan perkara yang mereka suka seperti hasil daripada temu bual dengan peserta kajian MB2, MB3, dan MB4:

“Saya ingin hidup bebas seperti pelajar lain.....” IBT: TLDR/B/MB2

“...dan bebas dari buli. Kalau boleh saya nak riadah tu lama sikit sebab sekarang ni riadah sekejap je. Lepas tu aaaa cikgu-cikgu bagi masa sikit kat budak-budak sebab duduk asrama ni tidak banyak masa sangat...” IBT: TLDR/B/MB2



“Ermmmm, nak hidup dengan seronok. Kalau kat sekolah tu ada peraturan yang ketat...” IBT: TLDR/B/MB3

“...tak berapa nak suka peraturan tu macam tak boleh nak auter seluar, apa tu, aaaa, lepas tu tak boleh pakai scarf laaa, lepas tu kalau dekat rumah, kena buat kerja rumah selalu, lepas tu, kena jaga adik-adik laaa...” IBT: TLDR/B/MB3

“Saya nak bebas, nak dating sekolah, kawan-kawan belanja, tolong belikan makanan, nak dapat cikgu yang sporting kawan-kawan yang sporting...”

IBT: TLDR/B/MB4

### c) Agresif Fizikal

Kelakuan atau bertingkah laku yang tersangat agresif. Selain itu ia merujuk kepada kelakuan nakal iaitu suka mengganggu kawan-kawan, membuli atau menyakat kawan-kawan sekelas. Hal ini dijelaskan dalam temu bual dengan peserta kajian MB1, MB2, dan MB4 seperti di bawah:

“Haaa, tapi saya tak bayar laaa. Jadi lepas tu, malam tu dia macam nak panggil gitukan. Ermmmm, saya macam tak nak ikut, saya duduk kat dorm je...”

IBT: TLDR/AF/MB1

“...saya buli budak form 1. Saya kena buat kerja tu. Saya bagi budak ni buat sikit, saya buat sikit. Lagi saya pernah buli budak form 1 tapi arahan dari budak form 4.” IBT: TLDR/AF/MB2

“Pernah rasa nak buat balik apa yang dia buat kat saya contohnya nak pukul dia lebih daripada yang dia buat saya tu la.” IBT: TLDR/AF/MB4

“Saya nak bebas, nak dating sekolah, kawan-kawan belanja, tolong belikan makanan, nak dapat cikgu yang sporting, kawan-kawan yang sporting...”

IBT: TLDR/AF/MB4

Dapatan di atas telah disokong oleh hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan GK1 dan GK2 seperti di bawah:

“...mereka bertindak berpindah ke sekolah lain. Tu sekiranya dia seorang apa agak agak agresif. Dia akan membalas kembali perbuatan itu.”

“...dia membuli orang terutamanya yang junior-junior. Mereka mengekalkan sikap yang membalas dendam daripada sekolah lama ke sekolah baru.”

IBT: TLDR/AF/GK2

#### **d) Agresif Lisan**

Sikap yang ditonjolkan secara agresif lisan misalnya menggunakan kata-kata kasar, lucu, kurang ajar, dan tidak sopan seperti melawan guru. Hal ini ada dinyatakan dalam hasil temu bual dengan peserta kajian MB1, MB2, dan MB3 di bawah ini:

“Saya rasa erm macam ada la nak balas balik. Macam tu apa rasa macam nak erm saya rasa geram dengan dia. Macam kalau boleh supaya dia masuk penjara ke apa, ermmm...” IBT: TLDR/AL/MB1

“...sebab dia macam tak puas hati la sebab tak puas hati la, sebab macam cari pasal dengan dia la aaa...” IBT: TLDR/AL/MB3

“...member saya sorang lagi tu, dia keluar kaki tetapi cikgu nampak tetapi cikgu buat-buat tak Nampak. Lepas tu saya cakap kalau kawan yang tu boleh pula keluar kaki lepas tu cikgu marah. Dia kata saya kurang ajar dengan cikgu...” IBT: TLDR/AL/MB3

05-4506832 Hasil dapatan daripada temu bual dengan peserta kajian tambahan GD2 dan GK2 telah menyokong dapatan kajian di atas seperti yang dinyatakan di bawah:

“...dia bawa cerita cara mereka bergaduh dan cara mereka memerintah di rumah dibawa ke sekolah supaya dia dapat merasakan seperti mana yang ibu bapa dia buat tingkah laku tersebut laa.” IBT: TLDR/AL/GD2


“...dia membuli orang terutamanya yang junior-junior...”  
IBT: TLDR/AL/GK2

#### e) Memberontak

Meragam atau memberontak adalah salah satu sifat semula jadi yang ada pada kanak-kanak namun ada kala sifat ini menimbulkan kerunsingan dan kemarahan orang sekeliling akibat daripada tekanan daripada pembuli. Hasil dapatan temu bual dengan peserta kajian MB1, MB2, MB2, dan MB4 ditunjukkan di bawah:

“Saya rasa, erm macam ada la nak balas balik macam tu. Apa rasa macam nak errrm, saya rasa geram dengan dia...” IBE: TA/M/MB1

“Ada masa, kadang-kadang saya rasa macam nak balas dendam. Dia bagi kerja banyak sangat. Saya terpaksa bagi kat dia, ada kerja saya yang saya suruh dia buat...” IBE: TA/M/MB2

 “Saya pernah terfikir untuk membuat perkara yang sama setelah saya menjadi senior.” IBE: TA/M/MB2

“Tak berapa nak puas hati lagi sebab takut la orang yang buli tu. Dia ungkit perkara yang lama pernah tak puas hati dengan sorang cikgu...”  
IBE: TA/M/MB3

“Pernah rasa nak buat balik apa yang dia buat kat saya. Contohnyaa nak pukul dia lebih daripada yang dia buat saya tu la.” IBE: TA/M/MB4

“...aaaaa dia ejek nama ayah laaa, macam malas cerita laa. Lepas tu saya marah, saya tak nak pukul...” JBT: TA/P/MB5

Dapatan ini disokong oleh hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan GK1 seperti di bawah:

“Ok, aaaa untuk kes balas dendam ni aaaa. Ada beberapa faktor, aaa mungkin sebelum ni dari semasa dia bersekolah atau pengalaman dia yang lampau...”


IBE: TA/M/GK1

“...tetapi dia cuba membuat benda yang sama kepada murid yang lebih junior la kepada dia. Kedua, faktor kadang-kadang mungkin ...” IBE: TA/M/GK1

“...aaaa, dia akan balas dendam kepada orang yang sama, yang mana pernah membulinya. Jadi dia ingin membalas dendam, dia aaaa mencari jalan untuk

“...sekiranya dia seorang apa, agak-agak agresif, dia akan membalas kembali perbuatan itu.” IBE: TA/M/GK1

Dapatan kajian sub implikasi buli terhadap tingkah laku disruptif ditunjukkan dalam Rajah 4.15 di bawah.



Rajah 4.15. Sub Implikasi Buli Terhadap Tingkah Laku Distrusif

Tingkah laku ini timbul kerana kurangnya keupayaan diri mangsa buli dalam menghadapi tekanan apabila menghadapi perubahan situasi dalam persekitaran. Tingkah laku negatif ini merujuk kepada perlakuan anti sosial dan tingkah laku mengganggu pelajar lain. Tingkah laku bermasalah positif biasanya berlaku dalam aspek proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dapat dilihat melalui perlakuan pelajar yang hiperaktif negatif seperti nakal, bergerak sesuka hati dengan mengganggu orang lain, memberontak, agresif lisan dan fizikal. Situasi mangsa buli ini boleh mengganggu orang lain.

#### 4.3.4.6 Kebergantungan Berlebihan

Tingkah laku kebergantungan berlebihan adalah merujuk kepada kegagalan mangsa buli untuk menunjukkan tingkah laku tanpa sokongan orang lain seperti rakan atau guru. Sekiranya mangsa buli dapat melakukan sesuatu, ianya hanya dengan adanya

sokongan dan bantuan rakan atau guru, mereka dapat melakukan sesuatu hanya dengan adanya sokongan dan bantuan rakan atau guru, mereka sebenarnya telah bergantung dan bukan tidak berkeupayaan.

#### a) **Kebimbangan Berlebihan**

Kebimbangan iaitu perasaan kurang senang yang disebabkan takut bahawa sesuatu yang tidak diinginkan akan berlaku. Perasaan ini berkait rapat dengan emosi ketakutan. Perbezaan di antara kebimbangan dan ketakutan adalah kurang jelas. Mangsa buli juga mempunyai nilai sendiri yang rendah dan sering bergantung pada orang lain dalam apa juga aktiviti yang dijalankan seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian MB1 di

bawah:

“Tidak pernah. Saya tak nak balas tu sebab nanti mula kena panggil laa, apa. Takut nanti kena dengan senior ke. Nanti kat rumah pula kena dengan bapa. Tak nak, tak nak...” IBT: TLBB/B/MB1

“...Ermmmm, eeeee, saya puashati sebab sekolah ni kawan-kawan dia macam rapat, mesra gitu. Lepas tu cikgu dia pula pun baik, ermddd, selalu ambil berat gitu laa. Macam guru kelas ada la tanya dan ambil tindakan.”

IBT: TLBB/B/MB1

## b) Pengunduran Diri

Pengunduran diri iaitu penarikan dari suatu situasi yang kurang selamat dan mengancam diri mangsa buli. Peserta kajian MB1 dan MB2 telah menjelaskan di dalam hasil temu bual di bawah:

“Tidak, tidak, sebab, sebab kalau saya macam buli balik orang lain, nanti nama saya diburuk ke apa. Kawan tak nak dekat...” IBT: TLBB/PD/MB1

“Sudah banyak kali saya fikir untuk pindah sekolah kerana sering dibuli. Saya fikir saya pergi ke sekolah bukan untuk belajar tetapi untuk membuat kerja orang lain...” IBT: TLBB/PD/MB2

“...dan itu menyebabkan saya untuk ingin pindah sekolah lain...”

IBT: TLBB/PD/MB2

Perkara di atas telah dikuatkan lagi dengan hasil temu bual dengan peserta kajian tambahan GK1 dan GK2 di bawah:

“...selalunya dia orangkan, ermmmm, mula-mulanya sering tidak hadir ke sekolah sehingga lama-kelamaannya, mereka bertindak berpindah ke sekolah lain...” IBT: TLBB/PD/GK1

“...nampak ketara pelajar-pelajar ini, ponteng disebabkan dia tidak rasa seronok berada di sekolah di sebabkan kes-kes yang dibuli oleh kawan-kawan la.”

IBT: TLBB/PD/GK2

“...dia sebenarnya ada kes yang berpindah ...” IBT: TLBB/PD/GK2

### c) Pengasingan Diri

Pengasingan diri iaitu mangsa buli tidak mahu terlibat dalam proses pdpc. Mangsa buli suka mengasingkan diri ini kebiasaannya tidak mahu bergaul dengan kawan-kawan yang lain. Mereka suka menjauhkan diri dari kelompok dan meletakkan dirinya di satu sudut atau tempat terpencil. Mangsa buli suka mengasingkan diri mempunyai beberapa sebab tertentu seperti keadaan yang mengancam dan menakutkannya seperti yang dinyakan oleh peserta kajian tambahan GD1, GD2, GK1, dan GK2 dalam hasil temu

bual di bawah ini:

“Ok, aaa biasanya kita dapat laporan pelajar-pelajar yang dibuli ni aaa. Contohnya dia akan ponteng kelas. Dia tidak masuk kelas...”

IBT: TLBB/P/GD1

“...perubahan drastik kepada mangsa itu. Dia akan duduk dalam keadaan yang senyap dan tak akan buat kerja dan dalam keadaan tertekan dan kita panggil...”

IBT: TLBB/P/GD2


“...mangsa buli ni memang ada masalah la dalam hubungan sosialnya pelajar-pelajar lain kerana selalunya mangsa buli ni akan ada rasa rendah diri yang terlampau...” IBT: TLBB/P/GK1

“...semua kawan-kawan tak mahu berkawan dengannya. Jadi mereka akan asingkan diri, aaaaaa dan cuba elakkan bersama dengan kawan-kawan...”

IBT: TLBB/P/GK1

“...pelajar-pelajar yang dibuli semakin lama semakin kita nampak pasif, semakin lama semakin nampak kemurungan...” IBT: TLBB/P/GK2

Dapatan kajian sub implikasi buli terhadap tingkah laku kebergantungan berlebihan ditunjukkan dalam Rajah 4.16 di bawah.



Rajah 4.16. Sub Implikasi Buli Terhadap Tingkah Laku Kebergantungan Berlebihan

Berdasarkan analisis kajian, mangsa buli terlalu mengharapkan bantuan rakan atau guru dalam melakukan sesuatu aktiviti. Hanya dengan adanya sokongan dan




bantuan rakan atau guru, mereka dapat melakukan sebarang tugas. Mangsa buli juga mempunyai nilai sendiri yang rendah dan sering bergantung pada orang lain dalam apa juga aktiviti yang dijalankan kerana sentiasa berasa bimbang dengan ancaman pembuli. Mangsa buli juga amat mudah menarik diri dari khalayak apabila menyedari bahawa mereka terancam. Pengasingan diri juga akan berlaku dan mereka tidak mahu terlibat dalam proses pdpc. Mangsa buli suka mengasingkan diri ini kebiasaannya tidak mahu bergaul dengan kawan- kawan yang lain. Mereka suka menjauhkan diri dari kelompok dan meletakkan dirinya di satu sudut atau tempat terpencil.

#### **4.3.4.7 Rumusan Dapatan Kajian Kepada Persoalan Kajian 4**

Rumusan kajian implikasi buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar ditunjukkan dalam Rajah 4.17 di bawah.





Rajah 4.17. Implikasi Buli

Pelbagai gejala negatif seperti kurang motivasi, kurang keyakinan diri, kegelisahan, gangguan kesihatan, mudah putus asa, keresahan, rendah diri dan kebimbangan yang tinggi. Semua implikasi negatif ini akan membawa kesan yang tidak baik dalam kehidupan seharian mangsa buli sehingga mereka dewasa. Masalah gangguan daripada pembuli menyebabkan mangsa buli mengalami stress yang tinggi sehingga mengganggu pdpc di dalam kelas. Mangsa buli juga sukar untuk mengingat isi pelajaran dan tidak menyiapkan kerja sekolah. Sekaligus ianya menyebabkan prestasi akademik yang rendah dalam kalangan mangsa buli.




Tindakan pembuli terhadap mangsa buli dengan memberi tekanan dan mengancam mangsa buli bertujuan menunjukkan kekuatan diri terhadap mangsa buli yang lemah dan tidak berkemampuan. Ini secara tidak langsung, menjadikan mereka yang lemah perlu mematuhi atau menghormati mereka yang kuat. Tingkah laku destruktif iaitu tingkah laku anti sosial, disruptif berkaitan tingkahlaku mengganggu, dan akhirnya tingkah laku bergantung yang berlebihan terhadap orang lain untuk melindungi mangsa buli menyebabkan mereka tidak mempunyai keyakinan diri untuk berdepan dengan khalayak. Sekaligus proses perkembangan mental mangsa buli akan terbantut tetapi mereka ini tidak mengganggu orang lain.

Manakala tingkah laku disruptif dapat dilihat melalui perlakuan pelajar yang hiperaktif negatif seperti nakal, bergerak sesuka hati dngan mengganggu orang lain, memberontak, agresif lisan dan fizikal. Situasi mangsa buli ini boleh mengganggu orang lain. Mangsa buli juga mempunyai nilai sendiri yang rendah dan sering bergantung pada orang lain dalam apa juga aktiviti yang dijalankan kerana sentiasa berasa bimbang dengan ancaman pembuli. Mangsa buli juga amat mudah menarik diri dari khalayak apabila menyedari bahawa mereka terancam. Pengasingan diri juga akan berlaku dan mereka tidak mahu terlibat dalam proses pdpc. Mangsa buli suka mengasingkan diri ini kebiasaannya tidak mahu bergaul dengan kawan-kawan yang lain. Mereka suka menjauhkan diri dari kelompok dan meletakkan dirinya di satu sudut atau tempat terpencil.



### 4.3.5 Rumusan Dapatan Kajian



Rajah 4.18. Implikasi Buli Terhadap Emosi dan Tingkah Laku

Berdasarkan dapatan kajian, faktor pelajar dibuli menunjukkan peniruan tingkah laku berlaku melalui pengaruh persekitaran. Tingkah laku guru dapat merangsang pelajar untuk melakukan tingkah laku buli dalam kalangan mereka. Selain itu, tingkah laku ibu bapa juga mempengaruhi perubahan tingkah laku anak-anak mereka seperti melepaskan perasaan tidak puas hati terhadap tindakan kasar di rumah kepada rakan sebaya. Tindakan membuli terhadap mangsa adalah disebabkan oleh faktor pergaulan yang sangat berpengaruh dalam kehidupan pelajar. Kepincangan institusi kekeluargaan telah menyumbang kepada salah laku buli dalam kalangan pelajar kerana mereka tinggal dengan datuk dan nenek yang tidak berupaya mengawal tingkah laku para pelajar. Pihak sekolah juga tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk mengawasi dan mendisiplinkan pelajar kerana dibebani dengan tugas-tugas sampingan yang banyak mendorong gejala buli menular dengan berleluasa dalam

Hasil penelitian mendapati media massa sangat menyumbang kepada berlakunya gejala buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar. Media-media ini sering menyiarkan filem-filem dan video-video pendek yang memberikan kesan besar terhadap penonton. Paparan aksi ganas seperti pergaduhan, aksi-aksi yang berbahaya telah meninggalkan kesan negatif terhadap pelajar yang merupakan sebahagian besar penonton yang tidak menyedari akibat daripada perbuatan mereka. Lantas para pelajar ini mengaplikasikan apa yang dilihat dan ditonton terhadap rakan pelajar yang lain.



Jenis buli yang telah dikenal pasti berdasarkan dapatan kajian menunjukkan buli emosi menjadi antara jenis buli yang popular dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar. Gejala buli adalah kata-kata menghina dan usik-usik yang menjejaskan psikologi dan emosi mangsa. Buli emosi dapat dikenal pasti melalui sub-sub tema dalam dapatan kajian. Terdapat beberapa jenis tingkah laku buli terhadap emosi secara verbal seperti cemuhan, hinaan, panggilan nama, ejekan dan ugutan, manakala jenis tingkah laku buli antisosial seperti pemuluan, menyebabkan gosip liar dan memanipulasikan hubungan sosial dan psikologi pula lebih kepada ejek-mengejek, misalnya jika nama pelajar atau nama bapa pelajar agak luar biasa, maka itu akan dijadikan bahan ejekan pelajar senior yang membuli. Perlakuan buli secara verbal adalah seperti mengugut, mengejek, mengosip, fitnah dan memulau kehadiran seseorang. Jenis tingkah laku buli antisosial (secara psikologi) seperti pemuluan, menyebabkan gosip liar dan memanipulasikan hubungan sosial.



Semua peserta kajian telah mengalami situasi buli ini. Mangsa buli sering berdepan dengan pembuli yang bersikap dan bertingkah laku agresif. Pembuli akan berasa seronok melihat mangsa buli sengsara. Mangsa buli sering dibuli secara fizikal merangkumi perbuatan seperti memukul, menumbuk, menyepak, mengugut, menampar, menarik, menolak, atau mencubit sehingga menyebabkan kecederaan kepada mangsa. Pembuli juga kurang empati dan mereka percaya mangsa memang patut dibuli. Pembuli akan berasa puas hati apabila mangsa buli berada dalam keadaan ketakutan tertekan. Penderaan fizikal berlaku apabila pembuli melakukan kekasaran fizikal terhadap mangsa buli lalu dan mencederakan mangsa buli itu. Penderaan fizikal merangkumi perbuatan melakukan tekan tubi, memukul, menyebat, menendang, menggoncang, mencekik, melecurkan, membakar, meracunkan, melemaskan dan





mengenakan hukuman dera yang teruk Mangsa buli akan mengalami trauma yang berpanjangan dan meninggalkan kesan negatif dalam hidup mereka.

Berdasarkan analisis kajian, mangsa buli terlalu mengharapkan bantuan rakan atau guru dalam melakukan sesuatu aktiviti. Hanya dengan adanya sokongan dan bantuan rakan atau guru, mereka dapat melakukan sebarang tugas. Mangsa buli juga mempunyai nilai sendiri yang rendah dan sering bergantung pada orang lain dalam apa juga aktiviti yang dijalankan kerana sentiasa berasa bimbang dengan ancaman pembuli. Mangsa buli juga amat mudah menarik diri dari khalayak apabila menyedari bahawa mereka terancam. Pengasingan diri juga akan berlaku dan mereka tidak mahu terlibat dalam proses pdpc. Mangsa buli suka mengasingkan diri ini kebiasaannya tidak mahu bergaul dengan kawan-kawan yang lain. Mereka suka menjauhkan diri dari kelompok dan meletakkan dirinya di satu sudut atau tempat terpencil.

### **4.3.6 Dapatan Analisis Dokumen**

#### **4.3.6.1 Peserta Kajian Pertama**

Berdasarkan rekod dokumen yang diperolehi menunjukkan bahawa peserta kajian pertama anak sulung berumur 14 tahun dan mempunyai empat adik-beradik dan merupakan pelajar tingkatan dua Ibnu Khaldun. Peserta kajian pertama mempunyai pencapaian akademik yang sederhana. Bapa peserta kajian bekerja sebagai guru manakala ibunya bekerja sebagai pensyarah universiti. Peserta kajian mempunyai satu rekod disiplin iaitu menjadi mangsa buli. Peserta kajian tidak pernah menjalani sesi kaunseling kerana berjaya diselesaikan oleh guru disiplin atas menerima nasihat





daripada guru kaunseling. Peserta kajian tidak mempunyai masalah ponteng sekolah kerana tinggal di asrama.

#### 4.3.6.2 Peserta Kajian Kedua

Berdasarkan rekod dokumen yang diperolehi menunjukkan bahawa peserta kajian kedua berumur 15 tahun dan mempunyai lima adik-beradik dan merupakan pelajar tingkatan tiga Ibnu Majah. Peserta kajian kedua mempunyai pencapaian akademik yang sederhana. Ibu peserta kajian kedua bekerja sebagai guru manakala bapanya tidak bekerja. Peserta kajian kedua mempunyai rekod dibuli dan membuli dalam masa yang sama. Peserta kajian pernah menjalani sesi kaunseling bersama guru kaunseling dan guru disiplin. Peserta kajian tidak mempunyai masalah ponteng sekolah kerana tinggal di asrama.



#### 4.3.6.3 Peserta Kajian Ketiga

Berdasarkan rekod dokumen yang diperolehi menunjukkan bahawa peserta kajian ketiga berumur 14 tahun dan mempunyai empat adik-beradik dan merupakan pelajar tingkatan dua Al Farabi. Peserta kajian ketiga mempunyai pencapaian akademik yang rendah. Bapa peserta kajian bekerja sebagai pencuci kereta manakala ibunya tidak bekerja. Peserta kajian mempunyai dua rekod disiplin iaitu menjadi mangsa buli dan merokok. Peserta kajian pernah menjalani dua sesi kaunseling individu. Peserta kajian mempunyai rekod kehadiran ke sekolah yang sederhana.





#### 4.3.6.4 Peserta Kajian Keempat

Berdasarkan rekod dokumen yang diperolehi menunjukkan bahawa peserta kajian keempat berumur 14 tahun dan mempunyai empat adik-beradik dan merupakan pelajar tingkatan dua Al Farabi. Peserta kajian keempat mempunyai pencapaian akademik yang rendah. Peserta kajian ini tinggal dengan seorang nenek kerana ibunya sudah meninggal dunia manakala bapanya tidak dapat dikesan. Peserta kajian pernah menjalani dua sesi kaunseling individu. Peserta kajian mempunyai rekod kehadiran ke sekolah yang sederhana.

#### 4.3.6.5 Peserta Kajian Kelima

Berdasarkan rekod dokumen yang diperolehi menunjukkan bahawa peserta kajian kelima berumur 16 tahun dan mempunyai dua beradik sahaja. Dia merupakan pelajar tingkatan empat Al Razzi. Peserta kajian kelima mempunyai pencapaian akademik yang rendah. Peserta kajian ini tinggal dengan datuk dan nenek kerana bapanya telah meninggal dunia manakala ibunya tidak dapat dikesan. Peserta kajian mempunyai dua rekod disiplin kerana menjadi mangsa buli dan pernah menjalani tiga sesi kaunseling individu. Peserta kajian mempunyai rekod kehadiran ke sekolah yang sederhana.

#### 4.3.6.6 Ulasan Analisis Dokumen

Analisis tentang rekod dokumen peserta kajian menunjukkan dua mangsa buli menunjukkan pencapaian akademik yang sederhana tetapi tidak mempunyai masalah



ponteng kerana tinggal di asrama sekolah. Manakala tiga orang peserta kajian lagi mempunyai rekod pencapaian akademik yang rendah dan mereka menunjukkan rekod kedatangan ke sekolah yang kurang memberangsangkan. Berdasarkan dapatan hasil analisis dokumen kebanyakan mereka yang menjadi mangsa buli mengalami krisis emosi yang serius adalah pelajar yang tinggal di asrama berbanding peserta kajian yang tinggal di rumah.

Berdasarkan kepada rekod disiplin ini telah menyokong dapatan daripada hasil temu bual dengan peserta kajian utama dan peserta kajian tambahan yang terdiri daripada kalangan guru disiplin dan guru kaunseling sekolah berkenaan. Peserta-peserta kajian juga pernah melalui sesi kaunseling beberapa kali bersama dengan guru disiplin dan guru kaunseling. Dapatan dokumen ini mengesahkan keterlibatan peserta kajian sebagai mangsa buli di sekolah dan keterlibatan mereka dalam kes-kes lain.

#### 4.4 Rumusan

Huraian dapatan kajian ini menjelaskan tentang implikasi buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah di luar bandar. Dapatan ini juga disokong oleh hasil temu bual guru disiplin dan guru kaunseling yang mendapati gejala buli ini telah meninggalkan impak yang besar terhadap mangsa buli terutamanya yang tinggal di asrama. Daripada hasil kajian ini, dapat dilihat bahawa ibu bapa dan guru sudah tidak menjadi model dalam kehidupan remaja kini. Golongan pelajar kini lebih percaya dan mudah terpengaruh dengan rakan sebaya untuk berkongsi segala masalah. Kesibukan ibu bapa terhadap kesibukan mencari rezeki menyebabkan berlaku pengabaian terhadap

tanggungjawab mendidik anak-anak sehinggakan mendorong mereka mencari kebebasan di luar rumah. Selain itu, jumlah pelajar yang ramai dalam sesebuah sekolah dan kekangan masa telah menyukarkan guru untuk mengawasi mereka.

Hasil temu bual bersama lima orang pelajar yang menjadi mangsa buli dan dua orang guru disiplin serta dua orang guru kaunselor dijelaskan bagi menunjukkan bahawa gejala buli sangat mempengaruhi kehidupan mangsa buli sehingga mereka dewasa. Selain itu analisis dokumen yang berkaitan dengan pencapaian akademik menunjukkan pencapaian yang rendah dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli. Namun demikian, kadar ponteng kelas dan ponteng sekolah tidak serius. Sebanyak empat tema utama dikesan melalui aspek faktor pelajar dibuli, jenis buli emosi, jenis buli tingkah laku dan implikasi buli terhadap emosi dan tingkah laku. Kesemua tema

dan sub tema dilaporkan secara terperinci dan setiap tema dijelaskan melalui rajah yang disertakan.

## BAB 5

### RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Bab ini membincangkan secara kritis terhadap keseluruhan dapatan kajian yang telah diperolehi serta beberapa cadangan untuk dijadikan panduan kepada pengkaji akan datang yang berminat untuk mengkaji lebih mendalam skop tajuk ini. Perbincangan ini akan menjelaskan persoalan, tujuan dan konteks kajian. Huraian perbincangan akan dilakukan terhadap setiap persoalan yang dibina. Perbincangan akan berkisar kepada sokongan kajian lepas dan teori yang telah dipilih. Pada umumnya, perbincangan dalam bab ini akan berdasarkan keputusan analisis kajian dan membicarakan persoalan kajian yang dikemukakan terlebih dahulu. Seterusnya penyelidik akan menghuraikan tentang implikasi buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar.



## 5.2 Ringkasan Kajian

Kajian berbentuk kualitatif ini adalah bertujuan untuk mengkaji implikasi gejala buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar. Kajian ini berbentuk kajian kes. Peserta-peserta dalam kajian ini terdiri daripada peserta kajian-peserta kajian utama dan peserta kajian-peserta kajian tambahan.

Peserta Kajian utama terdiri daripada lima orang pelajar sekolah iaitu tiga orang lelaki dan dua orang perempuan yang berumur antara 13 hingga 17 tahun. Manakala peserta kajian tambahan pula terdiri daripada dua orang guru disiplin dan dua orang guru kaunselor daripada dua buah sekolah luar bandar di Bentong. Sampel kajian merujuk kepada kelompok sasaran iaitu pelajar sekolah menengah yang berumur 13 hingga 17 tahun. Oleh sebab kajian ini dilakukan pada awal tahun iaitu sepanjang bulan Januari sehingga Mac, kes-kes yang mereka terlibat adalah berdasarkan kes-kes tahun lepas. Walaubagaimanapun mangsa buli juga masih mengalami pelbagai situasi seperti hasil dapatan kajian yang akan dibincangkan nanti. Sungguhpun demikian, hasil tindakan pantas pihak sekolah juga telah berjaya mengurangkan kes yang membabitkan pembuli.

Hasil daripada dapatan kajian kes melalui pendekatan kualitatif ini telah mengenal pasti sebanyak tiga tema yang terhasil dari aspek faktor mendorong pelajar dibuli, dua tema yang diperolehi dari aspek jenis buli yang lazim mempengaruhi emosi, dua tema yang diperolehi dari aspek jenis buli yang lazim mempengaruhi dan tingkah laku dan enam tema yang diperolehi dari aspek implikasi jenis buli yang lazim terhadap emosi dan tingkah laku pelajar.



Oleh yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk menghuraikan objektif kajian kajian kes ini secara khusus untuk:

- a) Mengetahui pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar sekolah menengah di luar bandar dibuli.
- b) Mengetahui pasti jenis buli yang lazim mempengaruhi emosi pelajar sekolah menengah di luar bandar.
- c) Mengetahui pasti jenis buli yang lazim mempengaruhi dan tingkah laku pelajar sekolah menengah di luar bandar.
- d) Mengetahui pasti implikasi jenis buli yang lazim terhadap emosi dan tingkah laku pelajar sekolah menengah luar bandar.

Bab ini membincangkan secara keseluruhan tentang faktor yang mendorong pelajar-pelajar dibuli berdasarkan tema utama yang diperolehi daripada kajian iaitu: i) peniruan tingkah laku; ii) kekurangan pengawasan; dan iii) pengaruh media massa. Bagi aspek jenis buli yang lazim mempengaruhi emosi pelajar, sebanyak dua tema telah dikenal pasti iaitu: i) penderaan secara verbal dan; ii) penderaan secara mental dan fizikal. Bagi aspek jenis buli yang lazim mempengaruhi tingkah laku pelajar, sebanyak dua tema telah dikenal pasti iaitu: i) sentuhan fizikal dan; ii) penderaan fizikal. Bagi objektif keempat, sebanyak enam tema telah di kenal pasti iaitu, i) efikasi sendiri rendah; ii) kesukaran akademik; iii) tekanan dan ancaman; iv) tingkah laku destruktif; v) tingkah laku disruptif ; dan v) kebergantungan berlebihan.

### 5.3 Perbincangan Dapatan Kajian


Hasil daripada analisis dapatan di dalam Bab 4 telah berjaya mengenal pasti dan memahami dengan lebih mendalam tentang faktor-faktor penyebab mangsa dibuli terhadap peserta-peserta yang terlibat, analisis dari segi faktor psikologi kawalan luaran menunjukkan mereka terlibat menjadi mangsa tingkah laku buli disebabkan oleh pembuli mengalami rangsangan luaran, dorongan rakan-rakan sebaya, gagal mengawal kemarahan disebabkan sikap mangsa, dan keinginan mengawal tingkah laku mangsa dengan menjadikan buli sebagai proses dendaan. Hal ini menepati pendapat Bandura (1977) yang menggambarkan tingkah laku manusia sebagai timbal balik iaitu tingkah laku manusia adalah dikawal oleh individu melalui proses kognisi dan juga persekitaran melalui kejadian-kejadian yang berbentuk rangsangan sosial. Pembuli lazimnya mempunyai pengetahuan sedia ada berdasarkan daripada pemerhatian mereka terhadap faktor persekitaran seperti persekitaran di rumah, persekitaran sekolah dan peniruan daripada media massa. Berdasarkan kepada dapatan oleh Azizi (2011), buli didefinisikan sebagai satu set tingkah laku yang mana dilakukan secara sengaja dan menyebabkan kemudaratan secara fizikal serta psikologi penerimanya.

Antara jenis-jenis tingkah laku buli yang lazim berlaku dalam kalangan pelajar sekolah di luar bandar meliputi tindakan-tindakan yang ringan seperti mengejek, penyisihan sosial dan akhirnya bertindak memukul sehingga mencederakan mangsa. Tingkah laku buli ini akan menjadi bertambah buruk terhadap pembuli dan mangsa buli dari zaman kanak-kanak sehingga ke alam kedewasaan sekiranya tidak ditangani dengan sebaik mungkin oleh pelbagai pihak. Rentetan daripada tingkah laku buli tadi akan menjurus kepada tingkah laku buli secara sentuhan fizikal pula. Terdapat dalam

kalangan mangsa buli yang telah dalam bentuk kekerasan seperti memukul, menumbuk, memijak, menghentak kepala, dan mencubit sehingga berdarah dan meninggalkan kesan dalam bentuk psikologi terhadap mangsa buli. Manakala buli secara penderaan fizikal sehingga mempengaruhi mental dan akan memberi impak dari segi psikologi seperti melakukan tekan tubi, penganiyaan seperti mencurahkan air kotor terhadap mangsa buli, dan menjadikan mangsa buli sebagai orang suruhan. Kes jenis buli tingkah laku ini jarang mendapat perhatian orang ramai, tetapi kes jenis ini berlaku dengan serius di sekolah.

Pada peringkat awalnya mungkin mereka bertindak hasil dari sokongan klik atau geng mereka untuk membela diri tetapi suatu hari mangsa buli akan bertindak tanpa bantuan yang dihulurkan oleh kawan-kawan, mereka berkemungkinan besar akan berubah sikap menjadi pembuli yang lebih ganas. Oleh yang demikian, apabila mereka mendapat sokongan sekeliling, secara beransur-ansur, mereka akan berubah sikap menjadi seseorang yang aktif dan suka bersosial. Apabila keadaan mereka sudah tidak terkawal, mereka mula bertindak secara keterlaluan dengan pemikiran bahawa mereka popular dan dapat sokongan ramai. Tingkah laku ini dikenali sebagai tingkah laku destruktif. Namakala tingkah laku yang terhasil akibat daripada gejala buli ini juga dikenali sebagai tingkah laku disruptif. Misalnya pelajar-pelajar bergaul dengan rakan sebaya yang berperilaku negatif seperti suka membuli orang lain, nakal, suka memberontak dan berperlakuan agresif sama ada secara fizikal atau verbal akan mendorong perkembangan tingkah laku negatif ini ke tahap optimum.

Hasil kajian adalah penting dan dapat memberikan ruang kepada institusi-institusi pendidikan dan organisasi pendidikan untuk membina modul dan kempen yang bersesuaian dengan persekitaran sekolah luar bandar dalam meningkatkan kesedaran diri dan mencegah aktiviti buli serta dapat membantu guru dan pihak pentadbiran sekolah dalam mereka bentuk program yang bersesuaian untuk memberikan dan meningkatkan kesedaran terhadap pelajar-pelajar yang menjadi mangsa buli. Seterusnya ia dapat memperkayakan lagi program yang sedia ada dalam menangani gejala buli yang semakin berleluasa dan masih di pandang sepi oleh pihak-pihak berkenaan. Kajian ini penting untuk menimbulkan kesedaran kepada semua pihak yang terlibat dalam institusi pendidikan dan kemasyarakatan seperti pihak kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan, pentadbir, guru, ibu bapa dan murid memikul tanggungjawab yang besar dalam menentukan kejayaan generasi anak bangsa di masa hadapan serta bagi membantu pelajar yang terlibat dalam gejala buli. Ringkasan dapatan keseluruhan kajian ditunjukkan dalam Rajah 5.1 di bawah.



*Rajah 5.1.* Dapatan keseluruhan dari aspek faktor dibuli, jenis-jenis buli dan implikasi buli terhadap pelajar sekolah luar bandar

### 5.3.1 Faktor Menyebabkan Pelajar Dibuli

Berdasarkan dimensi Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977), masalah buli dilihat sebagai tingkah laku yang dipelajari dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semula jadi dalam diri individu. Walau bagaimanapun, keperluan asas kuasa adalah lebih dominan dan lebih kerap diperkatakan oleh peserta-peserta kajian dan disokong oleh dua kumpulan peserta kajian tambahan iaitu guru disiplin dan guru kaunseling, berbanding keperluan-keperluan asas lain. Oleh yang demikian, pengawasan adalah penting bagi menjamin supaya pelajar-pelajar ini berada landasan yang betul dengan cara dididik, dijaga dan diawasi supaya menjadi manusia yang sempurna dan berguna.



Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan oleh Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011) dan Fatimah (2015). Antara faktor telah dikenal pasti menjadi punca masalah ini antaranya peniruan tingkah laku dalam kalangan ibu bapa, guru dan rakan sebaya yang boleh memusnahkan masa depan pelajar sekolah ini. Buli ini boleh dikatakan sebagai ketagihan yang membelenggu diri pelajar masa kini kerana jika sekali pelajar melakukan perbuatan ini, pasti fenomena buli akan berulang dan terus berulang. Ada juga di antara pelajar yang dibuli disebabkan oleh persekitaran sekolah berkenaan yang mempunyai segelintir pelajar yang bersikap negatif menyebabkan pelajar-pelajar lain dibuli dan dijadikan tempat pembuli melepaskan geram.

Seterusnya kajian menunjukkan bahawa pelajar yang bertubuh besar dan tegap suka membuli pelajar yang saiz tubuhnya lebih kecil telah disokong oleh kajian Azizi (2011). Kejadian membuli kebiasaannya melibatkan sekumpulan pelajar yang mempunyai usia sebaya. Tekanan rakan sebaya akan mendorong pelajar terpengaruh untuk mengikut tingkah laku buli dalam kalangan mereka terhadap mangsa buli yang lemah. Selain dari itu, hasil dapatan ini adalah seiring dengan dapatan oleh Amin Al Haadi (2013) dan Fatimah (2015) mendapati mangsa buli merasakan dirinya dibuli disebabkan penampilan diri mereka yang tidak menarik, perhubungan dengan pelajar lain yang tidak baik dan latar belakang keluarga yang miskin atau mempunyai nama yang ganjil. Hal ini menjurus kepada gangguan emosi dan hubungan sosial yang tidak sihat dalam kalangan mangsa buli. Dapatan kajian ini juga seiring dengan hasil kajian Jamal Safri (2014) mendapati pengawasan yang longgar di sekolah juga menjadi puncanya kerana telah memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk melakukan aktiviti pembulian terhadap pelajar lain.





Penularan gejala buli adalah hasil daripada pengaruh media massa seperti media sosial yang berfungsi menghubungkan manusia di seluruh dunia tanpa mengira sempadan geografi, Sawyer (2011) telah menyebabkan remaja tertarik kepada media sosial kerana mudah mengakses maklumat dan pelbagai keseronokan yang boleh diperolehi ketika melayarinya. Hasil kajian ini telah menyamai dapatan kajian oleh Mohd Nawawi et al., (2017) dalam kajiannya bahawa pengaruh media massa yang merangkumi media cetak dan elektronik memainkan peranan penting dalam membentuk dan mendidik masyarakat. Media massa seperti televisyen dan internet kini sangat dominan dan meluas terutama terhadap golongan pelajar yang sedang menginjak remaja. Mereka mudah terpengaruh dengan pelbagai konsep dan cara hidup seperti cara hidup nakal, membuli orang lain, *'happy go lucky'* dan melepak yang perlu ditangani dengan penerapan unsur-unsur kemanusiaan dan keagamaan.



Faktor kekurangan pengawasan dalam kajian ini juga menyokong hasil kajian Jamal Safri (2014) melalui penemuannya bahawa keperluan pengawasan dapat menghindarkan tingkah laku buli berlaku. Berdasarkan kajian beliau, dapat dilihat bahawa kes buli di sekolah atau institut pengajian tinggi sering berlaku bilik darjah terbiar dan kawasan asrama serta surau dan kantin merupakan lokasi di mana perlakuan buli paling kerap berlaku. Perkara ini boleh berlaku kerana kekangan oleh pihak guru atau sekolah dalam memantau setiap tingkah laku pelajar. Oleh sebab itu, pihak pengurusan sekolah sangat menitik beratkan ketepatan dan keberadaan guru di dalam kelas dan memantau setiap pergerakan pelajar. Setiap kealpaan guru boleh mengundang bencana. Selain itu lokasi yang terasing dari pandangan umum seperti bilik-bilik di asrama, tandas, padang permainan, surau dan kantin turut menjadi pilihan membuli untuk melakukan kegiatan mereka.






Dapatan kajian ini disokong oleh penemuan oleh Hampel et al., (2009) dalam kajian di German bahawa kes buli fizikal sangat berleluasa. Perlakuan ini boleh dialirkan secara langsung ataupun tidak langsung dalam diri mangsa buli. Kebanyakan kes tidak dilaporkan kerana mangsa percaya gejala buli merupakan sebahagian budaya yang telah diamalkan sekian lama dengan restu pelajar senior, guru, atau warden. Mereka juga takut diejek, dipulau atau dipukul jika melaporkan kejadian buli tersebut. Oleh yang demikian, pelbagai pihak perlu mengambil berat masalah ini dalam menangani perlakuan buli dalam kalangan pelajar di sekolah luar bandar.

Secara umumnya hasil kajian di atas telah menjelaskan bahawa tingkah laku rakan sebaya, guru-guru di sekolah dan ibu bapa di rumah menjadi penyumbang utama terhadap penularan kes buli. Hasil dapatan kajian menjelaskan, sekiranya seorang pelajar dibesarkan dengan cara yang sangat tegas termasuklah memberi hukuman terhadap segala tingkah laku mereka, pelajar ini akan memindahkan konsep ini apabila berada di luar rumah dan disokong oleh dapatan kajian oleh Norhayati dan Suriati (2015). Mereka akan menjadikan rakan sebaya sebagai tempat untuk membalas dendam dan menganggap itu adalah satu norma untuk menghukum orang lain (mangsa buli). Selain itu, faktor kurang pengawasan terhadap tingkah laku, media massa dan persekitaran juga menjadi pendorong kepada golongan pelajar sekolah luar bandar untuk menjadi pembuli dan mangsa buli dalam masa yang sama. Hal yang demikian kerana ingatan ini akan disimpan di dalam kognitif secara kekal dan pelajar akan sukar untuk mengelakkan diri dari bertingkah laku negatif dalam kehidupan mereka.



Kebebasan media massa di negara ini yang mendorong penularan video-video, rakaman pendek, filem-filem ganas dan berita-berita sensasi mengenai jenayah telah merangsang golongan pelajar untuk mengikutinya selari dengan hasil kajian oleh Mohd Nawawi et al., (2017). Dapatan ini juga menyokong oleh Teori Psikososial Erickson (1986) yang telah mendapati bahawa faktor rakan sebaya sangat mempengaruhi golongan pelajar dalam lingkungan usia 13 dan 18 tahun. Pembuli bertindak terhadap mangsa buli dengan alasan hukuman atau dendaan atas kesalahan yang dilakukan oleh mangsa buli dengan tindakan seperti menumbuk, memijak, melakukan tekan tubi dan mencurahkan air kotor terhadap mangsa buli.

Sikap pilih kasih dalam kalangan guru juga sama ada di dalam kelas atau di luar kelas yang suka memuji pelajar tertentu pandai sehingga menimbulkan perasaan tidak senang hati dalam kalangan pelajar lain juga punca kepada gejala negatif ini. Dapatan kajian ini juga disokong hasil kajian oleh Suresh Kumar dan N Vellymalay (2016). Sikap cemburu dalam kalangan pelajar timbul akibat daripada tingkah laku guru ini kerana mereka tidak puas hati dengan cara layanan guru terhadap mereka. Lantas mereka menjadikan pelajar tertentu sebagai sasaran mangsa buli dan dalam masa yang sama pembuli ini memprotes tindakan guru dengan melawan guru. Pembuli lazimnya akan melakukan tindakan buli secara sentuhan fizikal atau penderaan fizikal terhadap mangsa buli akibat perasaan cemburu dan tidak puas hati terhadap tindakan guru. Hal ini akan menyemarakkan lagi budaya buli terutamanya antara murid senior dengan junior di asrama sekolah selari dengan dapatan kajian oleh Jamalsafri (2014). Dapatan keseluruhan penyebab gejala buli ditunjukkan dalam Rajah 5.2 di bawah.



Rajah 5.2. Faktor menyebabkan pelajar dibuli



### 5.3.2 Kajian Terhadap Aspek Jenis Buli Emosi

Buli merupakan sejenis salah laku yang akan meninggalkan kesan negatif terhadap kesejahteraan emosi dan kemajuan akademik pelajar yang menjadi mangsa buli. Hasil kajian ini selari dengan penemuan oleh kajian Junainor et al., (2016). Tingkah laku buli yang mempengaruhi emosi mangsa buli boleh diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu buli secara verbal dan buli secara penderaan mental. Tingkah laku buli ini boleh berlaku secara langsung ataupun tidak langsung. Tingkah laku buli secara verbal adalah perbuatan yang lebih kepada menghina, mengugut dan ejek-mengejek. Contohnya mengejek nama mangsa buli disebabkan faktor fizikalnya yang berkulit gelap, maka itu akan dijadikan sebagai bahan ejekan pelajar lain terutamanya senior. Manakala buli secara penderaan mental meliputi tindakan menyebarkan khabar angin, memulau mangsa, menjadikan mangsa sebagai orang suruhan dan mendera fizikal mangsa.



Dapatan kajian ini juga selari dengan hasil kajian oleh Junainor et al., (2016), buli secara verbal sangat lazim berlaku dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar. Buli bermula daripada perkara yang kecil seperti memanggil nama atau mengejek nama mangsa sewaktu berkumpul beramai-ramai. Itu adalah petanda awal bahawa seorang pelajar itu mula menunjukkan tingkah laku membuli. Oleh yang demikian, kita tidak boleh memandang remeh sekiranya anak pelajar ini sering dan suka mengejek nama kawannya. Mungkin ada di antara kita (ibu bapa, guru dan rakan-rakan) menganggap itu adalah perkara biasa tetapi dari situlah tingkah laku membuli bermula dan ianya akan berlarutan ke tahap yang lebih teruk termasuk buli dari aspek fizikal sekiranya perkara itu dibiarkan.



Hasil analisis temu bual juga telah menunjukkan perbuatan buli oleh pembuli yang mempunyai kelebihan seperti faktor umur, ukuran badan, sokongan rakan sebaya, atau mempunyai status yang lebih tinggi. Pelajar yang terlibat dengan tingkah laku buli kelihatannya menyalahgunakan ciri-ciri dan kelebihan yang ada dalam diri mereka masing-masing untuk bertingkah laku buli. Hasil dapatan kajian ini juga menyokong dapatan oleh Kirrily (2016), yang menjelaskan bahawa bentuk buli secara lisan dan tidak langsung adalah jenis yang paling lazim menyerang mangsa dalam bentuk psikologi dan emosi mangsa buli yang kurang dikesan berbanding buli fizikal dan penemuan hasil kajian ini juga menunjukkan tahap buli emosi adalah lebih tinggi berbanding buli fizikal.


Sungguhpun kes buli seperti ini kurang mendapat perhatian media massa, ia sebenarnya berlaku dengan serius di sekolah. Manakala buli secara penderaan mental seperti menjadikan mangsa buli sebagai orang suruhan, penderaan fizikal, penderaan mental, pemuluan kepada mangsa buli dan penyebaran khabar angin yang menjatuhkan imej dan maruah mangsa buli telah meninggalkan kesan buruk dalam diri mangsa buli. Khabar angin menurut bidang kajian psikologi sosial telah didefinisikan sebagai wujud dalam dua keadaan yang berbeza. Pertama, khabar angin dan kedua, gosip. Kedua-keduanya walaupun pun sama tetapi mempunyai kesan yang amat berbeza. Kebiasaannya umum mentafsirkan makna khabar angin ialah menyebarkan perkara-perkara yang belum tentu kesahihannya dan kebanyakannya cerita-cerita berbau negatif. Sekali sahaja sesuatu khabar angin disebar, maka ia akan cepat tersebar lebih-lebih lagi melalui penggunaan medium internet selari dengan hasil kajian oleh Norhayati dan Suriati (2015). Akibat daripada penyebaran berita palsu atau khabar



angin yang tidak pasti kesahihannya telah menyebabkan mangsa buli sentiasa berada dalam keadaan tertekan, takut dan cemas.

Berdasarkan kepada analisis dapatan kajian yang telah dibuat menjelaskan bahawa tingkah laku buli verbal dan penderaan mental merupakan tingkah laku yang paling kerap berlaku terhadap mangsa buli berbanding tingkah laku buli secara fizikal dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar selari dengan dapatan oleh Jamal Safri (2016). Berdasarkan kepada hasil temu bual memperlihatkan bahawa mangsa buli sering disinggung perasaan, ditengking, diikuti dengan cemuhan, diejek dengan panggilan nama yang buruk dihina dan diugut. Ada dalam kalangan mangsa buli yang mengalami trauma apabila terdapat pembuli yang cuba menjatuhkan maruah mereka dengan menyebarkan khabar angin dan gossip berbentuk fitnah kepada orang lain dan selari dengan penemuan oleh Sapora dan Ruhaya (2012). Tekanan emosi yang melampau akibat dibuli ini perlu ditangani oleh pihak guru yang merupakan golongan yang paling dekat dengan pelajar melalui pendekatan secara psikologi. Hal yang demikian diharapkan agar dapat mengawal mangsa buli daripada mengambil tindakan yang bukan-bukan seperti membunuh diri. Rumusan terhadap dapatan ini ditunjukkan dalam Rajah 5.3 di bawah.





Rajah 5.3. Jenis-jenis buli emosi yang lazim

### 5.3.3 Kajian Terhadap Jenis Buli Tingkah Laku

Dapatan kajian menjelaskan bahawa pengalaman berdepan fenomena buli mendatang implikasi yang amat besar terhadap efikasi sendiri mangsa buli dan disokong oleh dapatan kajian oleh Sapora dan Ruhaya (2012) dan Hansen et al., (2012). Ini adalah kerana konsep buli, perbuatan membuli dan kena buli akan terus bertapak di dalam memori sehingga mereka meningkat dewasa. Tingkah laku buli secara sentuhan fizikal pula adalah seperti menyerang mangsa buli dalam bentuk kekerasan seperti memukul, menumbuk, memijak, menghentak kepala, dan mencubit sehingga berdarah dan meninggalkan kesan dalam bentuk psikologi terhadap mangsa buli. Manakala buli secara penderaan fizikal sehingga mempengaruhi mental dan akan memberi impak dari segi psikologi seperti melakukan tekan tubi, penganiyaan seperti mencurahkan air kotor



terhadap mangsa buli, dan menjadikan mangsa buli sebagai orang suruhan. Kes jenis buli tingkah laku ini jarang mendapat perhatian orang ramai, tetapi kes jenis ini berlaku dengan serius di sekolah.

Perlakuan menumbuk, menolak dan mencubit oleh pelajar lain merupakan perlakuan buli yang paling kerap dialami oleh mereka. Ini diikuti dengan dikasari, dipukul, ditendang dan akhir sekali ditampar. Memukul pelajar lain merupakan jenis perlakuan buli secara fizikal yang lazim berlaku di sekolah-sekolah menengah luar bandar Daerah Bentong. Perlakuan buli ini dilihat berlaku berdasarkan dimensi membuli adalah untuk menjadi popular dalam kalangan rakan sebaya menyamai hasil kajian oleh Jamal Safri (2016).




menghargai rakan sebaya menurut Anuar dan Norhaidawati (2016). Hal ini telah mendorong mereka untuk bertingkah laku buli terhadap mangsa yang lemah seperti pelajar junior. Jenis buli yang lazim dalam aspek ini ialah menjadikan junior sebagai orang suruhan untuk menyiapkan kerja sekolah atau mencuci pakaian pembuli. Sekiranya pembuli tidak berpuas hati dengan mangsa, mereka juga akan dikenakan dendaan seperti melakukan tekan tubi.

Berdasarkan analisis dapatan kajian ini juga mendapati bahawa perlakuan buli secara verbal merupakan perlakuan buli yang lazim dialami oleh mangsa buli berbanding perlakuan buli secara penderaan fizikal. Namun tingkah laku seperti menyinggung perasaan, diikuti dengan cemuhan, diejek dengan panggilan nama yang buruk dipersendakan, diajak untuk bergaduh dan akhir sekali diancam untuk



dicederakan. Persepsi bahawa kelebihan dari aspek fizikal yang kuat dan memiliki konsep penghargaan sendiri yang baik serta berkebolehan untuk mengawal dan mendominasi rakan sebaya merupakan antara elemen yang mendorong berlakunya kejadian buli adalah selari dengan hasil kajian oleh Husmiati dan Adi Fahrudin (2012). Jenis-jenis buli tingkah laku yang lazim berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar ditunjukkan dalam Rajah 5.4 di bawah.



Rajah 5.4. Jenis-jenis buli tingkah laku yang lazim

### 5.3.4 Implikasi Buli Terhadap Emosi dan Tingkah Laku

Apabila berada di sekolah, para pelajar mula membuat perhubungan dengan rakan di luar persekitaran keluarga. Ini bermakna pelajar-pelajar sedang melalui satu proses transisi daripada interaksi sosial di dalam keluarga kepada peranan dan kedudukan



sebagai orang dewasa. Ini adalah kerana rakan sebaya mempunyai sub-budaya yang tersendiri. Sehubungan dengan itu, pengaruh rakan sebaya adalah penting dalam perkembangan diri pelajar, khasnya dari perkembangan intelek, sahsiah, emosi dan sosial. Mereka berkebolehan untuk mengawal dan mendominasi rakan sebaya namun mereka tidak mampu memahami dan menghargai rakan sebaya dan menyokong dapatan oleh Anuar Ahmad dan Norhaidawati Mohd Noor (2016). Misalnya pelajar-pelajar bergaul dengan rakan sebaya yang berperilaku negatif dengan bertingkah laku disruptif seperti suka membuli orang lain, nakal, suka memberontak dan berperlakukan agresif sama ada secara fizikal atau verbal akan mendorong perkembangan tingkah laku negatif ini ke tahap optimum. Mereka akan menyerap segala perilaku membuli ini dan mempraktiknya pula kepada pelajar yang lain seperti penemuan dalam kajian ini yang memperlihatkan para pelajar meniru tingkah laku kasar daripada rakan sebaya, ibu bapa dan guru-guru di sekolah sama ada niat mereka untuk mencari keseronokan atau membalas dendam terhadap pengalaman mereka dibuli.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan hasil kajian oleh Noor Hafizah (2016). Beliau telah menyatakan bahawa keadaan kucar-kacir yang berlaku dalam keluarga menjadikan remaja akan mencari keseronokan bersama dengan rakan mereka dan membuka ruang yang luas untuk mereka berkelakuan negatif. Hal ini adalah akibat daripada hubungan kekeluargaan yang rapuh dan penceraian dalam keluarga menyebabkan pelajar mendapat kurang didikan serta kasih sayang daripada keluarga, malahan ada yang tidak mendapat didikan agama yang sewajarnya sehingga menyebabkan mereka mudah terdedah dengan gejala negatif di luar rumah terutamanya apabila berada bersama-sama dengan rakan mereka.





Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa peserta kajian tidak begitu seronok dengan persekitaran sekolah kerana berasa bosan dengan suasana dan iklim sosial sekolah itu sendiri menyebabkan mereka kerap ponteng sekolah yang penuh tekanan menyamai hasil kajian oleh Asrul Azmin Masiron (2010). Hasil daripada analisis dokumen kehadiran menunjukkan rata-rata yang belajar di sekolah harian mempunyai kadar ponteng yang tinggi berbanding yang tinggal di asrama. Hal ini kerana peserta kajian melihat pelajar-pelajar di sekolah suka berpuak-puak dan tidak bersatu hati, disiplin yang tidak begitu ketat, terkurung berada di asrama, sikap negatif pelajar seperti suka membuli dan kurang fokus terhadap pelajaran. Dapatan kajian juga menyokong dapatan kajian Azizi Yahaya et al., (2012) menunjukkan ada peserta kajian kurang menyenangi sikap sesetengah guru kerana suka mencari kelemahan mereka dan meninggalkan kesan negatif dan persepsi yang buruk dalam diri mangsa buli terhadap



Dapatan kajian juga menunjukkan peserta kajian menyedari tentang implikasi negatif gejala buli dan sedar mengenai tanggungjawab mereka sebagai pelajar. Namun pada masa yang sama ada peserta kajian tetap berkeinginan melakukan kesalahan tersebut dengan alasan untuk membalas semula, kerana orang lain melakukannya, untuk suka-suka, untuk mendapatkan sesuatu atau wang, untuk menunjukkan kekuatan dan akhir sekali kerana mereka (mangsa buli) adalah pengecut. Pendapat ini disokong oleh hasil kajian N Hidayah et al., (2017) yang menjelaskan krisis identiti ini berlaku apabila tahap membuat keputusan terhadap permasalahan-permasalahan penting yang berlarutan dengan pertanyaan-pertanyaan tentang identiti diri sendiri. Krisis identiti yang dialami oleh seseorang pelajar merupakan fenomena biasa dan berjalan dengan baik, namun ada yang tidak berjalan dengan baik.





Kajian ini juga mendapati seorang mangsa buli juga boleh bertindak sebagai seseorang pembuli yang aktif. Pada mulanya mereka akan hilang keyakinan terhadap diri sendiri dan meminggirkan diri daripada orang ramai. Pada peringkat awalnya mungkin mereka bertindak hasil dari sokongan klik atau kumpulan mereka untuk membela diri tetapi suatu hari mangsa buli akan bertindak tanpa bantuan yang dihulurkan oleh kawan-kawan, mereka berkemungkinan besar akan berubah sikap menjadi pembuli yang lebih ganas. Dapatan kajian ini menyokong hasil kajian oleh J. Loes Pouwels et al., (2016) menunjukkan bahawa pengalaman berdepan fenomena buli memberi kesan negatif yang amat besar kepada pelajar-pelajar kerana mereka akan terus memperlakukan sedemikian terhadap mangsa buli yang lain sehingga mereka meningkat dewasa.



perkembangan pelajar telah menyokong dapatan oleh Wolke et al., (2013). Akhirnya, mereka akan menjadi seorang yang pasif dan tidak suka bercampur gaul dengan orang sekeliling. Remaja yang dibuli berkemungkinan akan membalas dendam kepada orang lain. Tujuannya untuk mengembalikan harga diri yang hilang akibat dibuli. Mereka juga akan mengalami kecederaan fizikal dan emosi yang tercalar. Mangsa buli mengalami emosi negatif dan hal ini akan terbawa-bawa sehingga mereka dewasa di mana penghargaan sendiri mereka rendah dan akan menyumbang kepada masalah mental yang lain seperti kesedihan melampau dan kemurungan. Mereka juga hidup dengan hilang keyakinan diri, membiarkan diri diperlakukan apa sahaja, sanggup melakukan sesuatu demi membahayakan orang lain, tidak mahu ke sekolah, dan sebagainya.




Pengalaman dibuli menyebabkan mangsa buli mengalami trauma manakala penghargaan sendiri mangsa buli juga akan menurun. Akibatnya kebanyakan peserta kajian telah menunjukkan pencapaian yang rendah dalam akademik bagi yang bersekolah harian manakala bagi yang tinggal di asrama pula menunjukkan pencapaian akademik yang sederhana berdasarkan hasil daripada analisis dokumen pencapaian akademik mereka. Kewujudan sifat kebimbangan iaitu perasaan kurang senang yang disebabkan takut bahawa sesuatu yang tidak diingini akan berlaku. Perasaan ini berkait rapat dengan emosi ketakutan. Mangsa buli juga mempunyai nilai sendiri yang rendah dan sering bergantung pada orang lain dalam apa juga aktiviti yang dijalankan. Mangsa buli juga gemar mengasingkan baik di dalam mahupun di luar kelas sehingga mengganggu proses pdpc mereka. Mangsa buli suka mengasingkan diri ini kebiasaannya tidak mahu bergaul dengan kawan-kawan yang lain. Mereka suka menjauhkan diri dari kelompok dan meletakkan dirinya di satu sudut atau tempat terpencil. Mangsa buli suka mengasingkan diri mempunyai beberapa sebab tertentu seperti keadaan yang mengancam dan menakutkannya. Dapatkan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian oleh Sapora dan Ruhaya (2012) dan Raja Azrul Hisham (2017).

Berdasarkan kepada dapatan kajian di atas, implikasi gejala buli ini telah mendatangkan kesan yang buruk terhadap mangsa buli. Hakikat sebenar bahawa tiada manusia yang dilahirkan untuk menjadi pembuli. Pada awalnya mereka mungkin merupakan seseorang yang pasif, pemalu dan lemah dalam kemahiran bersosial atau bergaul dengan orang lain. Oleh yang demikian, apabila mereka mendapat sokongan sekeliling, secara beransur-ansur, mereka akan berubah sikap menjadi seseorang yang aktif dan suka bersosial. Apabila keadaan mereka sudah tidak terkawal, mereka mula bertindak secara keterlaluan dengan pemikiran bahawa mereka popular dan dapat

sokongan ramai. Tingkah laku ini dikenali sebagai tingkah laku destruktif. Akhirnya, mereka menjadi seorang pembuli walaupun pada awalnya mereka adalah seorang mangsa buli. Hasil kajian ini juga selari dengan dapatan kajian oleh Anuar dan Norhaidawati (2016). Jika mereka berbuat demikian kelak, mereka kemungkinan besar akan menjadi penjenayah, bertindak agresif apabila dewasa seperti merogol, merompak, atau menjadi seorang pendera terhadap isteri.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan penemuan oleh Emily dan Anuar (2016), pengalaman dibuli juga telah menyebabkan kesan jangka panjang dari aspek psikologi secara mental seperti perasaan kebimbangan, cepat putus asa, kemurungan manakala kesan pada aspek fizikal yang boleh dilihat dengan tingkah laku yang agresif. Malah, terdapat dalam kalangan mangsa buli di sekolah luar bandar ini juga yang menjadi pendendam atau bersikap agresif terhadap pelajar-pelajar lain yang lebih lemah dan muda daripada mereka. Terdapat juga mangsa buli yang tidak berkelakuan agresif terhadap pelajar-pelajar lain tetapi mereka mempunyai sifat negatif yang lain seperti menjadi cepat cemas, mudah tertekan, tidak gembira, muram, pendiam, takut, tidak gembira, atau kurang selera makan. Golongan ini lebih suka mendiamkan diri dan memendam perasaan dan tidak kurang juga ada yang mengalami trauma. Secara ringkasnya implikasi terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar ditunjukkan dalam Rajah 5.5 di bawah.



Rajah 5.5. Implikasi gejala buli terhadap emosi dan tingkah laku mangsa buli

#### 5.4 Implikasi Kajian

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah dihuraikan, kita dapat melihat implikasi dari aspek teoritikal dan implikasi terhadap persepsi mangsa buli terhadap dunia sebenar. Perbincangan bagi setiap implikasi ini diterangkan seperti berikut;



#### 5.4.1 Implikasi Kajian Secara Teoritikal

Merujuk kepada hasil analisis yang telah dilakukan terhadap faktor mangsa dibuli, aspek jenis buli emosi telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri peserta kajian, aspek jenis buli tingkah laku juga memberikan kesan negatif terhadap emosi dan tingkah laku mangsa buli secara keseluruhan. Untuk menjelaskan hasil kajian ini, penyelidik telah menganalisis implikasi kajian dari segi teoritikal dengan membina tema setiap aspek kajian berdasarkan kepada teori yang dipilih Teori Pembelajaran Sosial (1977) dan Teori Psikososial Erikson (1986).

Berdasarkan kepada dua teori di atas, penggunaan Teori Pembelajaran Sosial dalam kajian ini adalah paling berkaitan dengan fenomena gejala buli yang lazim dalam mempengaruhi emosi dan tingkah laku pelajar sekolah luar bandar. Pembolehubah terikat dalam kajian ini adalah implikasi terhadap emosi dan tingkah laku pelajar sekolah luar bandar manakala pemboleh ubah bebas ialah jenis buli emosi dan jenis buli tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar.

Pengkaji telah berjaya mengenal pasti bahawa faktor penyebab mangsa dibuli adalah kerana sikap pembuli yang mempelajari dan melakukan tingkah laku buli sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui peniruan tingkah laku ibu bapa, rakan sebaya dan persekitaran mereka. Dapatan kajian ini telah disokong oleh Junainor et al., (2016) dan Buerah Tunggak et al., (2015) yang menjelaskan bahawa pelajar remaja yang datang dari pelbagai kategori keluarga mengalami perasaan tidak berdaya dan perasaan terasing disebabkan pengabaian oleh keluarga seperti ibu bapa di rumah dan





guru-guru di sekolah Tingkah laku buli buli tidak wujud secara semula jadi dalam diri pelajar.

Dapatan kajian ini juga disokong oleh Mohd Nawawi et al., (2017) dan Suriati et al., (2013) menjelaskan pelajar luar bandar juga terpengaruh dan meniru tingkah laku agresif melalui filem atau melalui kartun dan medium internet yang sangat bebas. Model yang menampilkan ciri-ciri berdaya saing, berkemahiran dan berkuasa lebih mendapat perhatian jika dibandingkan dengan model yang tidak mempunyai ciri-ciri sedemikian. Ingatan ini kemudiannya disimpan di dalam kognitif secara kekal dan remaja akan bertingkah laku negatif terhadap orang lain dalam kehidupan mereka. Huraian di atas adalah untuk menjelaskan objektif kajian pertama mengenai faktor mangsa dibuli.



Beberapa faktor yang mempengaruhi tingkah laku buli dalam kalangan pelajar telah dikenal pasti akibat daripada pemerhatian terhadap model. Menurut Bandura (1973), ciri-ciri model yang sangat signifikan dengan mereka menyebabkan individu ini meniru tingkah laku buli tersebut. Pelajar akan lebih cenderung dipengaruhi oleh model yang serupa dengannya seperti kesamaan dalam segi umur, jantina dan sebagainya dan lazimnya dipanggil rakan sebaya.

Sesuatu tingkah laku oleh model yang mengalami pengulangan akan bertapak kukuh dalam minda mangsa buli melalui pemerhatian terhadap peranan model atau orang yang ditiru dalam melakukan tingkah laku agresif seperti membuli. Sekiranya pelajar mengalami peristiwa dibuli secara agresif sama ada di sekolah atau pun rumah, ibu bapa, guru-guru atau rakan sebaya dan telah menjadi model kepada mereka untuk





bertingkah laku agresif dan mengulangi tindakan membuli, maka tingkah laku tersebut akan ditiru oleh pelajar terbabit, seterusnya diperkukuhkan dalam diri mereka. Penemuan ini telah menyokong dapatan kajian oleh Zainudin (2014), golongan pelajar ini mahu dikagumi dan mempunyai kekuasaan, persahabatan, latihan, keseronokan dan aktiviti, dan tempat di mana diri dirasakan diterima dan dihargai serta keperluan kepada keselamatan fizikal dan perlindungan.

Selain itu, pelajar lebih mudah dan terpengaruh untuk meniru model yang mempunyai kepakaran tertentu mendapat lebih perhatian dan menjadi popular dan disokong oleh hasil kajian Mohd Nawawi Abd Ghapar et al., (2017). Ini kerana keupayaan melakukan aktiviti yang memerlukan kemahiran ini dianggap akan meningkatkan status individu tersebut seterusnya menarik perhatian mangsa buli untuk

bertindak sebagai pembuli pula. Peneguhan dan ganjaran luaran ini mungkin dalam bentuk yang dapat dilihat seperti mempunyai ramai rakan ataupun perasaan seperti kepuasan dan kebanggaan. Dapatan kajian ini telah disokong oleh Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977) yang menjelaskan tingkah laku buli sebagai tingkah laku yang dipelajari. Teori ini menekankan bahawa sebarang bentuk tingkah laku adalah dipelajari melalui pemerhatian dan dan dirakamkan di dalam kognitif. Tingkah laku ini tidak wujud dengan sendirinya dalam diri pelajar. Kajian ini akan melihat faktor penyebab buli dari beberapa aspek seperti faktor yang mempengaruhi tingkah laku pelajar remaja, iaitu kelakuan pelajar itu sendiri, pengaruh persekitaran dan interaksi kognitif.

Menurut Bandura (1977), ganjaran yang diperolehi hasil daripada sesuatu tingkah laku juga akan mempengaruhi intensiti peniruan model. Mereka akan membuat



pertimbangan kepada ganjaran dan dendaan yang akan diperolehi ekoran daripada sesuatu tindakan yang dilakukan iaitu jenis buli emosi atau buli tingkah laku. Individu akan memilih dan membentuk tingkah laku yang boleh mendatangkan ganjaran dan mengelakkan diri daripada dendaan. Lantaran itu, dapat mengurangkan perasaan bimbang terhadap orang lain dengan melakukan pembulian secara emosi atau tingkah laku untuk memperolehi ganjaran dan mengelakkan dendaan. Dalam konteks kajian ini telah merujuk kepada objektif kajian kedua dan objektif kajian ketiga.

Dapatan kajian ini juga telah disokong oleh Teori Psikososial Erikson (1986). Tingkah laku buli juga berpunca dari pelbagai faktor lain seperti pengaruh keluarga sendiri, rakan sebaya, faktor biologi dan perangai, dan persekitaran telah mendorong berlakunya tingkah laku buli dalam kalangan pelajar yang berusia antara 13 hingga 19

tahun. Menurut Erickson, lazimnya pelajar pada peringkat usia ini sedang mengalami krisis identiti iaitu mencari identiti tersendiri untuk berhadapan dengan keluarga, rakan sebaya dan masyarakat sekeliling. Pelajar dalam usia ini lebih cenderung untuk berusaha menyelesaikan krisis identiti ini dengan menguji pelbagai peranan, nilai dan perhubungan tanpa mengambil kira sama ada tindakan mereka itu betul atau salah. Contohnya, remaja sangat mudah terpengaruh dengan tingkah laku rakan sebaya seperti membuli.

Hasil analisis dapatan kajian terhadap objektif kajian keempat mendapati tingkah laku atau perlakuan yang mendatangkan implikasi buruk terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan mangsa buli seperti tekanan terhadap emosi, penolakan atau penyingkiran oleh kumpulan atau rakan sebaya sangat lazim dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar. Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian oleh Husmiati



Yusuf dan Adi Fahrudin (2012), menjelaskan bahawa tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar ini adalah bertujuan untuk menunjukkan kuasa dan aspek penerimaan oleh rakan sebaya. Tingkah laku buli juga telah menyebabkan kemudaratan terhadap mangsa buli oleh kumpulan atau individu yang melakukan perbuatan ini. Tujuannya tidak lain adalah untuk mendapatkan penghormatan supaya dapat diterima oleh rakan sebaya. Dalam usaha untuk diterima atau menjadi ahli sesebuah kumpulan, dia perlu menyingkirkan orang lain daripada kumpulan tersebut. Oleh itu, seseorang yang ingin diterima dalam mana-mana kumpulan akan berusaha agar ahli atau orang lain disingkirkan, dan salah satu caranya adalah dengan bertingkah laku agresif (membuli).

Kesan yang amat ketara dapat dilihat ialah pelajar masih mentah dalam kehidupan ini sangat mudah terpengaruh dengan persekitaran yang tidak sihat dan memesonkan diri mereka dari landasan yang sebenar. Seterusnya mereka akan terlibat dengan gejala yang tidak sihat sama ada sebagai mangsa buli pasif ataupun mangsa buli reaktif.

#### **5.4.2 Implikasi Kajian dari Perpektif Pengkaji Terhadap Mangsa Buli dalam Dunia Sebenar**

Berdasarkan dapatan kajian ini, semua peserta kajian memperlihatkan banyak implikasi negatif telah dialami oleh mangsa buli. Mereka pada dasarnya telah memperlihatkan kekecewaan dalam hidup. Sungguhpun demikian, mereka juga mempunyai keinginan untuk menikmati kehidupan yang lebih positif dan baik pada masa hadapan. Hasil



kajian menunjukkan wujudnya persamaan dalam beberapa aspek pada semua peserta kajian.

Buli adalah satu fenomena yang berlaku di seluruh dunia dan lumrahnya di sekolah. Buli merupakan gejala yang perlu ditangani kerana ia merugikan negara yang sentiasa bergantung harap kepada kualiti sumber manusia untuk maju. Mangsa-mangsa buli mempunyai ciri-ciri khusus yang kadangkala mudah dikenalpasti. Menurut Sapora dan Ruhaya (2012), rasa rendah diri yang teramat, malu yang teramat, lemah semangat, merajuk, menyalahkan diri sendiri, mengalah, terlalu menuntut, dan mempunyai daya toleransi yang rendah memperlihatkan tingkah laku buli telah memberikan kesan negatif kepada fizikal, psikologi dan emosi serta proses pembelajaran mangsa buli dijangka pendek dan panjang.

Gejala buli yang lazim berlaku dalam kalangan pelajar lebih kepada buli secara verbal dan selanjutnya menjurus kepada buli secara sentuhan fizikal seperti yang telah dijelaskan oleh Husmiati Yusuf dan Adi Fahrudin (2012). Implikasi terhadap mangsa buli telah memperlihatkan kesan terhadap emosi sangat tinggi berbanding terhadap kesan fizikal. Kajian ini bukan sahaja mengkaji faktor penyebab dan punca-punca tetapi ingin mengetahui apakah jenis-jenis buli yang lazimnya berlaku serta apakah implikasi buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar khususnya di luar bandar.

Hasil dari penelitian terhadap keseluruhan kajian menunjukkan bahawa semua peserta kajian mempunyai persepsi tersendiri bagi memenuhi keperluan-keperluan asas dalam dirinya. Penyelidik berpendapat bahawa sekiranya tingkah laku buli ini tidak



dibendung dan mangsa buli tidak didekati untuk memulihkan efikasi sendiri serta tahap keyakinan mereka, adalah berkemungkinan mereka ini akan menyerap segala aspek negatif dalam diri mereka dan bertindak membuli orang lain sehingga mereka dewasa.

Dapatan kajian ini disokong oleh Zainudin (2014) menjelaskan bahawa dari segi mendapatkan penghormatan diri, dapat dikatakan bahawa kesemua peserta kajian inginkan penghormatan daripada individu yang signifikan dengan mereka seperti ibu bapa, guru dan rakan sebaya. Mereka mahu dilayani secara adil oleh guru-guru, dihormati rakan-rakan sebaya dan golongan junior dan oleh ibu bapa sendiri kerana mereka juga mempunyai hak untuk hidup bebas seperti orang lain.



Selain itu, menurut Zainudin (2014) lagi, mangsa buli juga mahu diri mereka



diiktiraf oleh masyarakat di sekeliling mereka. Mereka juga tidak mahu terus kecewa namun ada juga dalam kalangan mereka yang mahu dilihat sebagai seorang yang berkuasa dan berpengaruh dalam kalangan pelajar iaitu dalam kalangan pelajar junior. Mereka mahu menjadi orang yang mempunyai kuasa dan arahan-arahan mereka perlu dipatuhi oleh orang lain.

Dalam konteks tingkah laku buli ini, kesemua peserta kajian sebenarnya mengalami implikasi negatif dari aspek tekanan terhadap emosi berbanding perubahan tingkah laku yang kurang ketara. Hal ini kerana mereka memendam perasaan dan reda dengan apa yang berlaku. Mereka akan memberontak secara diam-diam berdasarkan kepada dapatan kajian dan disokong oleh Allison Schenk dan William J. Fremouw. (2012). Terdapat dalam kalangan mangsa buli yang mempunyai pencapaian akademik





yang rendah disebabkan mereka menjadi mangsa buli sehinggalah ada yang suka ponteng kelas dan sekolah akibat sudah tidak berminat atau tidak tahan berada di sekolah. Hal ini memungkinkan mereka melakukan perkara yang sama apabila mereka berada di alam pekerjaan dewasa kelak akibat ketidakpuasan hati terhadap orang atasan mereka.

Kajian juga mendapati sebilangan peserta kajian telah menunjukkan potensi untuk menjadi pembuli akibat daripada tidak berpuas hati terhadap apa yang dialami di sekolah. Mereka inginkan kebebasan untuk bertingkah laku di sekolah mahupun di rumah. Terdapat dalam kalangan peserta kajian menekankan keperluan kebebasan dan pengawasan di sekolah agar tradisi buli dihentikan. Mereka juga mahu pelajar-pelajar dididik agar menjauhi buli dan guru-guru mengamalkan sikap lebih adil dan tidak pilih



kasih. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Buerah Tunggak et al., (2015), Siti Hajar Mohamad dan Yusoff Yahya Don (2016) dan Noor Hafizah, (2016) menyatakan pelajar remaja yang datang dari pelbagai kategori keluarga. Mereka telah mengalami perasaan terasing dan tidak berdaya disebabkan pengabaian oleh keluarga seperti ibu bapa di rumah dan guru-guru di sekolah yang dilihat lebih cenderung terhadap pelajar yang cemerlang dan beketrampilan sahaja.

Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa semua peserta kajian merupakan pelajar yang dikategorikan bermasalah dalam pembelajaran dan hubungan sosial tetapi sebenarnya hasil kajian menunjukkan bahawa mereka mempunyai cita-cita dan harapan serta berpandangan positif terhadap diri sendiri. Peserta-peserta kajian sebenarnya memang mahu keluar dari kepompong pembuli dan menikmati kehidupan seperti pelajar lain.





Seiring dengan itu, kajian ini jelas menggambarkan antara senario sebenar yang sememangnya wujud dalam kalangan pelajar sekolah menengah di luar bandar pada masa lalu, masa kini mahupun pada masa-masa mendatang selagi tiada berlakunya anjakan transformasi dalam tadbir urus insan. Itulah juga antara cabaran yang harus ditangani dan menjadi peluang untuk setiap organisasi sentiasa mengesan akan permasalahan seperti itu daripada terus melarat.

Oleh itu, memahami dan mengenali mangsa buli dan pembuli di sekolah adalah satu keperluan dalam menangani dan mengawal gejala buli di sekolah. Mengurangkan kejadian buli adalah juga usaha menjamin kesejahteraan mental dan kehidupan mangsa semasa berada di sekolah dan juga masa hadapan mereka. Dengan memahami kesan jangka masa panjang dan pendek gejala buli sangat penting bagi semua pihak untuk mengembelikan tenaga dalam membantu memberi intervensi yang sesuai kepada mangsa buli dalam membantu proses kepulihan dari kejadian buli ini. Semua pihak harus berusaha mencari kaedah yang terbaik dan berkesan dalam menangani fenomena ini.

Secara keseluruhannya, bab ini telah menjelaskan pandangan pengkaji dan disokong oleh dapatan kajian para sarjana dan pengkaji lepas tentang implikasi tingkah laku buli hasil dari peniruan oleh anak-anak terhadap tingkah laku devian orang-orang yang signifikan dengan mereka, khususnya ibu bapa mereka sendiri. Kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu seperti Zainudin et al., (2011) dan (Fatimah, 2015) jelas membuktikan bahawa tingkah laku buli timbul hasil dari proses peniruan tingkah laku yang telah diperkukuhkan sejak dari zaman kanak-kanak lagi.





Justeru, zaman perkembangan kanak-kanak dan remaja merupakan zaman yang sangat kritikal dalam kehidupan seseorang individu. Menurut Loes Pouwels et al., (2016), apa juga unsur-unsur negatif yang tidak diingini akan mudah meresap ke dalam jiwa kanak-kanak dan remaja. Jika masyarakat persekitaran gagal menunjukkan contoh teladan yang baik, maka anak-anak juga dikhuatiri akan gagal mempamerkan tingkah laku yang baik. Hasilnya, pelbagai tingkah laku anti sosial akan menjadi amalan harian anak-anak, dan terus berkembang sehinggalah mereka dewasa kelak.

## 5.5 Sumbangan Kajian

Kajian ini dapat memberikan pemahaman tentang kepentingan bahawa gejala buli ini perlu dipandang serius dan ditangani dengan segera. Ibu bapa, guru-guru dan masyarakat perlu mengawal tingkah laku buli dalam kalangan pelajar dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Dapatan kajian ini adalah penemuan faktor penyebab pelajar menjadi mangsa buli secara terang-terangan mahupun secara senyap. Hasil penelitian juga telah dapat mengenal pasti jenis-jenis buli yang telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri mangsa buli sama ada sedar atau tidak. Para pelajar dengan mudah terpengaruh dan meniru perlakuan terhadap perkara yang negatif dalam masyarakat khususnya kes buli daripada persekitaran sosial mereka dengan mudah, pantas dan semuanya berada di hujung jari sekiranya tiada pengawasan. Namun, disebalik keseronokan melayari media sosial wujud cabaran dan masalah yang menjadi perhatian dalam mencapai kebaikan bersama.





Oleh itu, struktur sokongan tradisi seperti keluarga dan sekolah serta masyarakat setempat perlu memainkan peranan penting dalam mengenalpasti dan membantu mangsa buli. Menurut Jamal Safri et al., (2010), tingkah laku buli dilakukan dengan tujuan untuk memudaratkan mangsa dan sudah pasti ianya akan memberikan implikasi yang buruk terhadap emosi dan tingkah laku mangsa. Tanggungjawab dan bebanan ini tentunya perlu dipikul oleh segenap lapisan masyarakat dalam mendidik dan memberi tunjuk ajar kepada golongan pelajar di sekolah luar bandar. Tindakan yang boleh dilakukan melalui pendekatan moral iaitu pendekatan ini menghendaki pelajar-pelajar mematuhi semua peraturan dan nilai yang ditetapkan oleh sekolah.

Selain dari itu, pendekatan undang-undang iaitu berdasarkan kepada peraturan atau undang-undang yang ditetapkan dalam Ordinan Pelajaran dan melalui pekeliling Iktisad Kementerian Pelajaran atau peraturan sekolah itu sendiri. Ianya disampaikan kepada pelajar melalui buku undang-undang sekolah. Akhir sekali, pendekatan kemanusiaan iaitu lebih bersifat kemanusiaan. Ia merupakan satu pendekatan di mana guru disiplin atau guru kaunselor berjumpa dengan mangsa buli dalam perbincangan tertutup untuk mendengar sebarang permasalahan mangsa buli. Guru kaunselor perlu menggunakan kaedah ini untuk mendekati mangsa buli agar dapat mengubah persepsi, tingkah laku, perasaan dan pemikirannya ke arah kebaikan.

Selain daripada itu, dapatan kajian ini juga boleh diguna pakai oleh pengamal undang-undang sebagai rujukan untuk mengetatkan akta buli di bawah undang-undang jenayah dalam melindungi mangsa buli.



## 5.6 Cadangan Tentang Kajian Lanjutan

Kajian kes kualitatif ini hanya memfokuskan pemahaman tentang implikasi gejala buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar sahaja. Oleh yang demikian cadangan kajian lanjutan boleh dijalankan seperti berikut:

- i. Kajian boleh dilakukan di sekolah-sekolah pedalaman yang tersorok dan terputus hubungan dengan dunia luar akibat masalah perhubungan dan komunikasi.
- ii. Cadangan selanjutnya agar kajian pada masa akan datang juga boleh melibatkan peserta kajian tambahan selain guru dan pelajar, seperti ibu bapa, pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pakar-pakar pendidikan.
- iii. Kajian ini juga boleh menggunakan rekabentuk kuantitatif agar dapat melibatkan lebih ramai pelajar dan dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merangka dan membina modul yang khusus untuk memulihkan mangsa buli agar nasib mereka terbela.
- iv. Kajian ini juga boleh diperluaskan ke institusi-institusi pengajian tinggi dalam negara untuk melihat implikasi gejala buli terhadap emosi dan tingkah laku dalam kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia.

## 5.7 Penutup

Gejala buli merupakan satu bentuk jenayah yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah di seluruh dunia dan lumrahnya di sekolah dan perlu ditangani kerana ia merugikan negara yang sentiasa bergantung harap kepada kualiti sumber manusia dari



aspek emosi dan tingkah laku mangsa untuk maju. Peningkatan kes buli dalam kalangan mangsa buli perlulah ditangani dengan segera agar ia tidak menjadi masalah besar kepada negara yang mempunyai sumber tenaga yang penuh dengan krisis dan konflik jiwa pada masa hadapan. Golongan pelajar merupakan kumpulan bakal pemimpin masyarakat yang bakal mencorakkan masa depan negara. Mereka adalah modal insan yang diharapkan dan merupakan asset utama negara yang bakal memainkan peranan penting dalam politik, ekonomi, dan kemasyarakatan di negara ini.

Namun begitu, kepelbagaian masalah berkaitan dengan disiplin dalam kalangan pelajar telah menjadi satu ancaman kepada sumber tenaga manusia yang akan merugikan negara dalam jangka masa panjang. Oleh yang demikian, satu tindakan drastik dalam menangani permasalahan ini perlu dilakukan. Selaras dengan falsafah pendidikan negara untuk memastikan kelangsungan kemajuan dan keharmonian negara, maka segala masalah sosial yang dihadapi oleh para pelajar khususnya dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar ini harus diberi perhatian dan dibendung agar ia tidak menjadi ancaman terhadap aset utama negara dari segi modal insan.





## RUJUKAN

Ahmad Mahdzan Ayob. (1992). *Kaedah Penyelidikan Sosial-Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Alex, B.D., Todd Callahan, Kelly Chain & Gary Solomon. (2016). *Qualitative review of hazing in collegiate and school sports: Consequences from a lack of culture, knowledge and responsiveness*. Diamond AB, Et Al. Br J Sports Med 2016; 50.

Allison Schenk & William Fremouw. (2012). Prevalence, psychological impact, and coping of cyberbully victims among college students. *Journal of School Violence*, 11(1), Published Online: 02 Jan 2012

Amin Al Haadi, Azad Athahiri, Norsayyidatina, Wan Ahmad Zakry & Musa. (2017). Mangsa buli dan kesan buli. Universiti Sains Islam Malaysia. *Journal Of Islamic Science Humanities*.

Amin Al Haadi.(2013). Intervensi kaunseling kelompok terapi tingkah laku kognitif dalam membantu mangsa buli di sekolah. Universiti Malaya. *Jurnal*

*Al Abqari*.



Amnah Aris. (2016). *Personaliti devian pelajar mengikut perspektif teori psikionalisis dan humanistik*. (Tesis Master). Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Analitis, Velderman, Ravens-Sieberer, Detmar, Erhart, Herman, et al. (2009). Being bullied: Associated factors in children and adolescents 8 to 18 years old in 11 European countries. *Jurnal Pediatrics*.

Anuar Ahmad & Norhaidawati Mohd Noor. (2016). *Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap pendidikan anak-anak jalanan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Dicapai pada <https://www.academia.edu/>.

Aslina Ahmad. (2013). *Kesan intervensi psiko-pendidikan terhadap tingkah laku murid sekolah menengah oleh guru bimbingan dan kaunseling*. (Tesis Doktor Falsafah). Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Asma TuzZahra, Manzoor Arif & Muhammad Imran Yousuf. (2010). Relationship of academic, physical and social self concept of student with their academic achievement. *Comtemporary Issues In Educational Research*, 3(3).





Asmah Suboh, Nurulhuda Azizi & Mascilla Hamzah. (2011). Masalah salah laku agresif di kalangan pelajar sekolah rendah dan hubungannya dengan gaya keibubapaan. *Journal Of Education Psychology & Counseling*, Volume 1 Mac 2011/ ISSN: 2231-735XJ.

Asrul Azmin Masiron. (2010). Hubungan antara personaliti dan penghargaan. Kendiri pelajar cemerlang akademik. MRSM Pontian. *Journal Mara*.

Atkinson, Atkinson & Hulgard. (1990). *Introduction to psychology*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.

Azizah Hamzah. (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6 (1)

Azizi Ayob. (26 Julai 2017). *Gejala buli perlu diatasi ke akar umbi*. Berita Harian.

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim & Mascilla Hamzah. (2012). Masalah salah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan hubungannya dengan gaya keibubapaan. *Jurnal Teknologi*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.



Azlina Abdullah. (2010). Tema dan isu penyelidikan mengenai gejala sosial pada dekad pertama abad 21. *Akademika, Journal article UKM.my*.

Azlina Muhammad. (2012). *Penghuni Raudhatus Sakinah: Kajian terhadap latar belakang dan faktor salah laku*. (Tesis Master). Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Azyyati, Fariza & Salasiah. (2013). Ciri-ciri remaja berisiko: kajian literatur. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan. Universiti Kebangsaan Malaysia. *UKM Journal Article*.

Balan Rathakrishnan. (2015). Intervensi buli: isu-isu terpilih. School of psychology and social work. *Prosiding Seminar Psikologi Kebangsaan III 2016 SPK III 2016*.

Bandura, A. & Mischel, W. (1986). *Social foundation of thought and action: A social and cognitive theory*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.

Bandura, A. (1973). *Aggression, a social learning analysis*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.





Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.

Bogdan & Biklen. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.

Bogdan, Robert & Biklen Sari Knopp. (1982). *Qualitative research for education an introduction to theory and methods*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.

Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. (2015). Delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja/pelajar muslim bersepadu. *Jurnal Hadhari*.

Buku Petunjuk Kesihatan. (2015). *Petunjuk bagi pemantauan dan penilaian strategi*. Pusat Informik Kesihatan. Bahagian Perancangan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Buletin Perangkaan KKLW. (2011). *Definisi bandar dan luar bandar oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan 2010*. Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Putrajaya.



Burn. (1995). *Introduction to research methods*. Melbourne: Longman.

Carbone Lopez, Esbensen, & Brick. (2010). Correlates and consequences of peer victimization: Gender differences in direct and indirect forms of bullying. *Youth Violence And Juvenile Justice* 8(4).

Cheng Fang Yen, Chih Hung Ko, Tai-Ling Liu & Huei Fan Hu. (2015). Physical child abuse and teacher harassment and their effects on mental health problems amongst adolescent bully. *Victims In Taiwan Child Psychiatry Hum Dev* 46. DOI

Cheng, Danescu Niculescu-Mizil, & Leskovec. (2014). *How community feedback shapes user behavior*. Arxiv Preprint.

Christopher Armitage, Maria Panagioti, Wirda Abdul Rahim & Richard Rowe. (2015). *Completed suicides and self-harm in Malaysia: A systematic review*. Malaysian Ministry of Health.

Chua. (2011). *Kaedah dan statistic penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. Mcgraw Hill Education.

Cook, Williams, Guerra, Kim, & Sadek. (2010). Predictors of bullying and victimization in childhood and adolescence. *A Meta-Analytic Journal*.





- Creswell. (2008). *Qualitative inquiry and research design, choosing among five traditions*. Thousand Oaks: Sage.
- Damanjit Sadhu, Manjot Kaur & Kirandeep Kaur. (2016). Bully victimization and pupil well being. *Indian Journal of Health and Wellbeing*.
- David L. Morgan. (1997). *Focus groups as qualitative research*. Volume 16 of Qualitative Research Methods: A Sage University Paper.
- Department of Education and skills. (2013). *Anti bullying procedures for primary and pot primary schools*. (Report). Dublin City University: National Parents Council.
- Dill, Redding, Surette & Cornell. (2011). Recurrent issues in efforts to prevent homicidal youth violence in schools: Expert opinions. *New Dir Youth Dev*. 2011 Spring; 2011 (129).
- Donegan. (2012). Bullying and cyberbullying: History, statistics, law, prevention and analysis. *Journal of Undergraduate Research in Communications*.
